

**ASPEK KALA DALAM GAYA BAHASA NAFI
DALAM JUZ 'AMMA**

AHMAD BIN WAN ABD RAHMAN

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**ASPEK KALA DALAM GAYA BAHASA NAFI
DALAM JUZ ‘AMMA**

AHMAD BIN WAN ABD RAHMAN

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **Ahmad Bin Wan Abd Rahman**

No. Pendaftaran/Matrik: **TGA070002**

Nama Ijazah: **Sarjana Pengajian Bahasa Moden**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Aspek Kala Dalam Gaya Bahasa Nafi Dalam Juz ‘Amma

Bidang Penyelidikan: **Sintaksis**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/ penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabinya tahu bahawa penghasilan Hasil kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon :

Tarikh: 12 Februari 2015

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi :

Tarikh: 12 Februari 2015

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai aspek kala gaya bahasa nafi dalam Juz ‘Amma. Tujuan kajian ini adalah untuk **mengenal pasti** aspek kala dalam gaya bahasa nafi bahasa Arab dan **menganalisis** penggunaan gaya bahasa nafi dalam al-Quran al-Karim dan hubung kaitnya dengan unsur kala dalam Juz ‘Amma. Tiga instrumen digunakan dalam kajian ini, iaitu penelitian (*istiqrā'*), deskriptif dan analisis data. Instrumen penelitian (*istiqra'*) dan deskriptif digunakan untuk mengenal pasti aspek kala dalam gaya bahasa nafi bahasa Arab, manakala instrumen analisis data digunakan untuk menganalisis penggunaan gaya bahasa nafi dalam Juz ‘Amma dan hubung kaitnya dengan unsur kala. Hasil kajian mendapat terdapat tiga aspek kala yang dapat diterjemahkan untuk dikaitkan dengan sembilan kata peranti nafi iaitu kala lampau, kala kini dan masa hadapan. Keputusan analisis yang dibuat mendapat terdapat lapan daripada sembilan kata peranti nafi dalam Juz ‘Amma yang mempunyai hubung kait dengan ketiga-tiga unsur kala tersebut. Kesimpulannya, pemilihan kata peranti nafi yang tepat dengan binaannya serta unsur kala yang sesuai akan membentuk ayat yang sempurna maknanya dan seterusnya memberi kefahaman kepada maksud yang ingin disampaikan.

ABSTRACT

This study discusses the element of time in the linguistic style of denial aspect in Juz ‘Amma. It was conducted with the purpose of **identifying** the element of time in the linguistic style of denial in the Arabic language as well as **analyzing** the use of linguistic style of denial in the Al-Quran al-Karim and its correlation to the element of time in Juz ‘Amma. Three instruments were used in this study; scrutinizing (*istiqrā’*), descriptive and data analysis. Scrutinizing (*istiqrā’*) and descriptive instruments were used in identifying the element of time in the linguistic style of denial in Arabic language, and to analyze the use of linguistic style of denial in Juz ‘Amma and its correlation to the element of time, data analysis instrument were used instead. Results from the study shows that there are three element of time, which could be translated as a link to the nine particles of denials, and the three elements are the past, the present and the future. From the analysis, it was found that eight out of nine particles of denial in Juz ‘Amma is related with the three element of time mentioned earlier. In conclusion, selecting the particles of denial with precise structure and combining it with a suitable element of time will create a verse with perfect meaning thus providing a better understanding of the point or meaning the verse is conveying.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah inayahNya dan keizinanNya dapat saya menyempurnakan kajian ini dengan jayanya. Ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Dr. Mat Taib Bin Pa atas segala tunjuk ajar dan bimbingan serta nasihat yang beliau berikan sepanjang menyiapkan kajian ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada warga Unit Bahasa Arab, Akademi Pengajian Bahasa UiTM Shah Alam yang sentiasa memberikan dorongan dan bantuan kepada saya. Tidak dilupakan kepada kakitangan yang bertugas di Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM Bangi, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Shah Alam dan Perpustakaan UIAM Gombak yang banyak membantu saya dalam mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan untuk kajian ini.

Penghargaan yang tidak terhingga kepada ayahanda dan ibunda tercinta, Wan Abd Rahman Wan Omar dan Meriam Binti Omar serta seluruh ahli keluarga yang telah memberi semangat sepanjang menyiapkan kajian ini.

Jutaan penghargaan buat isteri tercinta, Noraini Binti Ismail serta kepada empat cahaya mata yang banyak memberi sokongan dan menjadi sumber inspirasi kepada saya dalam menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali kepada semua pihak yang membantu secara langsung mahupun tidak, semoga Allah s.w.t. membalas segala pengorbanan dan budi baik kalian.

Yang benar,

.....
(Ahmad Bin Wan Abd Rahman)

Puncak Alam, Selangor.

University Of Malaya

ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
PERAKUAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI TRANSLITERASI	xv
BAB 1: PENGENALAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Kepentingan kajian	6
1.6 Metodologi Kajian	7
1.7 Batasan Kajian	10
1.8 Kajian Lepas	12
1.9 Rangka Kajian	15
1.10 Penutup	16
BAB 2: GAYA BAHASA NAFI MENURUT AHLI NAHU	
2.0 Pendahuluan	17
2.1 Pengertian Nafi	
2.1.1 Pengertian Nafi Dari Segi Bahasa	17
2.1.2 Pengertian Nafi Dari Segi Istilah	18

2.2	Jenis-Jenis Nafi	
2.2.1	Nafi Tersurat (<i>Al-Naft al-Sarih</i>)	20
2.2.2	Nafi Tersirat (<i>Al-Naft al-Dimniyy</i>)	21
2.3	Kata Peranti Nafi Dalam Bahasa Arab	
2.3.1	Kata Peranti Nafi ﻞَيْسَ	22
2.3.2	Kata Peranti Nafi ﻡَا	31
2.3.3	Kata Peranti Nafi ﻻ	38
2.3.4	Kata Peranti Nafi ﻻَّا	47
2.3.5	Kata Peranti Nafi ﻹِنْ	50
2.3.6	Kata Peranti Nafi ﻠَنْ	52
2.3.7	Kata Peranti Nafi ﻢُ	56
2.3.8	Kata Peranti Nafi ﻞَعْلَى	63
2.3.9	Kata Peranti Nafi ﻙَلَّا	67
2.4	Penutup	72

BAB 3: ASPEK KALA DALAM GAYA BAHASA NAFI

3.0	Pendahuluan	73
3.1	Unsur Kala Kata Peranti Nafi ﻞَيْسَ	73
3.2	Unsur Kala Kata Peranti Nafi ﻡَا	78
3.3	Unsur Kala Kata Peranti Nafi ﻻ	84
3.4	Unsur Kala Kata Peranti Nafi ﻻَّا	89
3.5	Unsur Kala Kata Peranti Nafi ﻹِنْ	90
3.6	Unsur Kala Kata Peranti Nafi ﻠَنْ	92
3.7	Unsur Kala Kata Peranti Nafi ﻢُ	95
3.8	Unsur Kala Kata Peranti Nafi ﻞَعْلَى	97
3.9	Unsur Kala Kata Peranti Nafi ﻙَلَّا	101
3.10	Penutup	102

BAB 4: ANALISIS ASPEK KALA GAYA BAHASA NAFI DALAM JUZ ‘AMMA

4.0	Pendahuluan	103
4.1	Pengenalan Juz ‘Amma	103
4.2	Kata Peranti Nafi Beserta Kala Dalam Juz ‘Amma	104
4.3	Penggunaan Kata Peranti Nafi Bagi Ketiga-tiga Kala Masa	160
4.4	Penggunaan Kata Peranti Nafi Menerusi Ayat Namaan Dan Ayat Kerjaan.	164
4.5	Kata Peranti ﴿ ﴾ Dalam Ayat Namaan Dan Kerjaan Yang Tidak Mengandungi Makna Nafi	165
4.6	Penutup	172

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0	PENDAHULUAN	173
5.1	RUMUSAN DAPATN KAJIAN	
5.1.1	Ciri-ciri Kata Peranti Nafi	173
5.1.2	Kepentingan Kata Peranti Nafi Dari Aspek Kala	174
5.1.3	Implikasi Penggunaan Kata Peranti Nafi Dari Aspek Makna Kala	174
5.1.4	Perbezaan Pandangan Ahli Nahu	175
5.1.5	Penggunaan Kata Peranti Nafi Dalam Juz ‘Amma	175
5.1.6	Kekangan Kajian	176
5.2	CADANGAN	
5.2.1	Cadangan Kajian Lanjutan	177
5.2.2	Cadangan Umum	177
5.3	PENUTUP	178
SENARAI RUJUKAN		179
LAMPIRAN		185

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Tajuk	Halaman
Jadual 2.1	Penggunaan Kata Peranti Nafi Dalam Ayat Namaan Dan Ayat Kerjaan.	70
Jadual 4.1	Penggunaan Kata Peranti Nafi Bagi Ketiga-tiga Kala Masa.	160
Jadual 4.2	Penggunaan Partikel Nafi Menerusi Ayat Namaan Dan Ayat Kerjaan.	164
Jadual 4.3	Kata Peranti Nafi Dalam Ayat Namaan Dan Kerjaan Yang Tidak Mengandungi Makna Nafi	165

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Tajuk	Halaman
Rajah 3.1	Aspek Kala Kata Peranti Nafi لِيُسْرَى Yang Umum (<i>Mutlaq</i>) Menurut Sībawayh	73
Rajah 3.2	Aspek Kala Kata Peranti Nafi لِيُسْرَى Pada Kala Kini Menurut al-Irbillī, al-Mubarrid dan al-Zamakhsharī	74
Rajah 3.3	Aspek Kala Kata Peranti Nafi لِيُسْرَى Pada Ketiga-tiga Kala Menurut Ibn Mālik	75
Rajah 3.4	Aspek Kala Kata Peranti Nafi لِيُسْرَى Dengan Petunjuk (<i>qarīnatt</i>)	76
Rajah 3.5	Aspek Kala Kata Peranti Nafi لِيُسْرَى Menurut al-Mubarrid	78
Rajah 3.6	Aspek Kala Kata Peranti Nafi لِيُسْرَى Menurut Ibn Mālik	79
Rajah 3.7	Aspek Kala Kata Peranti Nafi لِيُسْرَى Menurut al-'Alawī	80
Rajah 3.8	Aspek Kala Kata Peranti Nafi لِيُسْرَى Dari Sudut Jarak Menurut Tammām Hassān dan Ibn Ya'īsh	82
Rajah 3.9	Aspek Kala Kata Peranti Nafi لِيُسْرَى Dari Sudut Jarak Masa Menurut al-Zamakhsharī	82
Rajah 3.10	Aspek Kala Kata Peranti Nafi لِيُسْرَى Menurut al-Mubarrid	84
Rajah 3.11	Aspek Kala Kata Peranti Nafi لِيُسْرَى Menurut Muhsin 'Alī 'Atiyyatt	85
Rajah 3.12	Aspek Kala Kata Peranti Nafi لِيُسْرَى Menurut al-Akhfash, Ibn Mālik dan al-'Alawī	86
Rajah 3.13	Aspek Kala Kata Peranti Nafi لِيُسْرَى Ketika Berulang	87
Rajah 3.14	Aspek Kala Kata Peranti Nafi لِيُسْرَى Ketika Mangandungi Makna Doa dan Gaya Bahasa Sumpah (<i>al-qasam</i>)	88

Rajah 3.15	Aspek Kala Kata Peranti Nafi ﴿﴾ Dalam Ayat Namaan Dan Ayat Kerjaan Kata Kerja Kala Kini	91
Rajah 3.16	Aspek Kala Kata Peranti Nafi ﴿﴾ Dalam Ayat Namaan Dan Ayat Kerjaan Kata Kerja Kala Lampau	92
Rajah 3.17	Aspek Kala Kata Peranti Nafi ﴿﴾ Menurut Majoriti Ahli Nahu	95
Rajah 3.18	Aspek Kala Kata Peranti Nafi ﴿﴾ Menurut Majoriti Ahli Nahu	96
Rajah 3.19	Aspek Kala Kata Peranti Nafi ﴿﴾ Menurut Ibn Mālik dan Kamāl ‘Abd Rahīm Rashīd	97
Rajah 3.20	Aspek Kala Kata Peranti Nafi ﴿﴾ Pada Kala Lampau	98

SENARAI SINGKATAN

a.s.	‘Alayh al-salām
Bil.	Bilangan
Jil.	Jilid
KPN	Kata peranti nafi
ms.	Muka surat
No.	Nombor
r.a.	Radiyallāhu ‘anh
s.a.w.	Salallāh ‘alayh wa sallam
s.w.t.	Subḥānahu wa ta‘ālā
T.t	Tanpa tarikh

SENARAI TRANSLITERASI

1. Sistem Tulisan Rumi untuk Konsonan:

Nama Huruf	Huruf Arab	Huruf Rumi
هڙة	ء	,
باء	ب	b
تاء	ت	t
ثاء	ث	<u>th</u>
جيم	ج	j
حاء	ح	<u>h</u>
خاء	خ	<u>kh</u>
DAL	د	d
ذال	ذ	<u>dh</u>
راء	ر	r
زاي	ز	z
سين	س	s
شين	ش	<u>sh</u>
صاد	ص	<u>s</u>
ضاد	ض	<u>d</u>
طاء	ط	<u>t</u>
ظاء	ظ	<u>z</u>

Nama Huruf	Huruf Arab	Huruf Rumi
عين	ع	'
غين	غ	gh
فاء	ف	f
قاف	ق	q
كاف	ك	k
لام	ل	l
ميم	م	m
نون	ن	n
هاء	ه	h
واو	و	w
ياء	ي	y
تاء مربوطة	ة	tt

2. Sistem Tulisan Rumi untuk Vokal

Vokal dapat dikategorikan kepada dua jenis iaitu vokal pendek dan vokal panjang:

a) Vokal Pendek

Vokal Pendek	Huruf Rumi	Contoh Asal	Transliterasi
(ُ)	u	صَلْحٌ	saluha
(َ)	a	رَزْقٌ	razaqa
(ِ)	i	عَمِيلٌ	'amila

b) Vokal Panjang:

Vokal Panjang	Huruf Rumi	Contoh Asal	Transliterasi
(و)	ū	رسُول	rasūl
(ا)	ā	غِلَاف	ghilāf
(ي)	ī	عَمِيق	‘amīq

3. Sistem Tulisan Rumi untuk Diftong:

Terdapat dua keadaan diftong dalam bahasa Arab iaitu seperti berikut:

Huruf Arab	Huruf Rumi	Transliterasi
قوْل	aw	qawl
سَيْف	ay	sayf

4. Tanda Sempang:

Tanda sempang digunakan untuk memisahkan partikel tertentu. Ia digunakan pada permulaan perkataan yang bermula dengan konsonan qamariyyatt dan shamsiyatt:

a) Konsonan Qamariyyatt:

(ب، ج، ح، خ، ع، ف، ق، ك، م، ه، و، ي، أ)

Contoh	Transliterasi
الجَبَل	al-jabal
الحِكْمَة	al-hikmatt
الْمَعْهَد	al-ma‘had

b) Konsonan Shamsiyatt:

(ت، ث، د، ذ، ر، ز، س، ش، ص، ض، ط، ظ، ل، ن)

Contoh	Transliterasi (kaedah sebutan)	Transliterasi (kaedah ejaan/ aksara)
الشَّمَاءُ	<u>ash</u> -shimāl	al-shimāl
الطَّبِيبُ	<u>at</u> -tabīb	al-tabīb
النُّورُ	<u>an</u> -nūr	al-nūr

Catatan: Pengkaji menggunakan panduan transliterasi yang diguna pakai di dalam buku terbitan Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara (UiTM), 2011.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Dalam bab satu ini, pengkaji membincangkan secara ringkas berkaitan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, batasan kajian dan juga kajian-kajian terdahulu.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Gaya bahasa nafi merupakan satu aspek yang ada dalam semua bahasa. Namun cara penyampaiannya berbeza dari satu bahasa dengan bahasa yang lain. Ia juga merupakan satu unsur asas dalam berbahasa ketika menyampaikan perasaan dan pendapat mengenai persekitaran, iaitu dengan berkata “ya” apabila ia selari dengan pendapat mereka dan berkata “tidak” apabila sesuatu perkara atau keadaan itu bercanggah dengan pendirian diri.

Gaya bahasa nafi dalam bahasa Arab merupakan salah satu gaya bahasa yang penting antara kategori gaya bahasa-gaya bahasa yang lain seperti gaya bahasa syarat (*uslūb al-shart*), gaya bahasa pengukuhan (*al-tawķīd*) dan sebagainya. Nafi dalam sesebuah ayat bahasa Arab dapat direalisasikan dengan penggunaan salah satu kata perantinya, iaitu لَمْ, إِنْ, لَا, لَاتْ, كُلَّا, مَا, لَيْسَ. Ada antara kata peranti-kata peranti tersebut yang bersifat khusus bagi ayat-ayat namaan (*jumlatt ismiyyatt*) dan juga yang khusus bagi ayat-ayat kerjaan (*jumlatt fi‘liyyatt*), malah ada juga antaranya yang digunakan dalam kedua-dua bentuk ayat tadi. Ia bertujuan untuk menyatakan makna penafian (*al-nafi*) terhadap sesuatu perkara.

Aspek kala pula merupakan satu unsur yang disebut dan dikaji oleh ahli nahu terdahulu. Dalam bahasa Arab, aspek kala merupakan satu perkara asas dalam pembentukan asas-asas linguistik. Menurut Kamīl Abd Rahīm Rashid (2008: 9) pengkategorian kata (*al-kalimatt*) dalam bahasa Arab kepada huruf, kata nama dan kata kerja adalah dari kesan unsur kala. Kesan aspek kala juga telah membawa kepada pembahagian jenis-jenis ayat dalam bahasa Arab kepada ayat namaan dan ayat kerjaan. Demikian juga perihal fleksi (*i'rāb*) dan agen fleksi (*'āmil*) bahasa Arab, ia dilihat sangat berkait rapat dengan kesan kala, yang mana banyak makna kata kerja tentang masa ditunjukkan dengan tanda kasus fleksi tertentu pada hujungnya.

Manakala dari sudut gaya bahasa nafi, aspek kala dapat diterjemahkan dengan melihat kepada makna nafi pada tiga kala; kala lampau, kala kini dan kala hadapan. Gaya bahasa nafi banyak terdapat dalam al-Quran al-Karim dan disampaikan dengan bahasa yang indah. Ia mengandungi aspek kala secara tersurat dan tersirat, sesuai dengan tahap bahasa kitab Allah s.w.t. yang menjadi mukjizat dan tiada bandingan. Melalui kajian ini, pengkaji akan menerangkan secara terperinci kepentingan gaya bahasa nafi dari segi kala dalam gaya bahasa al-Quran al-Karim agar pemahaman tentang maksud ayat yang terkandung dalam al-Quran al-Karim dapat diperjelaskan dengan betul dan tidak menyeleweng dari maksud yang sebenar.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Hasil dari penelitian dengan merujuk kepada kitab-kitab nahu serta kitab-kitab dalam kajian-kajian yang lepas mengenai al-Quran, baik yang lama maupun yang baru, pengkaji mendapati bahawa kajian tentang unsur kala dalam gaya bahasa nafi bahasa Arab dan perkaitannya dengan al-Quran masih kurang dibincangkan secara khusus. Jika

terdapat sekali pun, aspek tersebut hanya dinyatakan secara berasingan dalam beberapa bab nahu dan penulisan. Manakala kajian berhubung al-Quran dengan bahasa, khususnya sintaksis dan semantik dalam persada penulisan negara Malaysia masih baru dan perlu kepada penyelidikan yang teliti.

Pemilihan kata peranti nafi yang tepat dengan binaannya serta unsur kala yang sempurna dalam gaya bahasa tersebut akan membentuk ayat yang sempurna maknanya, seterusnya membentuk kefahaman kepada maksud yang ingin disampaikan. Menyedari hakikat inilah kajian ini dilakukan untuk menghuraikan susur galur pembinaan dan pembentukan kata peranti nafi, khususnya kata peranti nafi yang mempunyai ciri-ciri unsur kala serta kedudukannya dalam ayat bahasa Arab secara amnya dan dalam gaya bahasa al-Quran secara khasnya.

Peranan kata peranti nafi bukan sahaja penting dalam binaan struktur ayat bahasa Arab, tetapi juga sebagai teras dari segi semantik ayat. Malah sekiranya sesuatu kata peranti nafi tidak digunakan dengan tepat ia tidak akan dapat menepati erti yang dikehendaki. Sebagai contoh, kesilapan memilih partikel nafi yang tidak sesuai untuk menyatakan makna kala nafi yang dikehendaki seperti ungkapan "لَا يَرْجِعُ الْأَبُ مُنْدُ الْبَارَحَةِ" ¹ yang sepatutnya diucapkan dengan menggunakan partikel nafi مِمْ iaitu "مِمْ يَرْجِعُ الْأَبُ مُنْدُ الْبَارَحَةِ" bagi menggambarkan maksud "ayah tidak pulang sejak semalam". Ini kerana makna nafi pada ayat tersebut menunjukkan makna masa pada kala lampau bahawa bapa tersebut tidak pulang sejak semalam dan keadaan itu berterusan sehingga ke saat percakapan diungkapkan. Dalam konteks ini, ayat tersebut memerlukan penggunaan

¹. Wahdatt al-Buhūth Wa al-Manāhij, Ma‘had al-Lughatt al-‘Arabiyyatt. (T.t). *al-Akhtā’ al-Lughawiyatt al-Tahrīriyyatt Li Tullāb al-Mustawā al-Mutaqaddim Fī Ma‘had al-Lughatt al-‘Arabiyyatt*. Jāmi‘att Umm al-Qurā.

partikel nafi ﴿ وَمِنْ يَلْدَنْ وَمِنْ يُولَدْ ﴾ dan bukannya ﴿ يَلْدَنْ وَمِنْ ﴾. Demikianlah peranan kata peranti nafi dalam struktur ayat bahasa Arab dan kepentingannya dari segi semantik.

Satu perkara yang perlu diperhatikan di sini ialah, kita sering menemui sesuatu kata kerja yang tidak lagi menunjukkan kepada makna kala yang asal setelah dimasuki partikel nafi. Sebagai contoh firman Allah s.w.t. dalam surah al-Ikhlas, ayat 3:

﴿ مِنْ يَلْدَنْ وَمِنْ يُولَدْ ﴾ Maksudnya: “Dia tiada beranak dan tiada pula diperanangkan”. Menurut al-Zamakhsharī dalam kitab tafsir al-Kashshāf: ﴿ مِنْ يَلْدَنْ ﴾ bahawa Allah s.w.t. itu esa dan tiada berteman yang boleh melahirkan anak, manakala ﴿ يُولَدْ ﴾ adalah kerana setiap yang dilahirkan itu merupakan makhluk ciptaan yang mempunya jisim, sedangkan Allah s.w.t. bersifat *Qadīm*, tidak berjisim, tidak didahului oleh sesiapa serta tiada apa yang menyekutui-Nya (Al-Zamakhsharī, T.t: 298).

Satu perkara yang perlu diyakini oleh setiap orang Islam bahawa al-Quran itu merupakan sebuah kitab mukjizat daripada Allah s.w.t. yang agung, yang mana pemilihan setiap perkataannya amatlah bertepatan mengikut kehendak Allah s.w.t. serta tidak sia-sia. Partikel nafi ﴿ وَ ﴾ walaupun ia menafikan kata kerja kala kini (*fi'l mudāri'*), ia membawa makna nafi pada kala lampau (*fi'l mādī*) dan unsur ini dinamakan sebagai *qalb* (pengubahan makna dari kala kini kepada kala lampau). Dalam contoh ini, kata kerja kala kini yang pada asalnya membawa maksud kala semasa (*al-hāl*) atau kala hadapan (*al-mustaqqbal*) telah bertukar kepada makna kala lampau. Ini menunjukkan bahawa unsur kala bagi kata kerja dalam sesebuah ungkapan ataupun konteks (*siyāq*) tidak semestinya kekal, walaupun semasa berada secara berasingan ia menunjukkan kepada makna masa kala kini atau kala hadapan.

Manakala firman Allah s.w.t. dalam surah Sād, ayat 8: ﴿وَلَمَّا يَذُوقُوا عَذَابًا﴾ maksudnya “Tetapi mereka belum merasakan azab (Ku)”. Menurut Abū Hayyān dalam kitab tafsir *al-Bahr al-Muhit* “Mereka belum merasakan azab Allah, dan setelah mereka merasakannya nescaya mereka akan mengetahui bahawa apa yang telah didatangkan olehnya (Muhammad) adalah *haqq* (benar) dan hilanglah keraguan mereka” (Abū Hayyān al-*Andalūsī*, 1992: 7: 364).

Partikel nafi ﴿نـ﴾ dalam ayat ini pula membawa makna waktu penafian pada kala lampau apabila Allah s.w.t. mengatakan “belum merasakan azabKu”, tetapi azab ke atas orang yang tidak beriman dengan Muhammad s.a.w. itu sesuatu yang boleh dijangka akan dirasai pada hari kiamat. Ini bermakna terdapat unsur nafi yang mengkehendaki makna kala nafi pada kala lampau dan berakhir pada saat tertentu.

Oleh yang demikian, persoalan yang timbul ialah apakah ciri-ciri yang perlu dijelaskan mengenai kata peranti nafi? Apakah pula jenis-jenis kata peranti nafi yang membawa maksud nafi pada kala lampau, kala kini dan kala hadapan? Apakah jenis-jenis kata peranti nafi yang digunakan bersama kata kerja kala kini dan kata kerja kala lampau serta kesannya dari unsur kala? Apakah partikel-partikel nafi yang bersifat khusus bagi ayat-ayat namaan (*jumal ismiyyatt*) dan juga yang khusus bagi ayat-ayat kerjaan (*jumal fi‘liyyatt*)? Apakah ciri-ciri yang boleh dijelaskan mengenai penggunaan kata peranti nafi apabila mengkehendaki makna nafi pada kala lampau dan berakhir pada masa tertentu (*al-inqitā‘*) berbanding dengan penggunaan partikel nafi dengan maksud berterusan (*al-ittisāl*)?

Menyedari hakikat bahawa konsep kala dalam gaya bahasa nafi masih banyak yang belum diselidiki oleh para pengkaji bahasa Arab tempatan khususnya yang terdapat

dalam al-Quran, pengkaji memilih topik Aspek Kala Dalam Gaya Bahasa Nafi Dalam Juz ‘Amma untuk dijadikan sebagai kajian bagi menghuraikan permasalahan kajian sebagaimana yang telah dinyatakan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji akan cuba mencapai objektif-objektif seperti yang berikut:

- i. Menerangkan aspek kala gaya bahasa nafi dalam bahasa Arab.
- ii. Menganalisis aspek kala gaya bahasa nafi dalam Juz ‘Amma.
- iii. Mengenal pasti kekerapan penggunaan kata peranti nafi dalam Juz ‘Amma.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif kajian ini, berikut adalah persoalan kajian yang akan membantu penyelidik mencapai sasaran kajian:

- i. Bagaimanakah aspek kala gaya bahasa nafi yang terdapat dalam bahasa Arab?
- ii. Apakah aspek kala yang terdapat dalam Juz ‘Amma?
- iii. Berapa kalikah penggunaan kata peranti nafi yang terdapat dalam Juz ‘Amma.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah satu usaha dalam memenuhi beberapa kepentingan, antaranya:

- i. Kajian ini perlu sebagai satu cara untuk memperjelaskan keistimewaan gaya bahasa yang terdapat dalam al-Quran al-Karim.
- ii. Mengemukakan kepentingan gaya bahasa nafi dari segi kala dalam gaya bahasa al-Quran al-Karim agar pemahaman dengan maksud ayat yang terkandung di

dalam al-Quran al-Karim dapat diterjemahkan dengan betul dan tidak menyeleweng dari maksud yang sebenar.

- iii. Mengemukakan pandangan ahli nahu bahasa Arab dan ahli tafsir mengenai unsur kala dalam gaya bahasa nafi.
- iv. Memperoleh banyak faedah ilmiah berbentuk teori dan praktikal berdasarkan kaedah nahu yang dibuat oleh para ahli nahu serta penggunaannya dalam gaya bahasa al-Quran al-Karim.
- v. Memberi sumbangan kepada bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia untuk dijadikan sebagai panduan dalam merangka silibus pengajian yang sesuai dan mudah berkaitan tentang gaya bahasa nafi bahasa Arab.

1.6 METODOLOGI KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan, kajian ini akan mengupas tiga perkara utama iaitu, menerangkan tentang aspek kala gaya bahasa nafi dalam bahasa Arab secara terperinci, mengenal pasti aspek kala gaya bahasa nafi yang terdapat dalam Juz ‘Amma dan menganalisis penggunaan gaya bahasa nafi dalam Juz ‘Amma dan hubung kaitnya dengan unsur kala.

Pendekatan perpustakaan merupakan pendekatan utama yang digunakan dalam metodologi kajian disertasi ini bagi mendapatkan data dan keterangan yang jelas serta terperinci. Semua maklumat dikumpul dari buku-buku linguistik Arab, mu‘jam-mu‘jam serta buku-buku tafsir. Antara sumber utama rujukan pengkaji semasa membincangkan teori yang berkaitan dengan gaya bahasa nafi ialah penulisan-penulisan silam dan moden yang berkisar tentang kaedah-kaedah nahu Arab serta gaya bahasa nafi mengikut sistem tatabahasa tersebut, seperti *al-Kitāb* (Sībawayh, T.t), *al-Mustawfā Fī al-Nahw* (al-Farkhān,1997), *Jāmi‘ al-Durūs al-‘Arabiyya* (al-Ghalāyīnī,1988), *al-Janā al-Dānī*

Fī Hurūf al-Ma‘ānī (al-Murādī, 1992), *al-Tatbīq al-Nahwiyy* (al-Rājihī, 1988), , *Mughnī al-Labīb ‘An Kutub al-A‘arīb* (Ibn Hishām al-Anṣārī, 1991), *al-Asālīb al-Nahwiyyatt ‘Ard Wa Tatbīq* (Muhsin ‘Alī ‘Atiyyatt, 2007), *al-Zaman al-Nahwiyy Fī al-Lughatt al-‘Arabiyyatt* (Kamāl ‘Abd Rahīm Rāshīd, 2008). Manakala buku-buku yang berkaitan dengan tafsir dan ‘ulūm al-Quran pula seperti *Ma‘ānī al-Qurān* (al-Akhfash, 1985), *al-Bahr al-Muhīt Fī al-Tafsīr* (Abū Hayyān al-Andalūsī, 1992), *I‘rāb al-Qurān al-Karīm Wa Bayānuhu* (al-Darwīsh, 2003), *Dalā'il al-I‘jāz* karangan (al-Jurjānī, 1992), *al-Kashshāf ‘An Haqā‘iq al-Tanzīl Wa ‘Uyūn al-Aqāwīl Fī Wujūh al-Ta‘wīl* (al-Zamakhsharī, t.t), *al-Misbāh al-Munīr Fī Tahdhīb Tafsīr Ibn Khathīr* (Ibn Kathīr, 2008), *al-Jāmi‘ Li Ahkām al-Qurān* (Tafsīr al-Qurtubī) karangan al-Qurtubī (1949) dan lain-lain.

Bagi menerangkan perihal gaya bahasa nafi dan mengenal pasti aspek kala dalam gaya bahasa tersebut dalam bahasa Arab pengkaji menggunakan metodologi kajian kualitatif bagi mencapai matlamat yang diingini. Dalam bahagian kajian ini juga pengkaji menggunakan metodologi kajian penelitian (*al-istiqrā‘*) dengan cara mempelajari dan meneliti bentuk gaya bahasa nafi dalam bahasa Arab dan hubungannya dengan aspek kala. Melalui kaedah ini pengkaji mengumpulkan data-data kajian dari sumber-sumber rujukan dalam bidang tatabahasa bahasa Arab bagi menguatkan fakta mengenai gaya bahasa nafi bahasa arab. Antara buku-buku utama yang dirujuk bagi tujuan ini di samping rujukan-rujukan yang ialah seperti *al-Janā al-Dānī Fī Hurūf al-Ma‘ānī* (al-Murādī, 1992), *al-Tatbīq al-Nahwiyy* (al-Rājihī, 1988), *Mughnī al-Labīb ‘An Kutub al-A‘arīb* (Ibn Hishām al-Anṣārī, 1991), *al-Asālīb al-Nahwiyyatt ‘Ard Wa Tatbīq* (Muhsin ‘Alī ‘Atiyyatt, 2007) dan *al-Zaman al-Nahwiyy Fī al-Lughatt al-‘Arabiyyatt* (Kamāl ‘Abd Rahīm Rāshīd, 2008). Data-data yang diperolehi kemudian dipecahkan kepada dua bahagian secara spesifik mengikut kesesuaian kajian, iaitu bahagian pertama

tentang teori asas gaya bahasa nafi bahasa arab, manakala bahagian kedua tentang aspek kala gaya bahasa nafi. Seterusnya pengkaji menggunakan instrumen deskriptif iaitu dengan mengumpul, mencatat segala data yang terdapat dalam buku-buku rujukan dan menyusunnya berdasarkan kata peranti nafi tanpa menambah pendapat atau ulasan peribadi melainkan bagi sesetengah permasalahan yang mempunyai percanggahan pandangan ulamak.

Manakala bagi mengenal pasti penggunaan gaya bahasa nafi dalam Juz ‘Amma dan hubung kaitnya dengan unsur kala, pengkaji menggunakan metodologi kajian analisis data dengan cara menilai dan menganalisis data-data yang dikumpul secara kuantitatif. Pada peringkat permulaan pengkaji akan mengenalpasti terlebih dahulu ayat-ayat al-Quran yang mengandungi gaya bahasa nafi, kemudian menyenaraikan ayat-ayat tersebut dalam pembentangan analisis mengikut susunan jenis kata peranti nafi yang terdapat dalam ayat dan bukan mengikut susunan surah. Hal ini adalah bagi membolehkan pengkaji menumpukan perhatian ke atas aspek kala gaya bahasa nafi yang ditunjukkan menerusi kata peranti-kata peranti nafi tersebut satu demi satu.

Setelah itu pengkaji menggunakan metodologi kajian analisis data secara kualitatif dalam melakukan penelitian dan menganalisis ayat-ayat tersebut dari sudut pengertian, tafsiran, konteks ayat, gaya bahasa nafi yang digunakan dan hubung kaitnya dengan unsur kala serta mengemukakan pendapat-pendapat ahli nahu dan tafsir tentang permasalahan yang dikaji dari bahan-bahan rujukan, terutamanya dari tiga buah buku rujukan yang ada menyebut tentang tafsiran ayat dan aspek tatabahasa iaitu *al-Bahr al-Muhiṭ Fī al-Tafsīr* (Abū Hayyān al-Andalūsī (1992), *I'rāb al-Qurān al-Karīm Wa Bayānuhu* (al-Darwīsh, 2003), *al-Kashshāf 'An Haqā'iq al-Tanzīl Wa 'Uyūn al-Aqāwīl*

Fī Wujūh al-Ta’wīl (al-Zamakhsharī, t.t), di samping buku-buku tafsir yang lain seperti *al-Misbāh al-Munīr Fī Tahdhīb Tafsīr Ibn Khathīr* karangan Ibn Kathīr (2008), *al-Jāmi’ Li Ahkām al-Qurān* (Tasfīr al-Qurtubī) karangan al-Qurtubī (1949) dan *Jāmi’ al-Bayān ‘An Ta’wīl ‘āy al-Qurān* (Tafsīr al-Tabarī) karangan al-Tabarī (2000).

Bagi proses transliterasi pengkaji menggunakan panduan transliterasi yang diguna pakai dalam buku-buku terbitan Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara (UiTM) 2011, mengikut kaedah ejaan/ aksara. Naskhah al-Quran al-Karim yang digunakan dalam kajian ini pula ialah naskhah rasm ‘Uthmānī. Manakala bagi terjemahan ayat-ayat al-Quran dalam penulisan ini pula, pengkaji merujuk kepada “Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran” hasil terjemahan Syeikh Abdullah Basmeih yang diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Manakala penafsiran ayat menurut aspek nahu pengkaji merujuk kepada penulisan-penulisan ilmuwan yang berkaitan.

1.7 BATASAN KAJIAN

Dalam konteks batasan kajian ini, pengkaji menghuraikan gaya bahasa nafi bahasa Arab dari segi pengertian, pembahagian kata peranti nafi serta jenis-jenisnya, penggunaan dan peranannya secara umum sebagaimana yang telah ditetapkan oleh ahli nahu.

Dalam disertasi ini pengkaji memberi tumpuan kepada jenis gaya bahasa nafi tersurat (*al-nafi’ al-sarīh*) bagi mencapai objektif-objektif kajian yang telah dikemukakan tanpa menyentuh mengenai jenis gaya bahasa nafi tersirat (*al-nafi’ al-dimniyy*) dengan lebih terperinci.

Fokus utama kajian disertasi ini ialah kepada aspek kala dalam gaya bahasa nafi bahasa Arab dengan meneliti aspek kata peranti nafi dari sudut kala yang membawa maksud penafian pada kala lampau, kala kini dan kala hadapan berserta ciri-cirinya.

Dalam disertasi ini, tumpuan analisis diberikan kepada surah-surah yang terdapat dalam Juz ‘Amma, iaitu juz ke-30 dalam al-Quran al-Karim untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Kesesuaian pemilihan juz tersebut dibuat adalah berdasarkan kelebihan surah-surah tersebut yang banyak membincangkan soal akidah, hari pembalasan serta terdapat banyak contoh penggunaan kata peranti nafi yang menyentuh aspek kala yang boleh dikaji oleh pengkaji, sebagaimana penafian Allah s.w.t tentang azab-Nya ke atas hamba-hamba yang ingkar semasa di dunia, tetapi pasti akan merasainya pada hari kiamat. Antara lain, penafian Allah s.w.t. tentang keimanan segolongan hamba kepada-Nya semasa diistidrajkan di dunia dengan kenikmatan sehingga mereka menyaksikan hari kebangkitan dengan mata mereka sendiri. Demikian antara contoh bentuk nafi yang ada hubung kait tentang aspek kala, malah terdapat banyak lagi yang boleh dikaji dalam surah-surah juz ini.

Tumpuan pengkaji dalam disertasi ini adalah kepada aspek kala gaya bahasa nafi dan tidak menghurai secara terperinci makna ayat-ayat al-Quran yang menjadi sampel dari sudut *balāghāt*. Ini adalah kerana makna dari sudut tersebut tidak mempunyai perkaitan secara langsung dengan makna kala gaya bahasa nafi yang hendak dikaji oleh pengkaji. Namun demikian, pengkaji hanya akan menyebut secara ringkas mengenai makna dari sudut *balāghāt* terutamanya yang menyentuh penggunaan partikel nafi ؟ dan ؎ yang dimasuki dengan alif pertanyaan (*hamzatt al-istifhām*) yang boleh menunjukkan kepada makna-makna lain selain dari makna nafi.

1.8 KAJIAN LEPAS

Dalam kajian terdahulu, pengkaji mendapati tajuk yang berkaitan dengan partikel nafi yang menjurus kepada aspek kala masih belum dijadikan sebagai satu kajian disertasi. Malah topik berkaitan dengan partikel nafi itu sendiri masih kurang disentuh dalam kajian penulisan ilmiah dan kitab-kitab nahu bahasa Arab. Berbeza dengan topik yang berkaitan dengan al-Quran dan hubungannya dengan nahu bahasa Arab. Walaupun masih kurang tetapi telah ada tajuk-tajuk disertasi mengenainya.

Berikut adalah antara karya-karya yang dihasilkan oleh sarjana-sarjana nahu Arab yang telah mengkaji tentang bidang ini, seperti:

- i. Penulisan Khalīl ‘Amāyiratt (T.t) dalam bukunya “*Uslūbā al-Naftī Wa al-Istifhām Fī al-Lughatt al-‘Arabiyyatt*”. Sebuah kitab nahu yang menghimpunkan dua gaya bahasa yang terdapat dalam bahasa Arab iaitu gaya bahasa nafi (*al-naftī*) dan gaya bahasa tanya (*al-istifhām*). Pengarang kitab ini telah mendedahkan pembahagian-pembahagian penting yang terdapat dalam setiap gaya bahasa tadi yang dimulakan dengan aspek penggunaan partikel, pemansuhan kata tanya (*adātt al-istifhām*), seterusnya aspek nafi tersurat (*al-naftī al-sarīh*) yang memfokuskan penggunaanya dalam ayat namaan (*jumlatt ismiyyatt*) dan ayat kerjaan (*jumlatt fi liyyatt*). Namun begitu, aspek kala gaya bahasa nafi tidak diperincikan dengan menggunakan contoh-contoh ayat al-Quran al-Karim sebagaimana yang akan dilakukan oleh pengkaji. Walau bagaimanapun, rujukan ini telah banyak membantu pengkaji dalam mendapatkan gambaran asas yang berkaitan dengan gaya bahasa nafi bahasa Arab.

ii. Mustafa al-Nahhās (1979) dalam bukunya “*Al-Naftī Fī al-‘Arabiyyatt: Dirāsatt Wasfiyyatt Tārīkhīyyatt*”. Buku ini membincangkan tentang gaya bahasa nafi dalam bahasa Arab yang telah disusun dalam lima bab. Pengarang kitab ini telah memulakan perbincangan mengenai gaya nafi dalam bidang bahasa dan mantik. Kemudian diteruskan dengan menyentuh tentang sistem dalam gaya bahasa nafi, disusuli pula dengan menyebut kata peranti nafi yang berganda (*murakkab*) dan tidak berganda (*mufrad*). Seterusnya beliau menyebut tentang aspek nafi tersirat (*al-naftī al-dimniyy*) dan diakhiri dengan beberapa contoh gaya bahasa nafi yang terdapat dalam bahasa Arab. Walau bagaimanapun, aspek kala gaya bahasa nafi tidak disebut dengan terperinci oleh pengarang, beliau hanya menyebut tentangnya secara ringkas dan berselerak ketika setiap kali menyentuh tentang sesuatu kata peranti nafi tanpa huraian yang khusus dan tidak tersusun. Sedangkan aspek inilah yang akan diberikan tumpuan oleh pengkaji dalam kajian ini, iaitu dengan menghuraikan dan mengklasifikasi tentang unsur kala mengikut setiap kata peranti nafi dengan terperinci. Namun begitu, rujukan ini juga telah banyak membantu dan menjadi sandaran kepada pengkaji bagi mendapatkan gambaran asas yang berkaitan dengan gaya bahasa nafi bahasa Arab.

Manakala penulisan ilmiah terdahulu yang pernah dihasilkan tentang gaya bahasa nafi bahasa Arab, dua darinya merupakan kajian disertasi tempatan dan satu dari luar negara yang dapat ditinjau oleh pengkaji, iaitu:

i. Kajian disertasi yang dibuat oleh Mona Abdul El-Wahab Mohamed Youssef (2005) yang bertajuk “*Susunan al-Nafi Kajian Nahuan Qur’ani Perlaksanaan Dalam Surah al-Baqarah*”. Kajian beliau berbentuk kajian nahu aplikasi aspek gaya bahasa nafi dalam al-Quran al-Karim yang mengupas tentang dua struktur nafi, iaitu nafi

tersurat (*al-nafī al-sarīh*) yang bererti gaya bahasa nafi yang menggunakan kata peranti nafi dan nafi tersirat (*al-nafī ad-dimniyy*) iaitu gaya bahasa nafi yang difahami melalui struktur bahasa. Namun kajian beliau lebih menjurus kepada persoalan nahu dan tidak menyentuh secara langsung berkaitan unsur kala pada gaya bahasa nafi.

- ii. Hasil penulisan Raja Munirah bt. Raja Sulaiman (2006) yang bertajuk “*Uslūb al-Naftī Fī al-Lughatayn al-‘Arabiyyatt Wa al-Malāyūwiyyatt: Dirāsatt Taqābuliyyatt*”. Kajian beliau merupakan kajian perbandingan yang mendedahkan tentang perbezaan antara gaya bahasa nafi bahasa Arab dan bahasa Melayu serta lebih menekankan perbincangan mengenai aspek penstrukturkan perkataan dan sistem ayat dalam gaya bahasa nafi antara kedua-dua bahasa tersebut. Namun demikian, kajian ini lebih berbentuk konstraktif dan tidak menyentuh tentang unsur kala gaya bahasa nafi secara khusus.
- iii. Kajian disertasi yang hasilkan oleh Jamāl Muḥammad al-Nahhāl (2007) “*Asālib al-Naftī Wa al-Tawķid Fī Shi‘r Rathā’ Shuhadā’ Intifadatt al-Aqsā: Dirāsatt Wasfiyyatt Tahlīliyyatt*”. Penulis dalam kajian ini telah mengkaji penggunaan gaya bahasa nafi dan gaya bahasa penegasan dalam sajak-sajak ratapan para syahid kebangkitan bumi Palestin. Analisis beliau yang berkaitan dengan gaya bahasa nafi dalam kajian ini menjurus kepada penggunaannya secara aplikasi dan mengupas persoalan nafi tersirat (*al-nafī al-sarīh*) dan nafi tersirat (*al-nafī al-dimniyy*) tanpa menyentuh aspek kala dalam gaya bahasa nafi secara mendalam dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran al-Karim.

Walau bagaimanapun, hasil dari tinjauan ke atas kajian-kajian terdahulu pengkaji mendapati bahawa belum ada satu kajian khusus yang mengupas persoalan kala dalam

gaya bahasa nafi bahasa Arab. Ia merupakan salah satu unsur yang penting dan memberi impak yang besar kepada makna interpretasi ayat. Oleh yang demikian, pengkaji merasakan kajian ini perlu dilakukan serta dianalisis dengan terperinci. Diharap hasil dapatan karya-karya terdahulu dapat memberikan maklumat atau cetusan idea kepada penulisan dan pemantapan disertasi ini.

1.9 RANGKA KAJIAN

Kajian ini mengandungi lima bab. Huraian ringkas mengenai rangka kajian adalah seperti berikut:

i. BAB 1: PENGENALAN

Pengkaji menghuraikan aspek-aspek asas dalam kajian iaitu pendahuluan, latar belakang kajian, pemasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, metodologi kajian, sorotan kajian berkaitan, rangka kajian dan penutup.

ii. BAB 2: GAYA BAHASA NAFI MENURUT AHLI NAHU

Pengkaji menghuraikan beberapa teori yang berkaitan dengan gaya bahasa nafi dalam bahasa Arab seperti pengertian nafi, jenis-jenis gaya bahasa nafi, bilangan kata peranti nafi, pembahagian kata peranti nafi dan sebagainya.

iii. BAB 3: ASPEK KALA DALAM GAYA BAHASA NAFI

Pengkaji menghuraikan secara terperinci mengenai penggunaan kata peranti nafi dari sudut kala serta interpretasinya terhadap makna tafsiran menurut pandangan ahli nahu dan ahli tafsir.

iv. BAB 4: ANALISIS ASPEK KALA GAYA BAHASA NAFI DALAM JUZ ‘AMMA

Bab ini merangkumi perbincangan tentang dapatan kajian yang diperolehi hasil dari analisis yang dijalankan mengenai aspek kala nafi dalam gaya bahasa al-Quran.

v. BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

Bab ini membincangkan rumusan serta kesimpulan bagi keseluruhan kajian yang dijalankan. Beberapa cadangan akan diutarakan bagi membantu penambahbaikan kajian lain pada masa akan datang agar lebih berkualiti dan berpotensi.

1.10 PENUTUP

Pengkaji berpendapat bahawa kajian ini perlu untuk membincangkan tentang gaya bahasa nafi bahasa Arab dan mengupas tentang aspek kala yang terdapat dalam gaya bahasa tersebut. Mudah-mudahan disertasi ini akan membuka pendekatan baru terhadap kajian unsur kala nafi dalam al-Quran al-Karim menerusi pengkajian ke atas surah-surah yang dijadikan sebagai sampel. Harapan pengkaji agar kajian ini dapat menjadi titik-tolak kepada pengkaji-pengkaji lain untuk memperluaskan lagi pengkajian mengenai konsep-konsep yang terkandung dalam al-Quran al-Karim dan juga Hadith Nabi s.a.w. yang menjadi sumber rujukan utama kepada umat Islam.

BAB 2

GAYA BAHASA NAFI MENURUT AHLI NAHU

2.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji menerangkan tentang gaya bahasa nafi dalam bahasa Arab dengan menghuraikan beberapa teori yang berkaitan seperti pengertian nafi, jenis-jenis gaya bahasa nafi, bilangan kata peranti nafi serta pembahagiannya. Pengkaji mengemukakan pendapat-pendapat ahli nahu bagi menentukan setiap kata peranti nafi dalam bahasa Arab untuk dikaitkan dengan analisis yang dibuat dalam bab yang seterusnya.

2.1 PENGERTIAN NAFI

Bagi menjelaskan pengertian nafi, pengkaji membahagikannya kepada dua aspek, iaitu pengertian nafi dari segi bahasa dan pengertian nafi dari segi istilah.

2.1.1 Pengertian Nafi Dari Segi Bahasa:

Menurut Ibn Manzūr (T.t: Jil.15: 336) ungkapan "نَفَى الشَّيْءُ" bermaksud "sesuatu perkara itu telah gugur atau terpisah". Sebagai contoh "أَرَى إِلَى مَا نَفَى مِنْ شَعْرِكَ" yang bermaksud "saya sedang memandang rambut kamu yang telah hilang/ gugur/ terpisah". Al-Zamakhsharī (1998: 296) menerangkan "نَفَيْتُهُ مِنْ الْمَكَانِ" bermaksud "saya telah mengeluarkannya dan menjauhkannya dari tempat/ daerah tersebut". Manakala "نَفَيْ" pula bermaksud "seseorang itu telah diusir (*turida*) keluar dari negeri tersebut". Sejajar dengan makna ini, Ibn Manzūr (T.t: Jil. 15: 337) memberi contoh dari firman Allah s.w.t ﴿أَوْ يُنْفَوْ مِنَ الْأَرْضِ﴾. (Al-Mā'idah: Ayat 33), maksud ayat "atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum)". Selain dari

makna yang telah disebutkan tadi, *Majma‘ al-Lughatt al-‘Arabiyyatt* (2004: 943) menjelaskan makna "نَفَى الشَّيْءَ نَفِيًّا" dengan maksud "dia telah menidakkan suatu perkara itu dan membebaskan diri darinya" serta maksud "dia telah memberitakan bahawa sesuatu perkara itu tidak berlaku".

Kesimpulanya kata kerja "نَفَى" yang terdiri dari morfem "ن ف ي" dari segi bahasa merangkumi maksud penidakan/ penafian (*al-jahd*), penyingkir dari suatu tempat (*al-tanhiyyatt*), pengusiran (*al-tard*), penjauhan (*al-ib‘ād*) dan pemisahan (*al-tafrīq*). Manakala makna nafi dari sudut bahasa sebagaimana yang dinyatakan dalam *Mu‘jam al-Wasīt* ialah penidakan terhadap sesuatu kejadian. Definisi yang terakhir bagi pengertian nafi dari segi bahasa tadi dianggap lebih hampir dengan maksud nafi dari segi istilah, yang mana penggunaannya adalah untuk menafikan ayat kerjaan (*fi‘liyyatt*) dan bukannya ayat namaan (*ismiyatt*).

2.1.2 Pengertian Nafi Menurut Istilah:

Menurut Abu Hilāl al-‘Askarī (1989: 456) nafi dari sudut istilah ialah penafian atau penidakan terhadap makna sesuatu ayat dengan menggunakan salah satu kata peranti nafi dan maknanya bertentangan dengan maksud pengesahan (*ithbāt*) dan penyataan (*al-ījāb*). Muhsin ‘Alī ‘Atiyyatt (2007: 185) juga bersepakat dengan definisi tadi dan menambah bahawa nafi juga bermakna sangkalan (*al-inkār*). Sebagai contoh firman Allah s.w.t. ﴿مَا جَاءَنَا مِنْ بَشِيرٍ﴾ (Al-Mā’idatt: 19) yang bermaksud "Tidak datang kepada kami seorang (Rasul) pun pembawa berita gembira".

Menurut Ibn Ya‘īsh (T.t: Jil. 8: 107), nafi bermaksud suatu pendustaan (*ikdhāb*) terhadap suatu yang sah (*muthbat*). Berikut ialah antara kata-kata beliau:

“Ketahuilah bahawa nafi itu adalah berdasarkan perkara yang sah, kerana ia merupakan suatu pendustaan ke atasnya. Maka lafaznya haruslah selari, tiada apa yang berbeza antara keduanya melainkan salah satu daripadanya adalah nafi dan yang satu lagi adalah sah”.

Terdapat beberapa ahli tatabahasa Arab yang menggunakan istilah *al-jahd* menggantikan istilah *al-nafī* tanpa menyebut perbezaan antara kedua-duanya. Ini kerana kedua-dua istilah tersebut membawa maksud yang sama.

Ibn al-Shajarī (daripada Hibatullāh al-‘Alawī, 1992: Jil. 1: 391) mengatakan bahawa terdapat perbezaan antara kedua-dua istilah tersebut. Menurut beliau, aspek tersebut dilihat berdasarkan kepada sejauh mana benar atau dusta perkara yang dinafikan oleh seorang penafi.

“Nafi juga dianggap sebagai jahd. Sekiranya seseorang penafi itu benar dengan apa diperkatakannya, maka kata-katanya dinamakan sebagai nafi. Manakala jika seseorang penafi itu mengetahui bahawa dia berdusta dengan perkara yang dinafikannya, maka kata-katanya itu dinamakan sebagai jahd. Oleh yang demikian, nafi merupakan lebih umum apabila dibandingkan dengan jahd, ini kerana semua perkara jahd adalah nafi, tetapi bukan semua perkara nafi adalah jahd”.

Ibn al-Shajarī telah menyebut contoh bagi ayat nafi, iaitu firman Allah s.w.t ﷺ
﴿مَا كَانَ أَبَا أَخْلَدٍ مِّنْ رِجَالِكُم﴾ (Al-Ahzāb: ayat 40) maksud ayat “Bukanlah Nabi Muhammad

itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala Nabi-nabi. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu". Manakala ayat *jahd* pula beliau telah menyebut contoh dari kata-kata Firaun serta kaumnya setelah didatangi mukjizat Nabi Musa a.s: ﴿قَالُوا هَذَا سِحْرٌ مُّبِينٌ﴾ (Al-Naml: Ayat 13) maksud ayat "Maka ketika keterangan-keterangan mukjizat Kami sampai kepada Firaun dan kaumnya dengan jelas nyata, berkatalah mereka: "ini adalah sihir yang terang nyata!". Lafaz ﴿هَذَا سِحْرٌ مُّبِينٌ﴾ merupakan predikat penyata (*khabar mūjab*) dan bermaksud nafi, iaitu ﴿مَا هَذَا حَقٌ﴾ yang bermaksud "ini bukanlah merupakan suatu kebenaran", dan ayat yang berikutnya disusuli dengan ﴿وَجَحَدُوا بِهَا﴾ (Al-Naml: Ayat 14) yang bermaksud "dan mereka telah mendustainya", sedangkan mereka tahu bahawa mukjizat itu adalah dari Allah s.w.t. (lihat Hibatullāh al-‘Alawī, 1992: Jil. 1: 392).

2.2 JENIS-JENIS NAFI:

Nafi dalam bahasa Arab terbahagi kepada dua jenis, iaitu nafi tersurat (*al-nafi al-sarih*) dan nafi tersirat (*al-nafi al-dimniyy*):

2.2.1 Nafi Tersurat (*Al-Nafi al-Sarih*):

Gaya bahasa nafi ini lebih menepati makna istilah nafi menurut pandangan ahli tatabahasa Arab. Ia adalah nafi yang menggunakan kata peranti nafi yang sudah dikenal pasti iaitu لَكَلَّا, لَمْ, لَمَّا, إِنْ, لَا, مَا, لَيْسَ.

Jenis gaya bahasa nafi tersurat (*al-nafi al-sarih*) inilah yang akan dibincangkan oleh pengkaji dalam disertasi ini bagi mencapai objektif kajian yang telah dikemukakan dalam bab satu, tanpa menyentuh mengenai jenis gaya bahasa nafi tersirat (*al-nafi al-*

dimniyy) dengan lebih terperinci. Ini adalah kerana para ahli nahu Arab sendiri tidak mengaitkan *al-nafi al-dimniyy* di bawah kategori nafi secara langsung, kerana ia hanya dapat dikenali dengan cara andaian dan firasat, serta tidak dapat diselaraskan dengan pengkajian tatabahasa Arab secara kualitatif. Sebagai contoh, tidak semua gaya bahasa tanya (*istifthām*) itu membawa kepada maksud nafi, demikian juga tidak semua gaya bahasa kehairanan (*ta‘ajjub*) menunjukkan kepada makna nafi dan sebagainya.

2.2.2 Nafi Tersirat (*Al-Nafī al-Dimniyy*):

Menurut Fāris Muḥammad ‘Īsā (1994: 229) nafi tersirat (*al-nafī al-dimniyy*) dikenali juga dalam kalangan ahli nahu Arab sebagai *shibh al-nafī* yang bermaksud “separa nafi”. Ia adalah sejenis gaya bahasa yang pada asalnya tidak diletakkan untuk tujuan nafi, tetapi difahami sebagai nafi berdasarkan konteks melalui gaya bahasa tertentu; seperti gaya bahasa tanya (*uslūb al-istifthām*), gaya bahasa kehairanan (*uslūb al-ta‘ajjub*) dan gaya bahasa pengecualian (*uslūb al-istithnā’*).

Nafi tersirat (*al-nafī al-dimniyy*) juga dapat difahami melalui penggunaan perkataan-perkataan tertentu yang dari sudut semantiknya sudah mengandungi makna nafi, seperti lafaz-lafaz yang mengandungi makna pertentangan (*al-tadād*), keengganan (*al-imtinā’/al-ibā’*) dan juga penolakan (*al-rafd*). (lihat Fāris Muḥammad ‘Īsā, 1994: 229)

Menurut Ibn al-Shajari, ungkapan "أَبِي زَيْدٍ أَنْ يَقُولَ" yang bermakna "Zaid telah enggan berdiri" merupakan satu penafian kepada "Zaid telah bangun". Manakala apabila diungkapkan pula dengan "أَبِي إِلَّا أَنْ يَقُولَ" yang bermaksud "dia telah enggan melainkan untuk berdiri", maka kita telah menegaskan bahawa Zaid telah bangun dengan

penggunaan lafaz pengecualian (*istithnā'*) iaitu "إِلَّا". Manakala contoh dari ayat-ayat al-Quran, Ibn al-Shajarī menyebut firman Allah s.w.t: ﴿وَيَأْبَى اللَّهُ إِلَّا أَنْ يُتَمَّمَ نُورُهُ﴾ (Al-Tawbatt: Ayat 32) yang bermaksud "لَا يَرِدُ اللَّهُ إِلَّا إِعْمَامُ نُورِهِ", iaitu bahawa Allah s.w.t. tidak mengingini kecuali menyempurnakan cahaya-Nya (dipetik daripada Hibatullāh al-‘Alawī, 1992: Jil. 1: 391).

2.3 KATA PERANTI NAFI DALAM BAHASA ARAB

Kata peranti nafi dalam bahasa Arab terbahagi kepada dua jenis, iaitu kata kerja dan partikel. Bagi menjelaskan setiap kata peranti ini, penulis membahagikan perbahasan setiap dari kata peranti nafi kepada dua aspek, iaitu dari segi makna dan tatabahasa.

2.3.1 Kata Peranti Nafi لِيُسْنَ:

Kata kerja لِيُسْنَ merupakan salah satu kata peranti nafi yang digunakan untuk menafikan ayat namaan di samping kata peranti-kata peranti nafi yang lain yang seumpamanya (*al-mushabbahāt bihā*). Dalam perbahasan berikut diterangkan tentang kata peranti nafi لِيُسْنَ dari sudut makna dan tatabahasa.

2.3.1.1 Kata Peranti Nafi لِيُسْنَ Dari Segi Makna:

Menurut Ibn Hishām al-Ansārī (1991: 1: 323), al-Murādī (1992: 495) dan al-Irbillī (1991: 478) kata kerja "ليُسْنَ" pada asalnya digunakan sebagai instrumen pengubah (*nāsikhatt*), iaitu mengakusatifkan subjek (*mubtada'*) dan menominatifkan predikat (*khabar*). Sebagai contoh firman Allah s.w.t.: ﴿وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ أَلْقَى إِلَيْكُمُ السَّلَامَ لَسْتَ مُؤْمِنًا﴾ (Al-Nisa': Ayat 94) yang bermaksud "Dan janganlan kamu (terburu-buru) mengatakan kepada orang yang menunjukkan kepada kamu sikap damai (dengan memberi salam atau mengucap dua kalimah syahadah) engkau bukan orang yang

beriman". Tetapi dalam beberapa keadaan yang lain ia melenceng dari maknanya yang asal kepada makna pengecualian (*istithnā*) dengan maksud "لَا" serta iringan ('ātifatt) dengan maksud "لَا". Oleh itu, kata kerja "لَيْسَ" dari segi makna terbahagi kepada tiga bahagian iaitu: لَيْسَ pengubah (*nāsikhatt*), pengecualian (*istithnā'iyatt*), dan iringan ('ātifatt). Berikut diterangkan tentang pembahagian-pembahagian tersebut dengan lebih terperinci:

a) Kata Peranti Nafi "لَيْسَ" Sebagai Pemansuh/ Pengubah (*Nāsikhatt*):

Menurut Jamaluddīn al-Ansārī (1991: Jil.1: 323) dan al-Murādī (1992:493) لَيْسَ merupakan kata kerja kala lampau yang yang berperanan sebagai pengubah (*nāsikh*), tidak sempurna (*nāqis*) serta tidak boleh ditafsirkan (*jāmid*). Kata peranti nafi ini menafikan perihal kata namanya (*ism*) melalui makna predikatnya dalam sesebuah ayat. Penggunaan kata peranti nafi ini pada asalnya adalah untuk makna masa kala kini, manakala bagi makna masa pada kala-kala yang lain adalah dengan terdapatnya petunjuk (*qarīnatt*) yang menentukan makna kala tersebut. Berikut diterangkan secara lebih terperinci mengenai definisi di atas:

1. Makna *al-Naskh*:

Al-naskh dari sudut bahasa bermaksud pemansuhan (*al-izālatt*) (lihat Ibn Manzūr, T.t). Firman Allah s.w.t ﴿مَا نَسَخْ مِنْ آيَةٍ أُو نُنْسِهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِنْهَا أُو مِثْلِهِ﴾ (Al-Baqaratt: Ayat 106), maksud ayat: "Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansuhkan (batalkan), atau yang Kami tinggalkan (atau tangguhkan), Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya, atau yang sebanding dengannya". Dalam contoh ayat yang lain سَخَّتْ "الشَّمْسُ الظَّلَّ", yang bermaksud "matahari itu telah menghilangkan bayang-bayang". Manakala dari sudut istilah, *al-naskh* bermaksud pemansuhan atau pengubahan

terhadap hukum asal subjek (*mubtada'*) dan pradikat (*khabar*) (dipetik daripada Ibn Hishām al-Anṣārī, T.t: 176).

Jenis-jenis kata kerja pemansuh (*fi'l nāsikh*) pula terbahagi kepada tiga jenis, iaitu seperti berikut:

- a) *Kāna* dan anggotanya (كَانَ وَجْهَاتُهَا) serta kata kerja penghampir (أَفْعَالُ الْمُعَارِبَةِ) iaitu kata kerja yang mengakusatifkan subjek (*mubtada'*) dan menominatifkan pradiket (*khabar*).
- b) *Inna* dan anggotanya (إِنَّ وَجْهَاتُهَا) dan *lā* untuk penafian jenis (لَا النَّاقِيَةُ لِلْجُنْسِ) iaitu kata kerja pemansuh (*fi'l nāsikh*) yang menominatifkan subjek (*mubtada'*) dan mengakusatifkan pradiket (*khabar*).
- c) *Zanna* dan anggotanya (ظَرَّعَ وَجْهَاتُهَا) iaitu kata kerja pemansuh (*fi'l nāsikh*) yang menominatifkan hukum kedua-duanya.

Tumpuan pengkaji di bahagian perbincangan ini adalah kepada kepada "لَيْسَ" yang merupakan salah satu kata kerja pemansuh (*nawāsikh*) "كَانَ" dan anggotanya. Mengikut ahli nahu Basrah, "لَيْسَ" berperanan memansuhkan hukum asal subjek (*mubtada'*), mengakusatifkannya serta menyamakannya dengan kata nama pelaku (*fā'il*) dan dinamakan sebagai kata nama لَيْسَ (*ism laysa*). Manakala predikatnya pula dinominatifkan serta menyamakannya dengan kata nama objek (*maf'ūl*) dan dinamakan sebagai *khabar laysa*. Pendirian ini telah dipersetujui oleh Ibn 'Uṣfūr. Menurut beliau, kata kerja pemansuh (*fi'l nāsikh*) tersebut boleh bersambung dengan kata ganti nama akusatif (*damīr raf'*), sekiranya kata akusatif (*marfū'*) bukan merupakan penerima fleksi (*ma'mūl*) kepada kata kerja (*fi'l*), maka kata kerja (*fi'l*) tersebut tidak boleh bersambung dengan kata ganti nama (*damīr*), ini kerana kata ganti nama (*damīr*) tidak akan

bersambung melainkan dengan agen fleksinya (*'āmil*) (lihat Ibn 'Usfūr, 1998: Jil. 1: 410). Manakala ahli nahu Kufah pula berpendapat, kata kerja (*fī'l*) tersebut tidak meninggalkan apa-apa kesan terhadap bahagian yang pertama (subjek/ *mubtada'*), ia berkasus fleksi akusatif (*marfū'*) di atas sebab yang asal sebelum ia dimasuki oleh kata kerja pemansuh (*fī'l nāsikh*), manakala bahagian kedua pula berkasus fleksi nominatif (*mansūb*) di atas sebab keadaan (*hāl*) dan bukannya predikat (*khabar*) (lihat al-Fākihī, 1971: Jil. 2: 8).

2. Makna Sempurna (*tāmm*) dan Tidak Sempurna (*nāqis*):

Istilah sempurna (*tamām*) disebut dalam bab *Kān* dan anggotanya (كَانَ وَخُوْلَحُّهَا) dan maksudnya berlawanan dengan istilah tidak sempurna (*al-nuqsān*). Maksud *tamām* ialah apa yang maknanya sempurna memadai hanya dengan adanya kata akusatif (*marfū'*) tanpa bergantung kepada kata nominatif (*mansūb*), sebagai contoh firman Allah s.w.t. ﴿خَالِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ﴾ (Hūd: Ayat 107) yang bermaksud “Mereka kekal di dalamnya selagi ada langit dan bumi”.

Manakala *al-nuqsān* pula menurut Ibn Mālik dan Ibn Hishām bermaksud sesuatu yang tidak memadai hanya dengan kata akusatif (*marfū'*) dan maknanya tidak akan lengkap selagi tidak didatangkan kata nominatif selepasnya (*mansūb*) (lihat Jamāluddīn Ibn Hishām al-Anṣārī, t.t: 198). Ahli nahu telah bersepakat bahawa kata peranti nafi "يُسْـ" sentiasa digunakan secara tidak sempurna (*nāqis*) (lihat Jalāluddīn al-Sayūtī, 1998: Jil.1: 368).

3. Aspek Kekal Bentuk (*Jumūd*) dan Berubah Bentuk (*Tasarruf*):

Kata kerja-kata kerja pemansuh (*al-af'āl al-nāsikhatt*) dari aspek kekal bentuk (*jumūd*) dan berubah bentuk (*tasarruf*) adalah terbahagi kepada tiga:

- a. Kata kerja yang tidak boleh *ditasrifkan* dengan keadaan (*hāl*), iaitu "لَيْسَ".
- b. Kata kerja yang boleh *ditasrifkan* secara tidak lengkap (*nāqis*) dan tidak boleh dibentuk melaluinya kata kerja perintah (*fi'l amr*), iaitu "أَلْهَلُّ" dan anggotanya.
- c. Kata kerja yang boleh *ditasrifkan* dengan sempurna (*tāmm*), iaitu jenis-jenis kata kerja yang lain seperti kata kerja kala kini (*mudāri'*), kata kerja perintah (*fi'l amr*) dan kata kerja (kata terbitan *mushtaqqāt*) yang lain seperti kata nama pelaku (*ism fā'il*), kata nama objek (*ism maf'ūl*) dan sebagainya. (dipetik daripada Jamāluddīn Ibn Hishām al-Anṣārī, 1998: Jil. 1: 318).

b) Kata Peranti Nafi "لَيْسَ" Dengan Makna Pengecualian (*Istithnā'iyyat*):

Menurut al-Sayūṭī (1998: Jil. 2: 215) dan al-Murādī (1992: 495) kata kerja "لَيْسَ" yang digunakan dengan maksud pengecualian (*istithnā'*) ialah "لَيْسَ" tidak sempurna (*nāqis*), ia mengakusatifkan kata nama (*ism*) dan menominatifkan predikat (*khabar*). Oleh itu, dalam sesebuah ayat yang ada makna pengecualian (*istithnā'*) yang menggunakan kata kerja *nāqis* "لَيْسَ", hukum nominatif kata yang dikecuali (*al-mustathnā bihā*) adalah wajib kerana ia mengambil kedudukan predikat "لَيْسَ" (*halla mahall nasb khabar laysa*), manakala kata namanya merupakan kata ganti nama kekal merujuk kepada sebahagian apa yang difahami dari perkataan sebelumnya.

Sebagai contoh hadis Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī "بِطْبَعِ الْمُؤْمِنِ عَلَىٰ كُلِّ خُلُقِ لَيْسَ الْخِيَانَةُ وَالْكَذِبُ" maksudnya: "seseorang mukmin itu boleh bersifat dengan semua jenis akhlak semulajadi melainkan sifat khianat dan dusta", yang dimaksudkan

oleh baginda s.a.w ialah "إِلَّا الْخِيَانَةُ وَالْكَذِبُ" (melainkan sifat khianat dan dusta), (lihat Jalāluddīn al-Sayūtī, 1998: Jil. 2: 215)

c) Kata Peranti Nafi "ليُسَّ" Dengan Makna Iringan ('Atifatt):

Menurut al-Murādī (1992: 498), Jalāluddīn al-Sayūtī (1998: Jil. 1: 367) dan Jamāluddīn al-Anṣārī (1991: Jil. 1: 325) kata kerja "ليُسَّ" mengikut pandangan penduduk Kufah boleh juga berfungsi sebagai partikel iringan ('atifatt). al-Thā'ālibiyy mengatakan bahawa "ليُسَّ" boleh diertikan sebagai "bukan" (لَا) sebagaimana dalam contoh ضَرِبْتُ زَيْدًا لَيُسَّ عَمْرًا " (saya telah memukul Zaid bukan 'Amr). Makna sebenar yang dikehendaki dalam ayat ini ialah "لَا عَمْرًا". Antara hujah yang dikemukakan oleh penduduk Kufah bagi menyokong pendirian mereka ialah kata-kata penyair:

أَيْنَ الْمَقْرُ وَإِلَهُ الطَّالِبُ
وَالْأَشْرُمُ الْمَعْلُوبُ لَيُسَّ الْعَالِبُ.

Maksudnya "Di mana lagi tempat untuk berselindung, Abrahatt (sudah hilang akal) mendakwa diri sebagai tuhan, sesungguhnya dia akan dikalahkan (oleh Allah s.w.t.) dan bukan Allah s.w.t. yang menerima kekalahan". Rangkap syair ini dipetik tanpa nasab di dalam kitab Ibn Hishām al-Anṣārī, (1991: Jil. 1: 325) dan Jamāluddīn al-Sayūtī (1998: Jil. 1: 367). Maksud yang dikehendaki dalam bait penyair ini ialah "لَا العَالِبُ" (bukan Allah s.w.t. yang menerima kekalahan).

2.3.1.2 Kata Peranti Nafi "ليُسَّ" Dari Segi Tatabahasa:

- Pandangan ahli nahu mengenai "ليُسَّ" sama ada partikel (*harf*) atau kata kerja (*fī'l*):

Menurut al-Murādī (1992: 493), Ibn Hishām al-Anṣārī (1991: Jil. 1: 323) dan Sībawayh (T.t: Jil. 1: 46) kebanyakan ahli nahu berpendapat bahawa ليُسَّ merupakan kata kerja (*fī'l*) yang tidak boleh *ditasrifkan*. Bukti yang menunjukkan ia merupakan kata kerja,

ialah kata ganti nama bersambung (*damīr muttasil*) yang boleh bersambung dengannya, sebagai contoh: " .. لَسْتُ، لَسْتُمْ، لَسْتُنْ" mengikut pola kata kerja (فَعِل) dengan huruf 'ayn yang bertanda kasus *kasratt* serta wajib *takhif*. Secara *qiyās* (menurut hukum tatabahasa) al-Farrā' mengatakan kata kerja (*fi'l*) ini disebut dengan huruf *lām* berbaris *kasratt* (لَسْتُ) tetapi sedikit digunakan, manakala (لَسْتُ) dengan huruf *lām* berbaris *fathatt* adalah lebih banyak digunakan. Ini kerana ia merupakan kata kerja (*fi'l*) yang kekal bentuk (*jāmid*) dan tidak boleh *ditasrifkan*. Secara *sumā'i* pula ianya disebut dengan huruf *lām* di awal bertanda kasus *dammatt* (لُسْتُ) melalui pola kata kerja (فَعِل) dengan huruf 'ayn yang bertanda kasus *dammatt*. Oleh yang demikian, pada asalnya kata kerja "ليس" mempunyai dua bentuk pola (*wazn*), iaitu (فَعِل) dan (فَعُل).

Ibn al-Sirāj dan al-Fārisiyy pula mereka mengatakan bahawa "ليس" merupakan partikel (*harf*) kerana لَيْسَ tidak mempunyai kata nama terbitan (*masdar*), tidak boleh *ditasrifkan* dan ia tidak mengikut mana-mana pola kata kerja (*wazn*) (lihat al-Murādī, 1992: 493 dan Ibn Hishām al-Anṣārī, 1991: Jil. 1: 323)

Pendapat yang ketiga pula, terdapat beberapa ahli nahu yang mengambil jalan tengah, iaitu dengan menggabungkan dua pendapat tadi dan berpendirian bahawa لَيْسَ bukan kata kerja (*fi'l*) sepenuhnya dan bukan juga partikel (*harf*). Mereka berpendapat sekiranya ia digunakan tanpa adanya ciri-ciri kata kerja (*fi'l*), maka ia dikatakan partikel (*harf*). Dan sebaliknya jika digunakan dengan adanya salah satu ciri-ciri kata kerja (*fi'l*) maka ia dianggap kata kerja (*fi'l*) (dipetik daripada al-Murādī, 1992: 493).

Bagi pandangan pengkaji, pendapat yang lebih tepat ialah pendapat yang mengatakan bahawa "ليس" merupakan kata kerja (*fi'l*), ini kerana ia boleh dimasuki kata ganti nama

bersambung (*damīr muttasil*) seperti "لَسْتُ" dan *tā'* tanda feminin (*tā' al-ta'nīth*) sebagaimana "لَيْسْتُ". Tanda-tanda seperti ini merupakan bukti yang kukuh menunjukkan ciri kata kerja (*fī'l*), kerana dua perkara yang disebutkan tadi tidak boleh sama sekali bersambung dengan partikel (*harf*).

b. Pentakhiran Kata Nama Dan Pendepanan Predikat (*Ta'khīr al-Ism Wa Taqdīm al-Khabar*) Kata Peranti Nafi لَيْسَ:

Ulamak nahu mengharuskan pentakhiran kata nama (*ta'khīr al-ism*) dan pendepanan predikat (*taqdīm al-khabar*) "لَيْسَ" sekiranya hukum pentakhiran predikat ke atas kata nama "لَيْسَ" dan sebaliknya adalah tidak wajib dalam sesuatu penggunaan (lihat Jalāluddīn al-Sayūtī, 1998: Jil. 1: 372). Contoh bagi hukum wajib mendepankan predikat لَيْسَ ke atas kata namanya ialah seperti "لَيْسَ فِي الدَّارِ صَاحِبُهَا" (Tuan rumah itu tiada di dalamnya), predikat لَيْسَ dalam ayat seperti ini tidak boleh ditakhirkan dari kata nama bagi mengelak kata ganti nama dari merujuk kepada yang terkemudian (*muta'akhkir*) secara lafadz dan susunan. Manakala contoh bagi wajib mentakhirkan predikat لَيْسَ dari kata nama pula adalah seperti "لَيْسَ أخِي رَفِيقِي" (abang saya bukanlah teman saya). Predikat لَيْسَ dalam ayat ini wajib ditakhirkan dari kata nama kerana ia mempunyai kesamaran dan menyerupai kata nama yang disebabkan oleh tanda kasus fleksi ('alāmatt al-i'rāb) yang tidak jelas antara kedua-duanya (dipetik daripada Ibn 'Aqīl al-Hamdānī, 1995: Jil.1: 232).

c. Penyandaran Huruf *Bā'* Tambahan (*Zā'idatt*) Pada Predikat لَيْسَ:

Menurut Ibn Mālik (1968: 57) dan Jalāluddīn al-Sayūtī (1998: Jil. 1: 404) para ahli nahu mengatakan bahawa predikat kata peranti nafi لَيْسَ yang tunggal (*mufrad*) boleh disandarkan dengan huruf *bā'* tambahan (*bā' zā'idatt*) untuk memberikan makna

penegasan (*tawķid*) ke atas perkara yang dinafikan. Sebagai contoh "لَيْسَ الْكَسَلَانُ" (orang yang pemalas tidak mempunyai sifat terpuji), "لَيْسَ الْكَرِيمُ بِمَدْمُومٍ" (orang yang pemurah tidak mempunyai sifat tercela) (lihat Muhsin ‘Alī ‘Atiyyatt, 2007: 196). Dalam contoh yang pertama perkataan "الْكَسَلَانُ" merupakan kata nama akusatif (*ism laysa marfū‘*), manakala predikatnya ialah "بِحُمُودٍ" yang genetif secara lafaz dan nominatif secara tersirat kerana menduduki tempat predikat kepada لَيْسَ, huruf *bā’* di awalnya pula merupakan huruf *jarr* tambahan. Demikian juga dalam contoh kedua, "الْكَرِيمُ" merupakan kata nama akusatif (*ism laysa marfū‘*), manakala predikatnya ialah "بِمَدْمُومٍ" yang genetif secara lafaz dan nominatif secara tersirat kerana menduduki tempat predikat kepada لَيْسَ, huruf *bā’* pada awal predikat merupakan huruf *jarr* tambahan. Contoh dari firman Allah s.w.t pula seperti: ﴿أَلَيْسَ اللَّهُ بِكَافِ عَبْدَهُ﴾ (Al-Zumar: Ayat 36) yang bermaksud “Bukankah Allah cukup untuk mengawal dan melindungi hambanya”, serta ﴿أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ﴾ (Al-A‘rāf: Ayat 172) yang bermaksud “Bukankah Aku Tuhan kamu?”.

d. Kata Peranti Nafi "لَيْسَ" Tanpa Fungsian Nahu (*Muhmalatt*):

Menurut al-Murādī (1992: 495) dan Ibn Hishām al-Anṣārī (1991: Jil. 1: 324) kata peranti nafi "لَيْسَ" dianggap tidak berfungsi bagi bahasa Bani Tamim sekiranya predikat "لَيْسَ" datang selepas partikel "إِلَّا" yang bermaksud pengecualian (*al-istithnā‘iyatt*). Ini kerana mereka berpendapat bahawa partikel "إِلَّا" dengan sendirinya membatalkan fungsi nahu "لَيْسَ" yang mengakusatifkan kata nama dan menominatifkan predikat, sebagai contoh "لَيْسَ زَيْدٌ إِلَّا عَالِمٌ" (Zaid bukanlah sesiapa melainkan seorang yang alim). Hal ini sebagaimana terbatalnya fungsi "مَا" bagi penduduk Hijaz sekiranya predikatnya menyusuli partikel "إِلَّا", sebagai contoh "مَا زَيْدٌ إِلَّا عَالِمٌ" (Zaid bukanlah sesiapa melainkan seorang yang alim).

Menurut Ibn Mālik bahawa Abu ‘Amr bin al-‘Alā’ telah meriwayatkan contoh:

"لَيْسَ الطَّيِّبُ إِلَّا الْمِسْنَكُ / الْمِسْنَكُ" (tiada wangian yang sebenar melainkan kasturi) dan "لَيْسَ إِلَّا الْعَمَلُ الصَّالِحُ / الْعَمَلُ الصَّالِحُ" (Tiada kebaikan melainkan amalan yang soleh).

Predikat "لَيْسَ" dalam dua contoh tadi dibaca dengan tanda kasus fleksi nominatif (*nasb*) oleh penduduk Hijaz selaras dengan fungsi yang sewajarnya bagi kata kerja "لَيْسَ", iaitu mengakusatifkan kata nama dan menominatifkan predikat. Manakala dalam bahasa Bani Tamim ia dibaca dengan tanda kasus fleksi akusatif (*raf*) berasaskan sebab "لَيْسَ" yang terbatal fungsi nahunya (*muhmalatt*).

2.3.2 Kata Peranti Nafi "ما" (*Al-Nāfiyāt*):

Partikel nafi ما merupakan partikel yang digunakan dalam menafikan kedua-dua jenis ayat dalam bahasa Arab; ayat namaan dan ayat kerjaan. Perbahasan berikut menjelaskan hal-hal yang mengenai partikel ini dari sudut makna dan tatabahasa.

2.3.2.1 Kata Peranti Nafi "ما" Dari Segi Makna:

Partikel "ما" dikira sebagai partikel yang paling banyak digunakan dalam bahasa Arab. Ini berasaskan sebab bilangan makna yang boleh ditunjukkan melaluinya mengikut laras, serta perbezaan fungsinya mengikut kedudukan dalam sesebuah ayat. Para ahli nahu telah membahagikan partikel "ما" berdasarkan dua aspek tadi kepada dua puluh tiga bahagian (lihat al-Murādī, 1992: 336). Partikel "ما" mengikut kategori pula terbahagi kepada dua, iaitu "ما" yang merupakan kata nama (*ism*) dan "ما" yang merupakan huruf (*harf*). Manakala di bawah setiap kategori tersebut pula terbahagi kepada banyak jenis yang lain. Partikel "ما" yang merupakan kata nama iaitu "ما" kata hubung (*mawṣūlatt*), pertanyaan (*istifhāmiyyatt*), syarat (*shartiyatt*), kata am (*nakiratt*) serta adjektif (*sifatt*). Manakala bagi kategori partikel (*harf*) pula iaitu partikel "ما" yang

ditambah bagi tujuan penegasan (*tawķid*), yang mempunyai hak di depan (*masdariyyatt*) (yang disertai unsur masa dan tanpa masa) serta partikel "ما" yang membawa maksud nafi (penidakan) yang menjadi perbahasan utama pengkaji dalam penulisan disertasi ini.

2.3.2.2 Kata Peranti Nafi "ما" Dari Segi Tatabahasa:

Partikel nafi "ما" telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu: '*āmilatt* (berperanan) dan *ghayr āmilatt* (tidak berperanan).

a. Partikel "ما" Nafi Yang '*Āmilatt* (Berperanan Dengan Peranan لَيْسَ):

Menurut al-Murādī (1992: 322) dan Ibn Hishām al-Ansārī (1991: Jil. 1: 333) partikel "ما" nafi ini dianggap berperanan oleh penduduk Hijaz dan dinamakan sebagai *hijāziyyatt*. Partikel ini memasuki ayat namaan yang terdiri daripada subjek (*mubtada'*) dan predikat (*khabar*) serta memainkan peranan "لَيْسَ", iaitu mengakusatifkan subjek sebagai kata nama (*ism*) dan menominatifkan predikat sebagai *khabar*. Contoh firman Allah s.w.t.: ﴿مَا هَذَا بَشَرًا﴾ (Yūsuf: Ayat 31) yang bermaksud “Ini bukanlah seorang manusia”, serta ﴿مَا هُنَّ أُمَّهَاتِهِمْ﴾ (Al-Mujādalatt: Ayat 2) yang bermaksud “isteri-isteri mereka bukanlah ibu-ibu mereka”.

Penduduk Hijaz menganggapnya sebagai berperanan disebabkan persamaan yang ada padanya dengan kata peranti nafi "ليـسـ" dari sudut makna. Menurut Sībawayh (lihat Sībawayh, T.t: Jil. 4: 221) "وَتَكُونُ بِنِزْلَةٍ (ليـسـ) فِي الصَّعْدَى، تَقُولُ عَبْدُ اللَّهِ مُنْطَلِقٌ، وَتَقُولُ: مَا عَبْدُ اللَّهِ (ليـسـ) مُنْطَلِقٌ أَوْ مُنْطَلِقاً" "Dan ia menyamai kedudukan ليـسـ dari segi makna, maka apabila kamu berkata "عبد الله منـطلق" maka penafiannya ialah dengan berkata "ما عبد الله منـطلق" atau "ما عبد الله منـطلق" "عبد الله منـطلق".

Menurut al-Murādī (1992: 323) bagi ahli nahu Hijaz, terdapat tiga persamaan antara partikel "ما" nafi dan "لَيْسَ", iaitu:

- i. Majoriti para ahli nahu bersepakat bahawa kedua-dua kata peranti nafi tersebut digunakan dengan makna nafi untuk kala semasa (*al-hāl*). Manakala sebahagian yang lain mengatakan bahawa ianya digunakan dengan makna nafi untuk perkara yang tidak mengandungi unsur kala (*mutlaq al-nafī*).
- ii. Kedua-dua kata peranti nafi tersebut memasuki ayat jenis namaan (*ismiyyatt*) yang terdiri daripada subjek (*mubtada'*) dan predikat (*khabar*).

Perdikat (*al-khabar*) bagi kedua-dua kata peranti nafi tersebut boleh disertai dengan huruf, sebagai contoh "مَا زَيْدٌ بِقَائِمٍ، وَلَيْسَ زَيْدٌ بِقَائِمٍ" (Zaid tidak berdiri) bagi menguatkan kandungan makna perdikat.

Menurut Sībawayh (T.t: Jil. 1: 57) penduduk Tamīmiyyatt pula menganggap bahawa partikel nafi "ما" ini *muhmalatt* (tidak berperanan dengan peranan *لَيْسَ*) dan mereka menetapkan hukum akusatif (*al-raf'*) bagi subjek (*al-mubtada'*) dan predikat (*al-khabar*) selepasnya. Sebagai contoh, berdasarkan pandangan ini Ibn Mas'ūd telah membaca ayat ﴿مَا هَذَا بَشَرٌ﴾ dengan cara bacaan akusatif (*raf'*) pada predikat partikel ما.

b. Syarat Partikel "ما" Yang Berperanan Dengan Peranan "لَيْسَ" :

Menurut al-Murādī (1992: 323) dan Ibn 'Usfūr (1998: 157) ahli nahu Hijaz berpandangan bahawa partikel "ما" nafi hanya akan berperanan dengan peranan "لَيْسَ" sekiranya memenuhi empat syarat. Jika tidak memenuhi syarat-syarat tersebut ia dianggap tidak berperanan dan dinamakan (*muhmalatt*), manakala perkataan yang

selepasnya difleksikan sebagai subjek (*mubtada'*) dan predikat (*khabar*). Syarat-syarat itu ialah:

- i. Predikat "ما" tidak mendahului kata namanya. Kebanyakan ahli nahu berpendapat bahawa peranan partikel "ما" akan terbatal jika predikatnya mendahului kata nama. Ini kerana partikel "ما" dianggap partikel yang lemah, tidak sebagaimana kata kerja "ليس". Sebagai contoh: "ما قاتل محمد" (Muhammad bukan seorang pembunuh).
- ii. Perkara yang dinafikan tidak dibatalkan dengan susulan lafaz "لا". Ini kerana ayat nafi yang menggunakan partikel "ما" kemudian disusuli dengan lafaz "لا" akan membatalkan makna nafi dan menuarkannya kepada makna penyataan (*mujab*), serta tidak lagi menyerupai "ليس" dari sudut makna nafi dan peranan. Sebaliknya perkataan yang selepasnya difleksikan sebagai subjek (*mutada'*) dan predikat (*khabar*) yang akusatif. Sebagai contoh firman Allah s.w.t: ﴿وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ﴾ (Al 'Imrān: Ayat 144) yang bermaksud "Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang rasul". Manakala jika perkara yang dinafikan tersebut dibatalkan dengan susulan lafaz selain dari "لا" tetapi memberi maksud yang seerti dengannya, maka peranan partikel "ما" kekal dan tidak batal. Sebagai contoh: "ما محمد غير نبي" (Muhammad bukan seorang yang tidak cergas).
- iii. Partikel nafi "ما" tidak disandarkan dengan lafaz "إن" tambahan (*zā'idatt*). Ini kerana "إن" tambahan adalah mirip kepada "إن" nafi. Sekiranya ia didatangkan juga selepas partikel "ما", maka makna nafi akan terbatal disebabkan oleh kesamaran yang berlaku antara "إن" tambahan dengan "إن" nafi dan membawa kepada hukum penggunaan nafi secara berganda serta menghilangkan fungsi "ما" yang berperanan dengan peranan kata peranti nafi "ليس". Sebagai contoh: "ما إن أنت قاتل" "ما" (awak bukan seorang pembunuh).

iv. Penerima fleksi (*ma'mūl*) predikat partikel "ما" hendaklah tidak mendepani kata namanya. Sekiranya berlaku demikian, maka peranan partikel nafi "ما" akan terbatal. Sebagai contoh: "ما طَعَامُكَ زَيْدٌ أَكِلَّ" (Zaid tidak memakan makanan kamu). Namun sekiranya penerima fleksi (*ma'mūl*) predikat tersebut merupakan partikel *jarr* dan kata nama genetif (*majrūr*) atau kata keterangan (*zarf*), peranan partikel "ما" nafi ini tidak akan batal. Sebagai contoh: "ما عَنْدَكَ زَيْدٌ مُقِيمًا" (Zaid tidak tinggal di sisi awak) (lihat Abū Hayyān al-Andalūsī, 1997: Jil.4: 259).

Menurut al-Murādī (1992: 328) dalam hal ini, terdapat beberapa ahli nahu yang menambahkan dua syarat lain, iaitu:

- i. Partikel "ما" nafi yang tidak ditegaskan dengan gaya bahasa penegasan (*tawkīd*) dengan menggunakan lafaz yang sama. Ini kerana penggunaan partikel nafi yang sama secara berganda akan membatalkan makna nafi dan berubah kepada makna penyataan (*mūjab*), seperti: "ما مَا زَيْدٌ قَائِمٌ" (Zaid sedang berdiri). Dalam contoh tadi "ما" nafi telah terbatal peranannya dan ayat yang selepasnya wajib dibaca dengan kasus fleksi akusatif pada hujung perkataan mengikut kedudukan subjek (*mubtada'*) dan predikat (*khabar*).
- ii. Predikat "ما" nafi yang tidak disusuli dengan *badal* yang disertai lafaz "إِلَّا". Sebagai contoh: "ما زَيْدٌ بِشَيْءٍ إِلَّا شَيْءٌ لَا يَعْبَأُ بِهِ", maksudnya "Tidaklah bagi Zaid sesuatu melainkan sesuatu yang menyelesakannya" (lihat Abū Hayyān al-Andalūsī, 1997: Jil 4: 261). Penduduk Hijaz dan Tamim bersepakat dalam contoh ini mengenai kasus fleksi akusatif pada predikat partikel nafi "ما".

c. **Penyandaran Huruf *Bā'* Tambahan (*zā'idatt*) Pada Predikat "ما":**
Predikat partikel nafi "ما" yang disertai huruf باء tambahan digunakan dengan banyak

dalam pertuturan penduduk Hijaz. Al-Farrā' mengatakan: "penduduk Hijaz hampir menggunakan huruf باءٌ tambahan pada predikat partikel "ما" dalam setiap penggunaan partikel tersebut" (lihat Abū Hayyān Al-Andalūsī, 1997: Jil. 4: 255).

Justeru, predikat partikel nafi "ما" yang disertai dengan huruf باءٌ tambahan ini secara lafaznya ditandakan dengan kasus fleksi genetif (*majrūr*) dan mengambil kedudukan (*halla mahall*) nominatif predikat partikel "ما". Sebagai contoh: "ما محمدٌ بقاتلٍ" (Muhammad bukan seorang pembunuh) (dipetik daripada Muhammad Amīn Dannāwī, 1999: 186).

Manakala bagi ahli nahu Tamīmiyyatt pula terdapat dua pandangan, al-Zamakhsharī menghalang huruf باءٌ tambahan ini dari menyertai predikat partikel nafi "ما", ini kerana bagi beliau ciri tersebut adalah khusus bagi penduduk Hijaz. Manakala Ibn Mālik pula mengatakan boleh bagi huruf باءٌ tambahan untuk menyertai predikat partikel nafi "ما" (lihat Abū Hayyān al-Andalūsī, 1997: Jil. 4; 311).

d. Unsur Iringan ('Ataf) Ke Atas Predikat Partikel Nafi "ما":

Penjelasan mengenai unsur iringan ('ataf) ke atas predikat partikel nafi "ما" dapat diterangkan berdasarkan dua keadaan, iaitu:

i. Predikat Partikel Nafi "ما" Yang Nominatif:

Apabila predikat partikel nafi "ما" dimasuki oleh instrumen iringan ('ataf) "بل" (bahkan) atau "كُنْ" (tetapi), maka "ما" nafi hanya berperanan pada perkara yang dinafikan sahaja, manakala makna nafi pada perkataan yang diiringi (*ma tūf*) akan terbatal dan dibaca dengan kasus fleksi akusatif pada akhirnya kerana ia menduduki tempat predikat kepada subjek (*mubtada'*) yang dimansuhkan dan ditakdirkan dengan

lafaz "هُوَ". Sebagai contoh "مَا سَمِّيَرْ فَأَشْلَأَ، بَلْ نَاجِحٌ" (Samir bukan seorang yang gagal, bahkan seorang yang berjaya). Perkataan "نَاجِحٌ" dalam contoh tadi merupakan predikat akusatif kepada subjek yang dimansuhkan (*mubtada'* *mahdhūf*) yang ditakdirkan dengan lafaz "هُوَ" (lihat Muhammad Amīn Dannāwī, 1999: 187).

Sekiranya lafaz *ma'tūf* yang melalui selain dari '*ataf*' "بَلْ" atau "كِنْ", maka dibolehkan padanya bacaan kasus fleksi akusatif (*marfū'*) pada akhir perkataan dengan mentakdirkan lafaz "هُوَ". Sebagai contoh "مَا زَيْدٌ قَائِمًا وَلَا قَاعِدًا" (Zaid tidaklah berdiri dan tidak duduk) serta dibolehkan juga padanya dengan bacaan kasus fleksi nominatif (*mansūb*) atas sebab '*ataf*' kepada predikat, iaitu: "مَا زَيْدٌ قَائِمًا وَلَا قَاعِدًا". (lihat Ibn Hishām al-Anṣārī, 1991: Jil.1: 131)

ii. Predikat Partikel \sqcup Yang Genetif (*Majrūr*) Dengan Huruf باء :

Menurut Ibn 'Uṣfūr (1997: 160) sekiranya diiringkan kepada predikat partikel nafi "ما" yang genetif (*majrūr*) dengan huruf باء tambahan, maka lafaz *ma'tūf* tersebut boleh dibaca dengan ketiga-tiga kasus fleksi, sama ada akusatif (*raf'*) atas dasar ianya *khabar* kepada subjek (*mubtada'*) yang dimansuhkan (*mahdhūf*), ataupun nominatif (*nasb*) dengan mengambil kira hukum asal predikat partikel "ما" nafi, ataupun genetif (*jarr*) mengikut lafaz predikat partikel nafi "ما" yang genetif (*majrūr*) dengan huruf باء tambahan. Sebagai contoh "مَا زَيْدٌ بِقَائِمٍ وَ لَا قَاعِدًا / قَاعِدًا" (Zaid tidak berdiri dan tidak duduk).

e. Penambahan *Hamzatt* Pertanyaan (*istifhām*) pada Partikel Nafi "ما" :

Menurut Abū Hayyān, partikel "ما" nafi boleh dimasuki oleh hamzah tanya (*hamzatt al-istifhām*) di awalnya tanpa mengubah peranannya, sebagai contoh: "أَمَا زَيْدٌ قَائِمًا"

(Tidakkah Zaid sedang berdiri) (dipetik daripada Abū Ḥayyān al-Andalūsī, 1997: Jil. 4: 326).

f. Partikel Nafi "مَا" Yang Tidak Berperanan:

Partikel "مَا" nafi yang tidak berperanan ini ialah "مَا" yang memasuki ayat jenis kerjaan (*jumlatt fi liyyatt*). Partikel dari jenis ini hanya mengubah makna ayat tidak nafi kepada makna nafi semata-mata tanpa berperanan pada lafaznya. Menurut al-Murādī: "partikel مَا yang tidak berperanan ialah مَا yang memasuki kata kerja, seperti مَا قَامَ زَيْدٌ، وَمَا يَفْعُمُ الْجَنَّةَ" (Zaid tidak berdiri) (lihat al-Murādī, 1992: 329).

2.3.3 Kata Peranti Nafi ﴿ :

Partikel nafi ﴿ terbahagi kepada dua jenis, iaitu berperanan ('āmilatt) dan tidak berperanan (ghayr 'āmilatt). Partikel nafi ﴿ yang berperanan ialah partikel yang menafikan nama am (*nakiratt*) dengan maksud "لِيُسَىْنَ". Manakala partikel nafi ﴿ yang tidak berperanan pula ialah ﴿ yang menjadi partikel iringan ('ātifatt), partikel yang membawa maksud bukan (غَيْرِ), tidak (لَمْ), ﴿ tambahan (*zā'idatt*) dan juga ﴿ yang merupakan instrumen penegas (*tawkīd*) terhadap makna nafi.

2.3.3.1 Kata Peranti ﴿ Nafi Dari Segi Makna:

Partikel ﴿ nafi dari segi makna pula ia dilihat terbahagi kepada dua, iaitu nafi (*nāfiyatt*) dan tambahan (*zā'idatt*). Partikel ﴿ *nāfiyatt* pula terbahagi kepada partikel ﴿ yang menafikan kata jenis secara menyeluruh (*al-nāfiyatt li al-jins*) dan berperanan dengan peranan إِنْ partikel nafi ﴿ yang berperanan dengan peranan لِيُسَىْنَ (*al-'āmilatt 'amal laysa*), partikel nafi ﴿ iringan (*al-'ātifatt*), partikel nafi ﴿ sebagai jawapan (*al-*

jawābiyyatt) dan *al-nāfiyatt bilā qayd* (dipetik daripada Ibn Hishām al-Anṣārī, 1991: Jil. 1: 262).

a. Partikel ٰ *al-Nāfiyatt*:

Dalam perbahasan berikut diterangkan pembahagian partikel ٰ yang membawa maksud nafi, mengikut pembahagian sebagaimana yang telah diterangkan sebentar tadi, iaitu:

1. Partikel ٰ Yang Menafikan Kata Jenis (*al-Nāfiyatt Li al-Jins*):

Berikut diperincikan mengenai partikel ٰ *al-Nāfiyatt Li al-Jins* dari segi manfa dan tatabahasa, iaitu:

i. Dari segi makna:

Partikel nafi ٰ *al-nāfiyatt li al-jins* digunakan bagi menafikan kata nama (*ism*) secara keseluruhan dari kandungan makna predikat (lihat Ibn Hishām al-Anṣārī, 1991: Jil. 1: 262) ia memasuki ayat jenis namaan (*ismiyyatt*) dan berperanan dengan peranan partikel pengubah "إِنْ", iaitu menominatikan subjek (*mubtada'*) sebagai kata namanya dan mengakusatifkan predikat (*khabar*) sebagai predikatnya. Partikel ini hanya akan berperanan pada nama am (*nakiratt*) sahaja. Sebagai contoh: "لَا طُفَلٌ خَبِيثٌ" (tidak ada kanak-kanak yang buruk pekertinya) (dipetik daripada Muhammad Amīn Dannāwī, 1999: 174)

ii. Dari Segi Tatabahasa:

Dalam bahagian ini pengkaji akan menerangkan mengenai partikel ٰ *al-nāfiyatt li al-jins* yang menyentuh persoalan kata nama partikel, syarat-syarat yang perlu ada bagi

partikel untuk berperanan dengan peranan $\overset{\circ}{\text{إِنْ}}$ serta hukum pengulangan partikel dalam ayat, iaitu:

a) **Kata Nama (*ism*) Partikel $\overset{\circ}{\text{الـ}}$ *al-Nāfiyatt Li al-Jins*:**

Terdapat dua keadaan bagi kata nama $\overset{\circ}{\text{الـ}}$ *al-nāfiyatt li al-jin*, iaitu:

1. Kata nama tunggal (*ism mufrad*) (bukan berbentuk frasa *idāfatt* atau separa *idāfatt shibh idāfatt*). Hukum kata nama partikel nafi $\overset{\circ}{\text{الـ}}$ ketika dalam keadaan *mufrad* ialah kekal kasus akhir (*mabnī*) sebagaimana dalam ketika nominatif (*nasb*), iaitu baris atas (*fathatt*), atau baris bawah (*kasratt*) ketika dalam keadaan kata nama majmuk feminin (*jam' mu'annath sālim*), atau ياءٌ apabila dalam keadaan kata nama duaan (*muthannā*) serta kata nama majmuk bagi maskulin (*jam' mudhakkar sālim*).

Sebagai contoh:

- i. Kata nama partikel $\overset{\circ}{\text{الـ}}$ kekal kasus akhir (*mabnī*) dengan baris *fathatt*: $\overset{\circ}{\text{لَا طُفْلٌ خَيْثٌ}}$ (tidak ada kanak-kanak yang buruk pekerti)
 - ii. Kata nama partikel $\overset{\circ}{\text{الـ}}$ kekal kasus akhir (*mabnī*) dengan ياءٌ: $\overset{\circ}{\text{لَا رَجُلَيْنِ فِي الدَّارِ}}$ (tidak ada dua orang lelaki di dalam rumah itu).
 - iii. Kata nama partikel $\overset{\circ}{\text{الـ}}$ *mabnī* dengan kasus *kasratt*: $\overset{\circ}{\text{لَا مُسْلِمَاتٍ كَذِبَاتٍ}}$ (tidak ada golongan muslimat yang pendusta).
2. Kata nama partikel $\overset{\circ}{\text{الـ}}$ dalam bentuk kata yang ditambah (*mudāf*), contohnya $\overset{\circ}{\text{لَا}} "كَلْبٌ حِرَاسَةٌ عِنْدَنَا}$ (tidak ada anjing pengawal di sisi kami), atau separa *mudāf* (*shibh mudāf*), iaitu setiap perkataan yang berperanan ke atas perkataan yang berikutnya dengan peranan kata kerja (*fī'l*) dan terdiri dari salah satu derivasi kata pelaku (*ism fā'il*), kata objek (*ism maf'ūl*) ataupun *sifatt mushabbahatt*. Sebagai contoh $\overset{\circ}{\text{لَا حَمُودَةٌ}}$ $\overset{\circ}{\text{لَا رَحِيمًا قَبْلَهُ مَدْمُومٌ}}$ $\overset{\circ}{\text{أَخْلَاقُهُ مَدْمُومٌ}}$ (Tidak dicela orang yang terpuji akhlaknya) $\overset{\circ}{\text{لَا رَحِيمًا قَبْلَهُ مَدْمُومٌ}}$ (Tidak dicela orang yang penyayang hatinya). Kata nama $\overset{\circ}{\text{الـ}}$ ketika dalam keadaan

mudāf dan *shibh mudāf* adalah *mu'rab* dengan tanda kasus nominatif (*mansūb*) (lihat Muhammad Amīn Dannāwī, 1999: 147)

b) Syarat Partikel لـ *al-Nāfiyatt Li al-Jins* Yang Berperanan Dengan Peranan "إِنْ":

Syarat-syarat bagi partikel لـ *al-nāfiyatt li al-jins* yang berperanan dengan peranan "إِنْ" ialah seperti berikut:

- i. Tujuan nafi hendaklah dengan maksud penafian *jins* secara menyeluruh dan bukan penafian yang membawa maksud satu.
- ii. Tiada pemisah antara لـ dan kata namanya (*ism*). Sekiranya terdapat pemisah antara keduanya maka peranannya akan terbatal dan kata namanya dibaca dengan kasus fleksi akusatif (*marfū'*) serta wajib digandakan. Sebagai contoh لـ فـرـح وـلـا في الدـار فـرـح وـلـا "لـ فـرـح وـلـا" (Tidak ada kegembiraan dan kesedihan di dalam rumah itu) (lihat Muhammad Amīn Dannāwī, 1999: 174).

Hukum memansuhkan (*hadhf*) kata nama dan predikat لـ adalah dibolehkan sekiranya ada petunjuk (*dalīl*). Contoh bagi kata nama partikel لـ yang dimansuhkan ialah seperti لـ بـأـسـعـلـيـكـ "لـ بـأـسـعـلـيـكـ" dengan maksud "لـ بـأـسـعـلـيـكـ" (Tidak mengapa). Manakala predikat yang dimansuhkan pula seperti لـ بـأـسـ "لـ بـأـسـ" dengan maksud لـ بـأـسـعـلـيـكـ "لـ بـأـسـعـلـيـكـ" (Tidak mengapa), (dipetik daripada Jalāluddin al-Sayūtī, 1998: Jil. 1: 470).

c) Hukum Pengulangan Partikel Nafi Nafi لـ *al-Nāfiyatt Li al-Jins*:

Sekiranya partikel nafi لـ *al-nāfiyatt li al-jins* berulang dan telah melengkapi syarat-syarat untuk berperanan, dibolehkan baginya dua keadaan iaitu sama ada berperanan dengan peranan "إِنْ" ataupun sebaliknya. Sebagai contoh لـ حـوـل وـلـا فـوـهـ إـلـا بـالـلـهـ "لـ حـوـل وـلـا فـوـهـ إـلـا بـالـلـهـ" (tiada daya dan kekuatan melainkan dengan izin Allah), kedua-dua kata nama لـ dalam contoh

tadi boleh dibaca dengan baris fleksi nominatif (*mansūb*), iaitu "لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ" akusatif (*marfū'*) sebagaimana "لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ", atau pun dengan kasus fleksi yang berlainan dalam masa yang sama, iaitu "لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ" (lihat Ibn Hishām al-Anṣārī, 1991: Jil. 1: 266).

2. Partikel Nafi ۚ Yang Berperanan Dengan Peranan "لَيْسَ" :

Bahagian ini akan dijelaskan mengenai partikel nafi ۚ yang berperanan dengan peranan "لَيْسَ" dari segi makna dan tatabahasa, iaitu:

i. Dari Segi Makna:

Terdapat ۚ nafi yang berperanan dengan peranan "لَيْسَ", iaitu mengakusatifkan kata nama (*al-ism*) dan menominatifkan predikat (*al-khabar*). Partikel nafi ۚ dari kategori ini hanya memasuki kata nama am sahaja (*nakiratt*) (lihat Muhammad Amīn Dannāwī, 1999: 173). Walau bagaimanapun, ahli nahu berpendapat bahawa ۚ yang berperanan dengan peranan "لَيْسَ" adalah amat sedikit (Ibn Hishām al-Anṣārī: 1991), bahkan ada antara mereka seperti al-Akhfash dan al-Mubarrad yang menafikan peranan tersebut (al-Murādī, 1992: Jil. 1: 266).

ii. Dari Segi Tatabahasa:

Ahli nahu telah menggariskan empat syarat bagi membolehkan partikel nafi ۚ berperanan dengan peranan "لَيْسَ" (dipetik daripada 'Abbās Hasan, T.t: Jil. 1: 602), iaitu:

1. Kata nama dan predikat ۚ mestilah terdiri dari kata nama am (*nakiratt*), sebagai contoh "لَا خَائِنٌ صَدِيقًا" (tidak ada seorang sahabat dari kalangan pengkhianat).
2. Predikat partikel nafi ۚ hendaklah tidak mendepani kata namanya. Ini bererti tidak boleh bagi ۚ untuk berperanan dengan peranan "لَيْسَ" sebagaimana dalam contoh "لَا صَدِيقٌ خَائِنٌ".

3. Tiada pemisah antara ل nafi dan kata namanya, sepermima penambahan إِنْ tambahan dalam contoh "لَا إِنْ صَدِيقٌ حَاضِرٌ" (Tiada seorang kawan yang hadir).
4. Ayat penafian hendaklah tidak dibatalkan dengan lafaz "إِلَّا", seperti "لَا صَدِيقٌ إِلَّا حَاضِرٌ" (tiada seorang kawan yang hadir melainkan seorang).

Menurut Muhammad Amīn Dannāwī (1999: 174) peranan partikel nafi ل akan terbatal dalam dua keadaan, iaitu seperti berikut:

1. Partikel ل yang tidak bersambung dengan kata namanya secara langsung, contohnya "لَا إِنْ أَنْتَ قَاتِلٌ" (awak bukan seorang pembunuh).
2. Predikat yang mendahului kata nama (*al-ism*), seperti "لَا قَاتِلٌ مُحَمَّدٌ" (Muhammad bukan seorang pembunuh).

3. Partikel Nafi ل Iringan (*al-‘ātifatt*):

Berikut diterangkan mengenai partikel nafi ل iringan dari segi bahasa dan tatabahasa:

i. Dari segi Makna:

ل *‘ātifatt* ialah ل menyamakan hukum *ma’tūf* dan *ma’tūf ‘alayh* dari sudut fleksi (*i’rāb*). Manakala dari sudut makna, ia menyisihkan makna penyataan (*al-ithbāt*) yang ada pada bahagian pertama (*al-ma’tūf ‘alayh*) dari bahagian kedua (*al-ma’tūf*). Atau dalam erti kata lain, partikel ل iringan menetapkan hukum penyataan bagi *al-ma’tūf ‘alayh* dan hukum nafi bagi *al-ma’tūf*.

ii. Dari Segi Tatabahasa:

Menurut al-Murādī (1992: 294) terdapat tiga syarat bagi menggunakan partikel ل sebagai *‘ātifatt*, iaitu:

1. Ayat hendaklah dimulai dengan makna penyataan (*‘ijāb*) atau *pengesahan* (*ithbāt*), contohnya "جَاءَ زَيْدٌ لَا عَمْرُو" (Zaid telah datang bukan ‘Amr), arahan, contohnya

- "إِنْ رَبِّ زَيْدًا لَا عَمْرًا" (Pukulah Zaid bukan 'Amr), ataupun seruan (*nidā*'), contohnya "يَا ابْنَ أَخِي لَا ابْنَ عَمِّي" (Wahai anak saudaraku bukan sepupuku).
2. لَا yang tidak disusuli dengan partikel '*ataf*'(iringan) yang lain, contohnya "جَاءَنِي زَيْدٌ لَا بَلْ عَمْرُو" (Zaid telah datang kepada saya bukan bahkan 'Amr)
 3. Tidak berlaku kesamaran antara perkataan iringan dengan yang diiringkan kepadanya (*ma 'tūf* dan *ma 'tūf 'alayh*). Iaitu percakapan sebelum partikel لَا yang mengandungi makna yang boleh menafikan apa yang selepasnya, contohnya "جَاءَنِي زَيْدٌ لَا رَجُلٌ" (Zaid telah datang kepada saya bukan seorang lelaki), yang mana "زَيْدٌ" boleh dianggap terdiri daripada salah seorang daripada "رَجُلٌ". Melainkan jika diungkapkan melalui "جَاءَنِي زَيْدٌ لَا إِمْرَأَةٌ" (Zaid telah datang kepada saya bukan seorang wanita)

4. Partikel لَا Sebagai Jawapan (*al-Jawābiyyatt*):

Iaitu لَا yang digunakan sebagai jawapan yang membawa maksud nafi secara mutlak dan bertentangan dengan makna perkataan "نعم" (ya!) ataupun "بلى" (bahkan ya!) (lihat Ibn Hishām al-Anṣārī, 1991: Jil. 1: 269). Contoh bagi pertanyaan yang berbentuk tegasan adalah seperti "أَمْ أَحْسِنُ إِلَيْكَ؟" maka jawabnya ialah لَا atau بلى. Manakala pertanyaan yang berbentuk *istifhām* (ayat yang menuntut kepada suatu jawapan) ialah seperti "هَلْ" "عَنْدَكَ زَيْدٌ؟" maka jawabnya ialah لَا atau نعم. Al-Sayūtī (1996: Jil. 2: 500) mengatakan bahawa لَا *al-jawābiyyatt* dan *al-'ātifatt* tidak terdapat penggunaannya dalam al-Quran.

5. Partikel Nafi لَا *al-Nāfiyatt* Bilā Qayd:

Iaitu لَا nafi yang memasuki kata nama (*ism*) atau kata kerja (*fi 'l*) dan wajib berulang. Pembahagiannya adalah sebagaimana berikut:

- i. لا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ لَا nafi yang memasuki kata nama khas (*ma'rifatt*), contohnya ﴿لَا تُدْرِكُ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ﴾ (Yasin: Ayat 40) yang bermaksud “Matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang”.
- ii. لا nafi yang memasuki kata nama am (*nakiratt*) tanpa berperanan ke atasnya, contohnya ﴿لَا فِيهَا غَوْلٌ وَلَا هُمْ عَنْهَا يُنْزَفُونَ﴾ (Al-Sāffāt: Ayat 47) yang bermaksud “Ia tidak mengandungi sesuatu yang membahayakan, dan tidak pula mereka mabuk kerana menikmatinya”.
- iii. لا nafi yang memasuki perkataan tunggal (*mufrad*) yang menduduki tempat *khabar* (predikat) seperti "رَبِّ لَا كَاتِبٌ وَلَا شَاعِرٌ" (Zaid bukan seorang penulis dan tidak juga seorang penyair), keadaan (*hāl*) seperti "جَاءَ رَبِّ لَا ضَاحِكًا وَلَا بَاهِيًّا" (Zaid telah datang tidak dalam keadaan senyum mahupun menangis), atau *badal* seperti "أَشْرَبَ شَيْئًا، لَا مَاءً وَلَا عَسَلًا" (Saya tidak meminum apa-apa, tidak air mahupun madu) dan juga *sifatt* (adjektif), contohnya ﴿إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَا فَارِضٌ وَلَا بِكْرٌ﴾ (Al-Baqaratt: Ayat 68) yang bermaksud “bahawa (lembu betina itu) ialah seekor lembu yang tidak terlalu tua dan tidak terlalu muda”.
- iv. لا nafi yang memasuki kata kerja kala lampau (*fi'l mādī*), contohnya ﴿فَلَا صَدَقَ وَلَا حَلَّ﴾ (Al-Qiyāmatt: Ayat 31) yang bermaksud “maka ia tidak mengakui kebenaran dan ia tidak mengerjakan sembahyang”. Al-Tha‘ālibī (1989) menjelaskan bahawa penggunaan لا nafi dalam contoh tadi membawa maksud "ما", iaitu "مَا صَدَقَ وَمَا حَلَّ", ataupun "مَمْ", iaitu "مَمْ صَدَقَ وَمَمْ حَلَّ".

Namun sekiranya ia memasuki kata kerja kala lampau yang maknanya mengkehendaki pada masa hadapan, sama ada berupa doa atau sebaliknya, maka partikel لا tidak perlu berulang. Contoh bagi kata kerja kala lampau (*fi'l mādī*) yang bermaksud doa ialah seperti "لَا سَمَحَ اللَّهُ" (mudah-mudahan Allah tidak mengkehendaki ia terjadi), bukan

doa pula seperti "وَاللَّهُ لَا فَعْلَتْ كَذَا" (demi Allah saya tidak akan lakukannya pada masa hadapan), iaitu yang bermaksud "وَاللَّهُ لَنْ أَفْعَلَهُ مُسْتَقْبَلًا".

Bagi partikel nafi لَا yang memasuki kata kerja kala kini (*fi'l mudāri'*) ia tidak wajib diulang, seperti contoh ﴿وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا مَا شَاءَ﴾ (Al-Baqaratt: Ayat 255) yang bermaksud “Sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki”. Kebanyakan ahli nahu berpendapat bahawa penggunaan partikel nafi لَا berserta kata kerja kala kini menunjukkan makna nafi pada masa hadapan (rujuk Jamāluddīn Ibn Hishām al-Ansārī, 1991). Menurut Sībawayh (T.t) jika seseorang berkata "هَلْ يَفْعَلُ؟" (adakah dia lakukan?) dan perkara tersebut belum lagi terjadi, maka penafiannya adalah dengan jawapan "لَا يَفْعَلُ" (dia tidak lakukan). Sekiranya pula seseorang itu berkata "وَاللَّهُ لَيَفْعَلُ" (demi Allah nescaya dia akan lakukan), maka penafiannya adalah dengan jawapan "وَاللَّهُ لَا يَفْعَلُ" (demi Allah dia tidak akan lakukannya). Dipetik daripada al-Murādī (1992: 296) bahawa al-Mubarrid dan al-Akhfash berpendapat bahawa penggunaan partikel nafi لَا berserta kata kerja kala kini ada kalanya merujuk kepada makna nafi pada kala kini, sebagai contoh "جَاءَ زَيْدٌ لَا يَسْكُنُ" (Zaid telah datang dalam keadaan tidak bercakap). Al-Zarkashī (T.t) menjelaskan ada kalanya partikel nafi لَا digunakan bersama kata kerja kala kini (*fi'l mudāri'*) dan mengkehendaki makna kelangsungan yang berterusan (*al-dawām*), iaitu makna kala yang tiada batasan tertentu seperti firman Allah s.w.t: ﴿لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ﴾ (Saba': Ayat 3) yang bermaksud “Tiada tersembunyi dari pengetahuannya barang seberat debu yang ada di langit atau di bumi”.

2.3.3.2 Kata Peranti Nafi ﴿Nafiyatt Zā'idatt﴾:

Partikel ﴿لِ﴾ tambahan ialah di mana lafaz yang sebelum darinya berperanan ke atas perkataan yang selepasnya. Manakala makna partikel nafi ﴿لِ﴾ dalam penggunaan seperti ini hanya membawa makna nafi semata-mata (lihat al-Murādī, 1992: 301). Terdapat dua situasi di mana partikel ﴿لِ﴾ nafi tambahan digunakan, iaitu sebagaimana berikut:

- a) Tambahan pada lafaz sahaja. Terdapat dua keadaan, iaitu:

1. Partikel ﴿لِ﴾ nafi tambahan yang digunakan di antara dua perkataan yang saling melengkapi seperti partikel *jarr* dan kata nama genetif (*majrūr*), ‘*ataf* dan *ma’tūf* serta *na’t* dan *man’ūt*, sebagai contoh "جَهْنُمْ بِلَا رَفِيقٍ" (saya telah datang tanpa teman), "هَرَبْتُ مِنْ لَا شَيْءٍ" (Saya telah lari bukan dari sebarang perkara)
2. Partikel ﴿لِ﴾ nafi tambahan yang digunakan antara *nāsib* dengan *mansūb*, seperti "جَهْنُمْ لِكَلَّا يَنْكِي" (saya telah datang supaya dia tidak menangis) dan juga antara *jāzim* dan *majzūm*, contohnya "إِنْ لَا تُؤْمِنُوا ثُهِلُوكُوا" (Al-Tawbatt: Ayat 40) yang bermaksud “kalau kamu tidak menolongnya (nabi Muhammad) maka sesungguhnya Allah telah pun menolongnya”.

- b) Tambahan pada lafaz serta makna:

Iaitu ﴿لِ﴾ nafi tambahan yang digunakan untuk membawa makna nafi dan sebagai instrumen penegas, penguat kepada makna percakapan. Sebagai contoh "مَا جَاءَ سَمِيرٌ وَلَا نَعِيمٌ". (Samir tidak datang begitu juga dengan Naim).

2.3.4 Kata Peranti Nafi ﴿لَا تَ﴾:

Dalam perbincangan berikut diterangkan tentang kata peranti nafi ﴿لَا تَ﴾ dari segi makna, asal kata dan perihal peranan ﴿لَا تَ﴾ iaitu:

2.3.4.1 Asal-usul Pembentukan Kata Peranti Nafi ﻷّا:

Terdapat beberapa pendapat ahli nahu mengenai asal-usul ﻷّا, antaranya seperti berikut:

- a) Abū Dhar al-Khushnī (dipetik daripada Ibn Hishām al-Anṣārī , 1991: Jil.1: 281) berpendapat bahawa ﻷّا merupakan kata kerja kala lampau (*fi'l mādī*) mengikut pola kata kerja "اَلَّا تَيْلِيْشٌ" atau pun "اَلَّا تَيْلِيْشَ", bermaksud "نَفَصَ" (telah berkurangan) dan digunakan sebagai nafi. Sebagai contoh firman Allah s.w.t. ﴿لَا يَنْكُمْ مِّنْ أَعْمَالِكُمْ شَيْئًا﴾ (Al-Hujrāt: Ayat 14) yang bermaksud “Allah tidak akan mengurangkan sedikit pun dari pahala amal-amal kamu”.
- b) Abū al-Husayn bin Abī al-Rabī‘ (lihat al-Sayūtī, 1998: Jil.1: 399) berpendapat bahawa ﻷّا berasal dari "لَيْسَ" yang digantikan padanya huruf "سِين" dengan "تَاء" dan ditukarkan huruf "بَاء" dengan huruf "إِلْفَ".
- c) Majoriti ahli nahu berpendapat kata peranti nafi ﻷّا asalnya adalah partikel ﻲ nafi yang disertai dengan *tā'* tanda feminin (*tā' al-ta'nīth*) sebagaimana penambahannya pada perkataan "مُتْ" dan "رَتْ". Manakala huruf *tā'* dibaca dengan kasus fleksi *fathahitt* disebabkan pertembungan yang berlaku antara dua huruf yang berkasus fleksi *sukūn*.

2.3.4.2 Peranan Kata Peranti Nafi ﻷّا:

Ahli nahu telah berbeza pendapat mengenai peranan kata peranti ﻷّا, iaitu:

- a) Sibawayh dan majoriti ulamak nahu mengatakan bahawa ianya berperanan dengan peranan kata peranti nafi "لَيْسَ" yang mengakusatifkan subjek (*mubtada'*) dan menominatifkan predikat (*khabar*).
- b) Al-Akhfash berpendapat bahawa ianya tidak berperanan. Beliau menambah bahawa sekiranya perkataan yang selepasnya dibaca dengan dengan keadaan fleksi

akusatif (*marfū'*), maka ia dianggap subjek yang dimansuhkan padanya predikat. Manakala apabila perkataan yang berikutnya dibaca dengan keadaan kasus fleksi nominatif, maka ia dikatakan objek (*maf'ūl*) bagi kata kerja (*fī'l*) yang dimansuhkan. Sebagai contoh firman Allah s.w.t. ﴿وَلَاتْ حِينَ مَنَاصٍ﴾ (Sād: Ayat 3) yang bermaksud “padahal saat itu bukan saat meminta pertolongan melepaskan diri dari azab”. Bagi bacaan nominatif (*mansūb*) ia ditakdirkan dengan makna لَا أُرِى” " لا أرى". Manakala bagi bacaan akusatif (*marfū'*) pula ia ditakdirkan dengan makna " حِينَ مَنَاصٍ . حِينَ مَنَاصٍ" (lihat Ibn Hishām al-Anṣārī, 1991: Jil 1: 282).

- c) Al-Akhfash dalam pendapatnya yang lain mengatakan bahawa kata peranti nafi لَا berperanan dengan peranan "إِنْ", iaitu menominatifkan kata nama (*ism*) dan mengakusatifkan predikat (*khabar*). Perkataan " حِينَ" dalam ayat " وَلَاتْ حِينَ مَنَاصٍ" difleksikan sebagai kata nama (*ism*), manakala predikatnya dimansuhkan dengan takdir "مُهُمْ" (lihat Jalāluddin al-Sayūtī, 1998: Jil. 1: 402).
- d) al-Farrā' (dipetik daripada Jalāluddin al-Sayūtī (998: Jil.1: 402) berpendapat bahawa لَا merupakan huruf *jarr* yang menjadikan kata nama zaman (*asmā' al-zamān*) selepasnya dibaca dengan keadaan kasus fleksi genetif. Sebagai contoh " لَا سَاعَةً مُنْدَمِّ". Manakala bacaan " وَلَاتْ حِينَ مَنَاصٍ" merupakan bacaan yang *shādhah*.

2.3.4.3 Penerima Fleksi (*ma'mūl*) لَا:

Terdapat dua pandangan mengenai penerima fleksi (*ma'mūl*) لَا sebagaimana berikut:

- a) Sībawayh (T.t: Jil.1 : 59) dan al-Akhfash (1985: Jil. 2: 670) mengatakan bahawa kata peranti لَا hanya berperanan pada " حِينَ" sebagaimana yang terdapat dalam ayat ﴿وَلَاتْ حِينَ مَنَاصٍ﴾ (Sād: Ayat 3).

- b) Al-Fārisī (lihat Ibn Hishām al-Anṣārī, 1991: Jil.1: 283) dan Ibn Mālik (Jalāluddin al-Sayūfī, 1998: Jil.1: 401) pula berpendapat bahawa peranan لَا^{تَ} tidak terbatas pada perkataan "جِئْنَ" sahaja, malah peranannya juga meliputi pada kata nama-kata nama zaman (*asmā' al-zamān*) yang seerti denganya, seperti "سَاعَةٌ", وَقْتٌ", serta "أَوْانٌ", sama ada dalam keadaan khusus (*ma'rifatt*) mahupun umum (*nakiratt*). Sebagai contoh "خَسِيرَ الْلَّاعِبُونَ وَلَا^{تَ} وَقْتَ خَسَارَةٍ" (para pemain itu telah kalah dan tidaklah waktu itu waktu yang sewajarnya untuk kalah) (lihat Muhammad Amīn Dannāwī, 1999: 175).

2.3.4.4 Syarat Penggunaan Kata Peranti Nafi لَا^{تَ}:

Antara syarat penggunaan kata peranti nafi لَا^{تَ} yang berperanan adalah wajib memansuhkan salah satu penerima fleksinya (*ma'mūl*), iaitu sama ada kata nama (*ism*) atau pun perdikat (*khabar*). Namun kebanyakan penggunaan kata peranti nafi لَا^{تَ} apa yang dimansuhkan padanya ialah kata nama (*ism*). Dengan syarat kata nama (*ism*) dan perdikat (*khabar*) adalah terdiri diri lafaz yang sama (lihat Muhammad Amīn Dannāwī: 1999: 175). Sebagai contoh perkataan وَقْتٌ "وقْتٌ" dalam ungkapan خَسِيرَ الْلَّاعِبُونَ وَلَا^{تَ} وَقْتَ خَسَارَةٍ merupakan perdikat لَا^{تَ} yang nominatif (*mansūb*) kepada kata nama (*ism*) yang dimansuhkan, asal ungkapan tersebut ialah خَسِيرَ الْلَّاعِبُونَ وَلَا^{تَ} الْوَقْتُ وَقْتَ خَسَارَةٍ".

2.3.5 Kata Peranti Nafī إِنْ:

Dalam perbahasan yang berikut diterangkan mengenai partikel nafi إِنْ dari segi makna dan tatabahasa:

2.3.5.1 Dari segi Makna:

Menurut Muhammad Amīn Dannāwī (1999: 97) partikel nafi ﴿إِنْ﴾ merupakan kata peranti nafi dan salah satu anggota "لَيْسَ" serta bermaksud dengan makna "مَا". Sebagai contoh ﴿إِنْ سَامِعٌ فَلَا حَمَّ﴾ (Salim bukan seorang petani). Walau bagaimanapun, menurut beliau penggunaannya sebagaimana dalam contoh tersebut jarang didapati dalam bahasa Arab. Ia memasuki kedua-dua jenis ayat sama ada ayat namaan, seperti firman Allah s.w.t ﴿إِنْ الْكَافِرُونَ إِلَّا فِي غُرُورٍ﴾ (Al-Mulk: Ayat 20) yang bermaksud "Sebenarnya orang-orang yang kafir tidak lain hanyalah berada dalam keadaan terpedaya", atau pun ayat kerjaan, seperti firman Allah s.w.t ﴿إِنْ يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا﴾ (Al-Kahf: Ayat 5) yang bermaksud "mereka hanya mengatakan perkara yang dusta".

2.3.5.2 Dari Segi Tatabahasa:

a) Peranannya ('amaluhā):

Menurut Sībawayh (T.t: Jil. 4: 222) dan Muhammad Amīn Dannāwī (1999: 97) partikel nafi ﴿إِنْ﴾ (*al-nāfiyyat*) merupakan salah satu anggota "لَيْسَ" serta berperanan dengan peranannya, iaitu mengakusatifkan subjek sebagai (*ism*) dan menominatifkan predikat sebagai *khabar* ﴿إِنْ﴾. Namun demikian, peranannya akan terbatal dengan dua sebab, iaitu sama ada kerana tidak bersambung secara langsung dengan *ism*, ataupun disebabkan terdapat lafadz "لَا" (*adātt al-hasr*) sebelum dari perdikat partikel nafi ﴿إِنْ﴾. Kebanyakan penggunaan partikel nafi ﴿إِنْ﴾ akan disertai dengan "لَا" sebagai *adātt al-hasr*, contohnya ﴿إِنْ أَنْتَ إِلَّا نَذِيرٌ﴾ (Fātir:Ayat 23) yang bermaksud "Engkau tidak lain hanyalah seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran". Manakala contoh bagi peranan ﴿إِنْ﴾ yang terbatal oleh sebab terpisah dengan *ism* adalah seperti dalam ayat yang didepankan padanya perdikat (*taqdīm khabar*), sebagaimana contoh ﴿إِنْ مُنْطَلِقٌ زَيْدٌ﴾. (Zaid tidak bertolak).

b) Lafaz Susulan Selepas Kata Peranti Nafi ﴿إِنْ﴾:

Ibn Hishām Al-Anṣārī (1991: Jil. 1; 30) terdapat beberapa kumpulan ahli nahu yang berpegang pada pandangan bahawa kata peranti nafi ﴿إِنْ﴾ *al-nāfiyatt* wajib diikuti dengan lafaz *adātt al-hasr* "لَا" atau "لَمَّا" pengecualian (*al-istithnā'iyyatt*). Sebagai contoh firman Allah s.w.t ﴿إِنْ كُلُّ نَفْسٍ حَافِظٌ لِمَّا عَلَيْهَا﴾ (Al-Tāriq: Ayat 4) yang bermaksud "Tiada suatu diri juapun melainkan ada malaikat yang menjaga". Namun terdapat sekumpulan ahli nahu yang berpendirian sebaliknya kerana terdapat banyak ayat-ayat dalam al-Quran yang ada menyebut penggunaan partikel nafi ﴿إِنْ﴾ tanpa diikuti dengan lafaz *adātt al-hasr* "لَا" atau "لَمَّا" *al-istithnā'iyyatt*. Antara contoh ayat-ayat tersebut adalah seperti ﴿إِنْ عِنْدَكُمْ مِنْ سُلْطَانٍ بِحَدَّا﴾ (Yūnus: Ayat 68) yang bermaksud "Tidaklah ada sebarang keterangan di sisi kamu yang membuktikan apa yang kamu dakwakan itu", ﴿قُلْ إِنْ أَذْرِي أَقْرِيبُ مَا تُوعَدُونَ﴾ (Al-Jinn: Ayat 25) maksudnya "Katakanlah: aku tidak mengetahui sama ada (azab) yang dijanjikan kepada kamu itu sudah dekat", dan lain-lain.

Menurut Abū Ḥayyān (1997) makna penggunaan partikel nafi ﴿إِنْ﴾ secara *qiyās* adalah sama dengan partikel kata peranti nafi "ما" nafi dari segi makna nafi dan kala, iaitu digunakan sebagai nafi pada kala kini (*al-hāl*).

2.3.6 Kata Peranti Nafi ﴿لَنْ﴾:

Dalam perbahasan yang berikut diterangkan mengenai partikel nafi ﴿لَنْ﴾ dari segi makna dan tatabahasa:

2.3.6.1 Dari Segi Makna:

Kata peranti nafi لَنْ membawa makna penafian/ penidakan. Menurut al-Murādī (1992: 270) dan Sībawayh (T.t: Jil. 3 :5) لَنْ ialah partikel nafi yang kekal kasus akhirnya dengan sukūn (*mabnī ‘ala al-sukūn*), memasuki kata kerja kala kini (*fi'l mudāri'*), menominatifkannya serta mengkhususkan maknanya pada masa hadapan. Sebagai contoh "لَنْ أُبْلِغَ الْجَبَلَ" (saya tidak akan mencapai puncak gunung tersebut) . Firman Allah s.w.t ﴿لَنْ تَنَالُوا الْبَرَّ حَتَّىٰ تُنْفِعُوا مَمَّا تُحِبُّونَ﴾ (al-‘Imrān: Ayat 92) yang bermakna “kamu sekali-kali tidak akan dapat mencapai hakikat kebajikan dan kebaktian yang sempurna sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayang”.

Menurut al-Zamakhsharī (lihat Abū Hayyān al-Andalūsī, 1992: Jil. 10: 174) partikel nafi لَنْ lebih mempunyai unsur pengukuhan (*al-ta'kīd*) dari sudut makna nafi melalui penggunaannya serta membawa makna penafian yang abadi (*al-ta'bīd*). Tambahan beliau lagi bahawa لَنْ dan لَا mempunyai persamaan dari segi penggunaannya untuk makna nafi masa hadapan, tetapi makna penafian melalui لَنْ adalah lebih kuat dan tegas. Sebagai contoh beliau menyatakan dalam kitab tafsirnya *al-kashshāf* bahawa لَنْ dalam ayat ﴿إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ لَنْ يَخْلُقُ وَلَا يُبَابِ﴾ (Al-Hajj: Ayat 73) maksudnya “sebenarnya mereka yang kamu seru dan sembah, yang lain dari Allah itu, tidak sekali-kali akan dapat mencipta seekor lalat” membawa maksud *al-ta'bīd* dan perkara yang dinafikan melaluinya adalah mustahil terjadi secara akal.

Walau bagaimanapun, ahli nahu yang terkemudian berbeza pendapat dengan pandangan al-Zamakhsharī mengenai makna لَنْ dari sudut pengukuhan (*al-ta'kīd*) dan pengabadian (*al-ta'bīd*). Kebanyakan ahli nahu menolak kedua-dua makna tersebut, namun ada juga dari mereka yang menerima kedua-duanya serta sebahagian yang lain pula bersetuju

dengan makna *al-ta'kīd* sahaja, seperti al-Sayūtī dan Ibn al-Khabbāz (dipetik daripada Jalāluddīn al-Sayūtī, 1998: Jil. 2: 287).

Menurut al-Zajjāj (1997: Jil. 1: 177) Ibn Ya‘īsh merupakan antara mereka yang sependapat dengan al-Zamakhshrī mengenai makna kata peranti nafi لَنْ dari sudut pengukuhan atau penegasan (*al-ta'kīd*) dan pengabadian (*al-ta'bīd*), tetapi beliau berbeza persepsi mengenai konsep pengabadian (*al-ta'bīd*) berbanding al-Zamakhshrī. *al-ta'bīd* menurut Ibn Ya‘īsh adalah terbatas selama masa hidup di dunia sahaja, bukan sebagaimana yang dikatakan oleh al-Zamakhshrī iaitu merangkumi kedua-dua masa hayat di dunia dan akhirat. Sebagai contoh Ibn Ya‘īsh menyatakan bahawa makna firman Allah s.w.t. ﴿لَنْ تَرَانِ﴾ (Al-A‘rāf: Ayat 143) maksudnya “Engkau tidak sekali-kali akan sanggup melihatKu” bukan bermaksud bahawa Allah s.w.t. tidak akan dilihat juga pada hari akhirat, sebaliknya maksud yang dikehendaki sebenarnya ialah لَنْ تَرَانِ فِي الْدُّنْيَا”.

Majoriti ahli nahu menolak makna *al-ta'kīd* dan *al-ta'bīd* bagi partikel kata peranti لَنْ. Antara ahli nahu tersebut ialah seperti Ibn Hishām (lihat Ibn Hishām Al-Ansārī, 1991: Jil. 1: 313) yang telah menjelaskan bahawa makna ungkapan "لَنْ أَفُوْمْ" boleh membawa dua maksud, iaitu sama ada “selama-lamanya saya tidak akan berdiri”, atau pun boleh juga diertikan dengan “saya tidak akan berdiri pada bila-bila masa pada zaman hadapan”. Secara tidak langsung ungkapan "لَنْ أَفُوْمْ" adalah sama dengan ungkapan لَمْ "أَفُوْمْ" yang tidak mengandungi unsur pengukuhan (*al-ta'kīd*).

2.3.6.2 Dari Segi Tatabahasa:

i. Pemisahan Antara لَنْ Dan Kata Kerja Kala Kini (*Fi'l Mudāri'*):

Terdapat beberapa pandangan ahli nahu mengenai pemisahan antara لَنْ dan kata kerja kala kini (*fi'l Mudāri'*) sebagaimana berikut:

- a) Majoriti ahli nahu Basrah dan Hishām al-Darīr dari kalangan ahli Kufah mengatakan bahawa pemisahan antara لَنْ dan kata kerja kala kini (*fi'l mudāri'*) tidak dibolehkan melainkan dalam keadaan yang memaksa (*darūratt*) sebagaimana dalam ungkapan-ungkapan syair. Sebagai contoh:

"لَنْ - مَا رَأَيْتُ أَبَا زَيْدٍ مُفَاقِلًا - أَدْعُ الْقِتَالَ وَأَشْهُدُ الْمَيْحَاءَ"

Maksud: Aku tidak akan menyertai pertempuran itu dan hanya menyaksikannya, meskipun Abu Zaid yang sedang bertempur dalam pertempuran itu.

(lihat Ibn Hishām Al-Ansārī, 1991: Jil. 2: 312)

- b) Al-Kisā'ī pula berpendapat bahawa pemisahan antara لَنْ dan kata kerja kala kini (*fi'l Mudāri'*) adalah dibolehkan dengan lafaz *al-qasam*, seperti "لَنْ - وَاللهُ أَكْرَمُ" (Demi Allah saya tidak akan memuliakan Zaid) dan juga penerima fleksi (*ma'mūl*) kata kerja, seperti "وَلَنْ زَيْدًا أَكْرَمُ" (dan saya tidak akan memuliakan Zaid). Al-Farrā' mempersetujui pandangan al-Kisā'ī yang pertama tadi dan menambah bahawa ia juga boleh dipisahkan dengan lafaz "أَطْنُ" dan juga lafaz *al-shart*, sebagai contoh "لَنْ - أَرُوكَ" (saya rasa saya tidak akan menziarahi kamu) "إِنْ تَرْزُنِي - لَنْ". (saya tidak akan menziarahi kamu jika kamu menziarahi saya).

Pengkaji melihat bahawa pandangan Abu Hayyān yang bersetuju dengan pendapat ahli nahu Basrah adalah lebih tepat, iaitu pemisahan antara لَنْ dan kata kerja kala kini (*fi'l Mudāri'*) tidak dibolehkan melainkan dalam keadaan terpaksa. Menurut Abu Hayyān ini

kerana "لَنْ" dan anggotanya merupakan salah satu partikel yang menominatifkan kata kerja (*yansib*) dan menyamai peranan "أُنْ" serta anggotanya yang menominatifkan kata nama. Jika pemisahan antara "أُنْ" dan kata nama tidak dibolehkan, maka keadaan yang sama adalah lebih tidak wajar untuk dilakukan antara "لَنْ" dan kata kerja. Ini kerana agen fleksi ('āmil) kata kerja (*af'āl*) adalah lebih lemah berbanding dengan agen fleksi ('āmil) kata nama (*asmā'*), justeru pemisahan antara kata kerja dan agen fleksi kata kerja adalah lebih tidak patut berlaku berbanding dengan pemisahan antara kata nama dan agen fleksinya.

ii. Pendepan Penerima Fleksi (*Ma'mūl*) Kata Kerja Ke Atas Partikel Nafi لَنْ:

Aspek pendepan penerima fleksi (*taqdīm ma'mūl*) kata kerja ke atas partikel nafi لَنْ pula adalah dibolehkan menurut pandangan majoriti ahli nahu (lihat Jalāluddīn al-Sayūtī, 1998: Jil. 2: 288). Mereka menjelaskan bahawa ungkapan "لَنْ أَصْرِبَ" (saya tidak akan pukul) merupakan penafian kepada ungkapan "سَأَصْرِبَ" (saya akan pukul). Maka sebagaimana dibolehkan bagi ayat "رَبَّاً سَأَصْرِبَ", demikian juga dibolehkan pendepan penerima fleksi (*taqdīm ma'mūl*) kata kerja ke atas partikel nafi لَنْ dalam ungkapan "رَبَّاً لَنْ أَصْرِبَ" (saya tidak akan memukul Zaid).

2.3.7 Kata Peranti Nafi لَمْ:

Perbahasan yang berikutnya ialah mengenai partikel nafi لَمْ dari sudut makna dan tatabahasa.

2.3.7.1 Dari Segi Makna:

لَمْ merupakan partikel nafi yang kekal kasus akhirnya dengan sukūn (*mabnī 'ala al-sukūn*) dan membawa maksud nafi/ penidakan. Ia berperanan dengan peranan yang

khusus pada kata kerja kala kini (*fi'l mudāri'*), iaitu menjazamkan dan mengubah makna masa dari kala kini kepada kala lampau (lihat Muhammad Amīn Dannāwī, 1999:179).

2.3.7.2 Dari Segi Tatabahasa:

i. Pendepanan Penerima Fleksi (*Taqdīm Ma'mūl*) Kata Kerja Ke Atas Partikel Nafi ﴿:

Pendepanan Penerima Fleksi (*Taqdīm al-ma'mūl*) kata kerja ke atas partikel nafi ﴿ adalah dibolehkan menurut pandangan majoriti ahli nahu. Sebagai contoh "زَيْدًا لَمْ أَضْرِبْ" (saya tidak pukul Zaid) (rujuk al-Irbillī, 1991: 257)

ii. Pemisahan Di Antara Partikel ﴿ Dengan Kata Kerja Kala Kini (*Fi'l Mudāri'*):

Menurut al-Murādī (1992: 269) dan al-Sayūtī (1998: 448) majoriti ahli nahu mengatakan bahawa pemisahan antara ﴿ dengan kata kerja kala kini (*fi'l mudāri'*) tidak dibolehkan melainkan dalam keadaan yang memaksa (*darūratt*) sebagaimana dalam ungkapan-ungkapan syair.

Sībawayh (T.t: Jil. 3: 111) menyebutkan sebab mengapa partikel nafi ﴿ dan kata kerja kala kini (*fi'l mudāri'*) tidak boleh dipisahkan ialah kerana hukum *al-jazm* pada kata kerja adalah menyerupai hukum genetif (*al-jarr*) pada kata nama. Sebagaimana tidak dibolehkan pemisahan antara partikel *jarr* dan kata nama genetif (*majrūr*), demikian juga hukumnya dengan pemisahan antara *jāzim* dengan *majzūm*.

Antara contoh pemisahan antara partikel ﴿ dan kata kerja kala kini (*fi'l mudāri'*) dengan sebab terpaksa (*darūratt*) ialah seperti:

"فَذَاكَ وَلَمْ - إِذَا نَحْنُ امْتَرِيْنَا - * تَكُنْ فِي النَّاسِ تُدْرِكُكَ الْمَرَاءَ"

Maksud: Kalau kita sisihkan perasaan syak dari manusia nescaya akan berlakulah dalam kalangan manusia pertelingkahan dan pergaduhan.

Makna sebenar yang dikehendaki bagi rangkap syair ini ialah "ولم تكن يدرك النساء، إذا نحن امترينا" (lihat al-Irbillī" 1991: 256).

iii. Pemansuhan Kata Kerja Yang *Majzūm* Selepas Kata Peranti Nafi لـ:

Majoriti ahli nahu bersepakat dengan pendapat bahawa memansuhkan kata kerja yang *majzūm* selepas لـ adalah tidak dibolehkan melainkan dalam keadaan yang memaksa (*darūratt*) seperti dalam rangkap-rangkap syair, umpamanya :

"إِحْفَظْ وَدِيْعَتَكَ الَّتِي اسْتَوْدَعْتَهَا" يَوْمَ الْأَعْازِبِ إِنْ وَصَلَتْ وَإِنْ لـ"

Maksud : Peliharalah rahsia yang engkau telah pegang, sekiranya kamu bongkarkannya nescaya harimu pasti akan tiba sama ada engkau telah mencapai matlamatmu atau tidak.

Lafaz *majzūm* yang telah dimansuhkan dalam syair tadi ialah "وَإِنْ لـ تَصِلْ" (lihat al-Murādī, 1991: 296).

iv. Penyandaran Huruf Ke Atas Kata Peranti Nafi لـ:

Ahli nahu telah membicarakan tentang beberapa huruf yang kadang-kala didapati memasuki partikel لـ nafi, iaitu hamzah tanya (*hamzatt al-istifhām*), huruf *wāw*, huruf *fā'* dan huruf syarat (*hurūf al-shart*). Berikut dinyatakan sedikit penjelasan mengenai penyandaran huruf-huruf tersebut ke atas kata peranti nafi لـ nafi:

a) Penyandaran *Hamzatt al-Istifhām*:

Ia memasuki partikel لـ nafi dan tidak mengubah apa-apa dari sudut peranannya yang menjazamkan kata kerja kala kini selepasnya. Sebagai contoh firman Allah s.w.t لـ ﴿

﴿ يَجْدُكَ يَتَيَّمَّا فَآوِي ﴾ (Al-Duhā: Ayat 6) maksudnya “Bukankah ia mendapat engkau yatim piatu, lalu Ia memberikan perlindungan?”. Manakala kesan penyandarannya dari sudut makna pula terdapat dua pandangan mengenainya, iaitu:

1. Ia kekal membawa maksud nafi tentang sesuatu perkara pada kala lampau. Namun begitu, menurut ahli nahu penggunaannya amat jarang didapati. Sebagai contoh, ungkapan "مَمْ يَقْعُمْ رَيْدٌ؟" (tidakkah Zaid telah berdiri?) menggambarkan penafian terhadap Zaid bahawa dia telah berdiri pada masa yang telah lepas.
2. Kebanyakan penggunaan *hamzatt al-istifhām* bersama partikel nafi مْ mengandungi makna *balāghatt* dan membawa maksud *al-taqrīr*, iaitu yang bertujuan untuk meminta pengakuan dari pihak yang diajukan kepadanya pertanyaan tentang sesuatu perkara yang telah diketahui olehnya.

Al-Irbillī (1991: 257) pula mengatakan bahawa ayat pertanyaan dengan maksud *al-taqrīr* melalui "مْ" secara tidak langsung mengubah makna مْ dari makna nafi kepada makna pernyataan ('ijāb). Ibn Hishām al-Anṣārī (1991) dan Abū Hayyān Al-Andalūsī (1992: Jil 1: 344) pula menjelaskan bahawa dari segi makna kala makna ayat pernyataan ('ijāb) yang menyusuli partikel nafi yang bergabung dengan hamzah tanya bersama kata kerja kala kini "مْ" kekal menunjukkan pada kala lampau sebagaimana yang sewajarnya bagi penggunaan partikel nafi مْ bersama kata kerja tersebut. Sebagai contoh firman Allah s.w.t. ﴿ أَنْ نَشْرَحَ لَكَ صَدْرَكَ ﴾ (Al-Inshirāh: Ayat 1) maksud ayat: bukankah kami telah lapangkan bagimu dadamu (wahai Muhammad), makna pernyataannya bererti قَدْ "شَرَحْنَا لَكَ أَئِهَا الْمُخَاطَب" (bahkan kami sesungguhnya telah lapangkan bagimu wahai si pendengar).

Al-Irbillī (1991: 257) juga mengatakan bahawa ayat pertanyaan dengan maksud *al-taqrīr* melalui "مْ" mengubah makna مْ dari makna nafi kepada makna pernyataan ('ijāb)

serta boleh membawa kepada makna-makna *balāghatt* yang lain berdasarkan petunjuk-petunjuk (*qarā'in*) yang terdapat pada ayat-ayat yang berikutnya. Antara makna-makna tersebut adalah seperti berikut:

1. Peringatan (*al-tadhkīr*), contoh firman Allah s.w.t ﴿إِنْ يَجِدُكَ يَتَيَمَّا فَآوِي﴾ (Al-Dūhā: Ayat 6)
2. Ugutan dan menakut-nakutkan (*al-tahdīd wa al-takhwīf*), contoh firman Allah s.w.t ﴿أَنْ نُهَلِّكُ الْأَوْلَى﴾ (Al-Mursalāt: Ayat 16) maksudnya “Bukankah kami telah binasakan orang-orang dahulu (yang ingkar dan derhaka).
3. *Al-ibtā'* (gaya bahasa untuk melahirkan keresahan kerana kelambatan sesuatu yang diharapkan), contoh firman Allah s.w.t ﴿أَلَمْ يَأْنِ لِلَّذِينَ آمَنُوا أَنْ تَخْشَعَ قُلُوبُهُمْ لِذِكْرِ اللَّهِ﴾ (Al-Hadīd: Ayat 16) maksudnya “Belum sampaikah lagi masanya bagi orang-orang yang beriman untuk khusyuk hati mereka mematuhi peringatan dan pengajaran Allah?”.
4. Menarik perhatian (*al-tanbīh*), contoh firman Allah s.w.t ﴿مَا عَلِمَ﴾ (Al-Hajj: Ayat 63) maksud ayat “Tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah menurunkan hujan dari langit?”.
5. *Al-ta'ajjub* (gaya bahasa yang bertujuan menunjukkan kehairanan terhadap perkara yang ditanya) , contoh firman Allah s.w.t ﴿أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ تَوَلَّوْا قَوْمًا غَضِيبَ الْهَمَّ عَلَيْهِم﴾ (Al-Mujādalāt: Ayat 14) maksudnya “Tidakkah engkau melihat (bagaimana jahatnya) orang-orang yang bersahabat karib dengan kaum yang telah dimurkaai Allah?”
6. *Al-tawbīkh* (gaya bahasa tanya yang bertujuan mengejek atau mencela), contoh firman Allah s.w.t. ﴿أَوَلَمْ نُعَمِّرْكُمْ مَا يَتَذَكَّرُ فِيهِ مَنْ تَذَكَّرَ﴾ (Fātīr: Ayat 37) Maksud ayat “bukankah kami telah melanjutkan umur kamu dan memberikan masa yang cukup untuk berfikir dan beringat padanya oleh sesiapa yang suka berfikir dan beringat?”

b) Penyandaran Huruf *wāw* dan *fā'*:

Menurut al-Irbillī (1991: 258) dan Abū Hayyān (1997: Jil.2 : 547) huruf *wāw* dan *fā'* yang terletak di tengah-tengah di antara *hamzatt al-istifhām* dan partikel nafi ﴿ ﴾ berperanan sebagai huruf iringan ('ataf) yang meng‘atafkan ayat yang selepas partikel ﴿ ﴾ dengan ayat yang sebelumnya.

Al-Zamakhsharī mengatakan bahawa lafaz *ma 'tūf 'alayh* antara *hamzatt* pertanyaan (*al-istifhām*) dan partikel nafi ﴿ ﴾ adalah mansuh dan ditakdirkan dengan lafaz yang bersesuaian dengan kedudukannya. Sebagai contoh bagi lafaz *ma 'tūf 'alayh* yang ditakdirkan bagi ayat ﴿ أَوْمَ يَسِيرُوا ﴾ (Al-Rūm: Ayat 9) maksudnya “Tidakkah mereka telah berjalan dan mengembara?” ialah "أَمْكُثُوا وَمَ يَسِيرُوا". Begitu juga dengan firman Allah s.w.t ﴿ أَفَلَا يَعْقِلُونَ ﴾ (Al-Sāffāt: Ayat 138) ditakdirkan dengan lafaz ﴿ أَجْهَلُوا فَلَا يَعْقِلُونَ ﴾ (dipetik daripada Abū Hayyān Al-Andalūsī dalam kitab *Irtishāf Al-Darb Min Lisān al-'Arab*, 1997:Jil. 2: 547).

c) Penyandaran Partikel Syarat (*Hurūf al-Shart*):

Ahli nahu telah menyimpulkan dua perkara mengenai aspek penyandaran *harf al-shart* sebelum partikel nafi ﴿ ﴾, iaitu seperti berikut:

- i) Menurut al-Irbillī (1991: 258) terdapat perbeaan penunjuk kala antara partikel syarat (*harf al-shart*) dengan partikel nafi ﴿ ﴾ yang menukarkan makna kata kerja kala lampau kepada masa hadapan sebagaimana ayat "إِنْ جَهَنَّمَ أَكْرَمْتَنَّكَ" (sekiranya kamu datang kepada saya, saya akan muliakan kamu) manakala partikel nafi ﴿ ﴾ yang menukarkan makna kata kerja kala kini kepada makna kala lampau. Oleh yang demikian, ahli nahu berpandangan bahawa aspek kala dan makna akan diagihkan antara kedua-duanya apabila digunakan bersama, iaitu

dengan mengekalkan makna kala masa hadapan (*al-istiqbāl*) bagi partikel syarat (*harf al-shart*), manakala partikel nafi ﴿﴾ pula hanya memberikan makna nafi semata-mata tanpa berperanan dengan menukar makna masa kata kerja kala kini kepada kala lampau. Sebagai contoh firman Allah s.w.t ﴿﴿وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَغْتَ رِسَالَتِهِ﴾﴾ (Al-Mā'idah: Ayat 67), Maksudnya “dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya”.

- ii) Menurut Ibn Mālik (1990: Jil. 2: 164) ahli nahu berbeza pandangan mengenai agen fleksi ('amil) yang memberi hukum jazam ke atas kata kerja kala kini (*fī'l mudāri'*) dalam penggunaan partikel syarat ﴿إن﴾ (*in al-shartiyyatt*) bersama partikel ﴿﴾ nafi. Pengkaji lebih bersetuju dengan pendapat ahli nahu Basrah dan Ibn Mālik yang mengatakan bahawa agen fleksi ('āmil) jazam dalam penggunaan seperti tersebut ialah partikel ﴿﴾ kerana ia memberikan kesan yang lebih lantaran kedudukannya yang lebih hampir dengan kata kerja dalam sesebuah ayat. Manakala ahli nahu Kufah pula berpandangan dengan pendapat yang sebaliknya berdasarkan kedudukan ﴿إن﴾ yang disebut terlebih dahulu dalam sesebuah ayat sebelum partikel nafi ﴿﴾.

Menurut Ibn Hishām al-Anṣārī (1991: Jil 1: 308), al-Ashmūnī (T.t: Jil: 4: 5) dan al-Murādī (1992: 268) terdapat beberapa persamaan antara partikel nafi ﴿﴾ dan ﴿لَم﴾, iaitu kedua-duanya digunakan pada kata kerja kala kini dan menukar makna daripada kala kini kepada kala lampau. Manakala dari sudut unsur kala nafi, majoriti ahli nahu berpandangan bahawa perkara yang dinafikan melalui kedua-dua partikel ini adalah tidak berlaku pada kala lampau dan penafian tersebut berterusan sehingga ke zaman semasa percakapan. Perkara yang membezakan antara kedua-dua partikel tadi ialah,

partikel لَمْ pada kebiasaannya digunakan secara lebih khusus untuk perkara-perkara yang boleh dijangka akan berlaku pada bila-bila masa pada masa hadapan (*mutawaqqa' al-hudūth*), hal ini sebaliknya dengan partikel nafi لَمْ. Tetapi ini tidak bermakna bahawa لَمْ wajib menunjukkan makna jangkaan (*mutawaqqa' al-hudūth*) pada masa hadapan dalam setiap penggunaannya. Ibn Hishām pula menambah pendapat beliau bahawa partikel لَمْ boleh juga menunjukkan makna *mutawaqqa' al-hudūth* sebagaimana لَمْ tetapi hanya pada kala lampau, manakala pada masa hadapan hanya terbatas melalui partikel لَمْ sahaja. Beliau membawa contoh bagi nafi pada kala lampau yang yang mengandungi makna jangkaan berlaku (*mutawaqqa' al-hudūth*) seperti "كَانَ فِي قَمْثُ وَلَمْ أَوْ" ؟؟ (kenapa saya telah berdiri dan kamu tidak berdiri?). Manakala contoh bagi nafi pada kala lampau yang tidak mengandungi makna jangkaan berlaku (*mutawaqqa' al-hudūth*) ialah seperti ungkapan yang dimulakan dengan "لَمْ أَوْ كَانَ تَقْرُبْ" (kamu tidak berdiri).

2.3.8 Kata Peranti Nafi لَمْ:

Seterusnya dibincangkan mengenai partikel nafi لَمْ. Perbahasan ini akan dibentangkan dari dua segi; dari segi makna dan tatabahasa.

2.3.8.1 Dari Segi Makna:

Partikel لَمْ merupakan partikel nafi yang memasuki kata kerja kala kini (*fi'l mudāri'*), menjazamkan dan menukar makna kala kini kepada kala lampau serta mempunyai persamaan dengan partikel لَمْ dari aspek makna dan kala penafian, iaitu makna kala lampau.

2.3.8.2 Dari Segi Tatabahasa:

Pemansuhan Kata Kerja Kala Kini (*Fi'l Mudāri'*) Yang *Majzūm* Selepas Partikel Nafi لَمْ:

Ahli nahu bersepakat mengenai pemansuhan kata kerja kala kini (*fi'l mudāri'*) yang *majzūm* selepas partikel nafi لَمْ adalah dibolehkan sekiranya terdapat bukti atau petunjuk yang menunjukkan maknanya, sebagai contoh "فَارَثُتُ الْمَدِينَةَ وَلَمَّا" (saya telah menghampiri al-Madīnatt dan saya tidak (belum)) makna yang dimaksudkan dengan ungkapan ini ialah "وَلَقَّا أَدْخُلُهَا" (saya tidak (belum) memasukinya) (lihat Jalāluddīn al-Sayūtī, 1998: Jil. 2: 448 dan Muḥammad Amīn Dannāwī, 1999: 179).

2.3.8.3 Perbandingan Di Antara Partikel Nafi لَمْ Dan لَمَّا dari Sudut Persamaan Dan Perbezaan:

Menurut al-Irbillī (1991: 424), al-Murādī (1992: 268) dan Ibn Hishām al-Anṣārī, 1991: Jil. 1: 308) terdapat persamaan dan perbezaan yang berkait rapat antara dua partikel nafi tersebut, iaitu sebagaimana berikut:

a) Dari Sudut Persamaan:

1. Kedua-dua partikel tersebut merupakan partikel atau kata peranti (*harf*), berperanan dengan khusus pada kata kerja kala kini dengan menafikannya, menjazamkannya serta menukar maknanya dari kala kini kepada kala lampau. Sebagai contoh firman Allah s.w.t ﴿لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ﴾ (Al-Ikhlas : Ayat 3) maksudnya “Ia tidak beranak, dan ia tidak diperanakkan”.
2. Kedua-duanya boleh disandarkan hamzah tanya (*hamzatt al-istifhām*) dengan mengekalkan peranan (*'amal*) asal. Sebagai contoh ﴿لَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِأَصْحَابِ الْفَيْلِ﴾ (Al-Fil: Ayat 1) maksud ayat “tidakkah engkau mengetahui bagaimana Tuhanmu telah melakukan kepada angkatan tentera gajah?”.

3. Pendepanan penerima fleksi (*taqdīm al-ma'māl*) kata kerja ke atas kedua-duanya adalah harus dan dibolehkan. Sebagai contoh "زَيْدًا لَهَا أَصْبَرْتُ" dan "زَيْدًا لَهَا أَصْبَرْتُ" (Zaid tidak memukul).

b) Dari Sudut Perbezaan:

1. Ciri-ciri Khusus Partikel Nafi لُمْ:

- i. Partikel nafi لُمْ boleh mengiringi huruf syarat (*adātt al-shart*), manakala partikel nafi لَمْ tidak boleh. Sebagai contoh "إِنْ لَمْ تَفْعَلْ" (sekiranya kamu tidak lakukan) dan tidak dibolehkan bagi penggunaan "إِنْ لَمَّا تَفْعَلْ".
- ii. Unsur kala pada perkara yang dinafikan oleh partikel لُمْ adalah sama ada berterusan dari kala lampau sehingga ke zaman semasa (*al-hāl*), seperti firman Allah s.w.t ﴿وَلَمْ أَكُنْ بِذُعْنِكَ رَبِّ شَقِيقٍ﴾ (Maryam: Ayat 4) maksud ayat "dan aku tidak pernah merasa hampa dengan doa permohonanku kepadaMu", atau pun terputus dari zaman semasa, seperti firman Allah s.w.t ﴿لَمْ يَكُنْ شَيْئًا مَذْكُورًا﴾ (Al-Insān: Ayat 1), maksud ayat "sedang ia (masih belum wujud lagi, dan) tidak menjadi sesuatu benda yang disebut-sebut, (maka mengapa kaum musyrik itu mengingkari hari akhirat)?" yang mana makna yang dimaksudkan ialah "لَمْ كَانَ بَعْدَ ذَلِكَ مَذْكُورًا" (kemudian dari itu sedang ia menjadi sesuatu benda yang disebut-sebut).
- iii. Digunakan dengan tanpa berperanan (*muhamalatt*) pada sesetengah penggunaan dengan menyamakan hukumnya dengan hukum partikel nafi لَمْ dan partikel لَى. Sebagai contoh "لَمْ يُؤْفُونَ بِالْجَارِ" (mereka tidak menjaga hak jiran), manakala لَكَ tidak digunakan sedemikian.
- iv. Partikel لُمْ boleh dipisahkan antara kata kerja yang *majzūm* dalam keadaan yang memaksa dengan sebab *darūratt*, sebagai contoh rangkap syair "كَانْ لَمْ" (Kan Lam)

"— سَوْيِ أَهْلِ مِنَ الْوَحْشِ — تُؤْهَلِ" (rumah yang ditinggalkan akan menjadi usang, ia tidak dihuni oleh sesiapa melainkan haiwan-haiwan yang liar). Manakala pemisahan yang sedemikian dalam penggunaan partikel **لَمَا** adalah tidak dibolehkan.

- v. Partikel **لِمْ** boleh digunakan dalam gaya bahasa sumpah (*al-qasam*), manakala partikel **لَمَا** tidak digunakan sedemikian. Sebagai contoh "وَاللَّهُ، لَمْ يَقْرُبْ زَيْدٌ" (demi Allah Zaid tidak berdiri).

2. Ciri-ciri Khusus Partikel Nafi **لَمَا**:

- i. Menurut Khālid Bin ‘Abdullāh al-Azharī (T.t: Jil. 2: 247) perkara yang dinafikan melaluinya adalah merupakan perkara yang boleh dijangkakan kejadiannya pada masa hadapan (*mutawaqqa’ al-hudūth*), hal ini sebaliknya melalui partikel **لِمْ**. Ini kerana **لَمَا** digunakan bagi menafikan kata kerja "فَعَلَ" yang boleh mengandungi maksud jangkaan, manakala **لِمْ** pula digunakan bagi menafikan kata kerja "فَعَلَ" yang tidak mengandungi erti jangkaan. Sebagai contoh firman Allah s.w.t ﴿بَلْ لَمَّا يَدْوُقُوا عَذَابٍ﴾ (Sād: Ayat 8), maksud ayat "Tetapi mereka belum merasakan azab (Ku)". Abū Hayyān dalam keterangannya ayat ini membawa erti "أَنَّهُمْ لَمْ يَدْوُقُوهُ إِلَى الآنِ، وَإِنَّ ذَوْقَهُ لَهُمْ مُتَوَقَّعٌ". (bahawa mereka tidak merasainya hingga sekarang, dan sesungguhnya merasainya adalah sesuatu yang dijangkakan bagi mereka pada suatu masa) (lihat Abū Hayyān al-Andalūsī, 1992: 7: 364).

- ii. Makna penafian melalui **لَمَا** adalah wajib berterusan dari kala lampau sehingga ke zaman semasa percakapan. Justeru ayat nafi melalui ungkapan **لَمْ يَكُنْ** "كَذَا ثُمَّ كَانَ" (pada ketika dahulu ia tidak sedemikian, kemudian ia menjadi) adalah betul, manakala "لَمَا يَكُنْ كَذَا ثُمَّ كَانَ" merupakan penggunaan yang tidak tepat dan

ayat yang seharusnya ialah "لَمَّا يَكُنْ كَذَا، وَقَدْ يَكُونُ أَوْ لَا يَكُونُ" (pada ketika dahulu ia tidak sedemikian, kemudian ia mungkin menjadi atau tidak menjadi) (dipetik daripada Ibn Hishām al-Anṣārī, 1991: Jil. 1: 308).

- iii. Pemansuhan perkara yang dinafikan selepasnya adalah harus atau dibolehkan jika terdapat petunjuk yang membawa kepadanya. Sebagaimana contoh "فَارِثُ الْمَدِينَةِ وَلَمَّا" maksudnya "وَلَمَّا أَذْخَلَهَا" (sebagaimana yang telah dijelaskan di ms. 64)
- iv. Ibn Hishām menggariskan bahawa partikel لَمَّا menafikan perkara pada kala lampau yang hampir dengan zaman semasa sahaja, manakala hal ini tidak disyaratkan bagi partikel لَمْ (lihat Ibn Hishām al-Anṣārī, 1991: Jil.1: 308).

2.3.9 Kata Peranti Nafi لَكَلَّا:

Partikel nafi لَكَلَّا adalah salah satu partikel yang tidak dibahaskan dengan terperinci mengenai peranannya ('amal) dari segi tatabahasa, demikian juga dari segi aspek kala yang boleh ditunjukkan melaluinya dengan jelas. Namun begitu, berikut adalah beberapa persoalan yang didapati oleh pengkaji yang menyentuh tentang partikel nafi tersebut.

2.3.9.1 Dari Segi Makna:

Terdapat beberapa takrifan bagi partikel لَكَلَّا menurut pandangan ahli nahu, iaitu:

- i. Menurut Sibawayh (T.t Jil. 2: 212) ahli nahu Basrah menganggapnya partikel (*harf*) dengan makna sangkalan (*al-rad'*) dan sanggahan (*al-zajr*), seperti firman Allah s.w.t. ﴿كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ * كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ﴾ (Al-Takāthur: Ayat 3 & 4), maksud ayat “Jangan sekali-kali (kamu bersikap demikian!) kamu akan mengetahui kelak

- (akibatnya yang buruk semasa hendak mati), Sekali lagi (diingatkan): jangan sekali-kali (kamu bersikap demikian!) kamu akan mengetahui kelak akibatnya yang buruk pada hari akhirat!)
- ii. Mururut Ibn Hishām al-Ansārī (1991: Jil. 1: 213), al-Irbillī (1991: 412) al-Kisā'ī dan beberapa pengikutnya dari Kufah menganggap kata peranti nafi گلَّا sebagai kata nama (*ism*) yang membawa maksud "حَقًا" (benar!). Ia digunakan di permulaan ayat untuk meneguhkan apa yang selepasnya, seperti firman Allah s.w.t "كَلَّا وَالْقَمَرِ" (Al-Muddaththir: 32) yang bermaksud "sebenarnya demi bulan!".
 - iii. Ibn Hishām mengatakan bahawa گلَّا adalah partikel (*harf*) yang bermaksud "لَا" pembukaan (*istiftāhiyyatt*) untuk tujuan menarik perhatian (*al-tanbīh*). Contoh firman Allh s.w.t. ﴿كَلَّا إِنَّهُمْ عَنْ رَّهْبَمْ يَوْمَئِذٍ لَمْ يَخْوُبُونَ﴾ (Al-Mutaffifin: Ayat 15) yang bermaksud "Jangan lagi mereka berlaku demikian! (kalau tidak) mereka pada hari itu tetap terdinding dari (rahmat) tuhannya" (dipetik daripada Ibn Hishām al-Ansārī, 1991: Jil. 1: 213) dan Ibn Ya‘īsh (T.t: 16).
 - iv. Menurut Tha‘lab kata peranti nafi گلَّا merupakan partikel (*harf*) yang terbentuk dari gandaan (*murakkabatt*) huruf *kāf* perumpaan (*al-tashbīh*) dengan partikel لَا nafi (*al-nāfiyatt*) yang digunakan sebagai jawapan balas (*radd*) kepada apa yang sebelumnya, contoh firman Allah s.w.t ﴿فَقَالَ أَصْحَابُ مُوسَى إِنَّا لَمُدْرُكُونَ قَالَ كَلَّا﴾ (Al-Shu‘arā': Ayat 62) yang bermaksud "Berkatalah orang-orang nabi Musa: sesungguhnya kita akan dapat ditawan, Nabi Musa menjawab: Tidak!" (lihat Ibn Hishām al-Ansārī, 1991: Jil. 1: 166).
 - v. گلَّا merupakan partikel jawapan (*harf jawāb*) dengan makna "إِي!" yang memberi makna penyataan (*ithbāt*) dan "نعم" (ya!). Sebagai contoh firman Allah s.w.t "كَلَّا" "إِي وَالْقَمَرِ" diterjemahkan oleh al-Farrā' dengan "إِي وَالْقَمَرِ" (lihat Ibn Hishām al-Ansārī, 1991: Jil. 1: 213).

vi. Mazhab yang menggabungkan kesemua takrifan tadi, iaitu partikel ﷺ boleh dierangkan dengan empat maksud berdasarkan konteks ayat sebagaimana yang terdapat penggunaannya dalam al-Quran (al-Murādī, 1992: 577), iaitu:

1. Sangkalan (*rad'*) dan sanggahan (*zajr*) yang paling banyak digunakan dalam al-Quran.
2. Nafi (*nafī*) dan jawab balas (*radd*) dengan makna "﴿".
3. Peringatan (*tanbīh*) dan pembukaan (*istiftāh*) seperti "﴿" dan "﴿ حَقًا ﴾"
4. Jawapan (*al-jawāb*) seperti makna "﴿ إِي ﴾" dan "﴿ نَعَمْ ﴾".

Pengkaji bersetuju dengan pendapat mazhab yang terakhir ini yang melihat makna ﷺ berdasarkan konteks penggunaannya dalam ayat. Namun ahli nahu menyatakan kebanyakan penggunaannya dalam al-Quran adalah dengan makna sangkalan (*rad'*) dan sanggahan (*zajr*).

2.3.9.2 Asal Pembentukan Partikel ﷺ :

Pengkaji bersetuju dengan pandangan majoriti ahli yang mengatakan bahawa partikel ﷺ merupakan lafaz asal dan tidak terbentuk dari mana-mana gabungan. Ini kerana tiada siapa dari kalangan ahli nahu yang mempertikaikan pandangan tersebut (lihat al-Murādī, 1992: 578 dan Ibn Hishām al-Anṣārī, 1991: Jil.2 : 212).

Manakala Tha‘lab pula berpendapat bahawa ia terdiri dari huruf *kāf* perumpamaan (*al-tashbīh*) dan partikel ﴿ yang bermaksud jawab balas (*al-radd*), manakala huruf *lām* ditashdidkan untuk menguatkan makna (rujuk Ibn Hishām al-Anṣārī, 1991: Jil. 1: 166).

Jadual 2.1

Penggunaan Kata Peranti Nafi Dalam Ayat Namaan Dan Ayat Kerjaan

Bil.	KPN	Ayat Namaan	Ayat Kerjaan	
			Kata Kerja Kala Kini	Kata Kerja kala Lampau
1.	لَيْسَ	﴿لَيْسَ هُمْ طَعَامٌ إِلَّا مِنْ ضَرَبِ﴾ (Al-Ghāshiyatt: 177)	-	-
2.	مَا	﴿وَمَا أَنْتَ إِلَّا نَذِيرٌ﴾ (Fātir: 23)	﴿وَمَا نَعْمَلُوا مِنْهُمْ إِلَّا أَنْ يُؤْمِنُوا بِاللَّهِ﴾ (Al-Burūj: 8)	﴿وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ﴾ (Al-Takwīr: 29)
3.	لَا	﴿وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَا عَبَدْتُمْ﴾ (Al-Kāfirūn: 4)	﴿فَلَا اقْتَحِمُ الْعَقَبَةَ﴾ (Al-Balad: 11)	﴿وَلَا يَدْعُونَ فِيهَا بَرْدًا وَلَا شَرَابًا﴾ (Al-Naba': 24)
4.	لَا تَ	﴿فَنَادُوا وَلَاتَ حِينَ مَنَاصٍ﴾ (Sād: 3)	-	-
5.	إِنْ	﴿إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَالَمِينَ﴾ (Al-Takwīr: 27)	﴿إِنْ أَرْدَنَا إِلَّا لِحُسْنَتِنَا﴾ (Al-Tawbah: 107)	﴿إِنْ أَذْرِي أَقْرِبُ مَا تُوعَدُونَ﴾ (Al-Jinn: 25)
6.	لَنْ	-	-	﴿إِنَّهُ طَنَّ أَنْ لَنْ يَجُوز﴾ (Al-Inshiqāq: 14)
7.	مَمْ	-	-	﴿عَلَمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ﴾ (Al-'Alaq: 5)

8.	لَمَّا	-	-	كَلَّا لَمَّا يَقْضِي مَا أُمْرَةٌ (‘Abasa: 23)
9.	كَلَّا	كَلَّا إِنَّهَا لَظَى (Al-Ma‘ārij: 15)	كَلَّا إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ مِمَّا يَعْمَلُونَ (Al-Ma‘ārij: 39)	كَلَّا بَلْ لَا تَكُونُونَ البَيْتِيمٌ (Al-Fajr: 17)

Secara kesimpulan, istilah nafi merujuk kepada makna penidakan atau penafian, serta berlawanan dengan makna pernyataan. Gaya bahasa nafi terbahagi kepada dua, iaitu nafi tersurat (*al-nafi’ al-sarīh*) yang menggunakan salah satu kata peranti nafi dalam sesebuah ayat, dan nafi tersirat (*al-nafi’ al-dimniyy*) yang dapat difahami melalui konteks ayat serta beberapa lafadz tertentu. Hasil dari penelitian yang telah dibuat dan diterangkan dan bab ini, terdapat sembilan kata peranti dikenal pasti digunakan dalam ayat nafi tersurat sebagaimana yang dijelaskan beserta contoh dalam jadual 2.1. Dua dari kata peranti nafi ini digunakan khusus untuk ayat namaan iaitu kata peranti nafi ليس و لات. Manakala kata nafi لم و لن hanya digunakan dalam ayat kerjaan sahaja. Empat dari kata peranti ini pula digunakan serentak dalam ayat namaan dan kerjaan iaitu kata peranti nafi لا، ما، إن . كلا . Manakala kata peranti nafi yang digunakan dalam ayat kerjaan yang menggunakan kata kerja kala lampau iaitu كلا لا، ما، إن و لن dan bagi ayat yang menggunakan kata kerja kala kini pula ialah لم و مل . Terdapat tiga dari kata peranti nafi yang digunakan khusus bagi kata kerja kala kini dan tidak terdapat bersama kata kerja kala lampau iaitu لم و مل و لن .

2.4 PENUTUP

Dalam bab ini pengkaji telah membahaskan tentang gaya bahasa nafi menurut pandangan beberapa ahli nahu bahasa Arab. Antara yang dibincangkan oleh pengkaji ialah definisi bagi istilah nafi, jenis-jenis nafi dan kata peranti-kata peranti nafi dalam bahasa Arab. Selain itu, turut disentuh pandangan-pandangan ahli nahu mengenai setiap aspek yang mempunyai pelbagai tanggapan dalam gaya bahasa nafi oleh tokoh-tokoh bahasa. Gaya bahasa nafi dalam ayat bahasa Arab dapat direalisasikan melalui salah satu dari kata perantinya, satu darinya merupakan kata kerja pengubah/pemansuh (*nāsikh*) yang tidak sempurna (*nāqis*) iaitu لَيْسَ , manakala selebihnya adalah partikel (*harf*) , iaitu: إِنْ , لَا , لَمْ , لَمَّا , لَتْ , مَا , كَلَّا . Sebahagian dari kata peranti nafi ini ada yang khusus bagi jenis ayat namaan (*jumlatt ismiyyatt*) dan khusus bagi ayat kerjaan (*jumlatt fī'liyyatt*) serta ada antaranya yang memasuki kedua-dua jenis ayat tadi. Huraian bab ini sangat penting kepada pengkaji kerana ia menjadi pengukur serta landasan teori kepada proses analisis kajian yang akan dilakukan.

BAB 3

ASPEK KALA DALAM GAYA BAHASA NAFI


3.0 PENDAHULUAN

Aspek kala merupakan satu perkara utama dalam pembentukan asas-asas linguistik. Untuk melihat dengan lebih jelas aspek kala dalam gaya bahasa nafi, pengkaji akan menghuraikan setiap kata peranti nafi dari aspek kala yang ada membawa maksud penafian pada kala lampau, kala kini dan masa hadapan berserta ciri-cirinya. Juga dinyatakan interpretasi penggunaan partikel nafi dari sudut kala terhadap makna ayat menurut pandangan para ahli nahu dan ahli tafsir.

3.1 Unsur Kala Kata Peranti Nafi لَيْسَ

Menurut Sibawayh (T.t: Jil. 4: 233) kata peranti nafi membawa penafian untuk makna kala yang mutlak, iaitu tidak ditentukan untuk makna kala pada masa yang tertentu.


Rajah 3.1
Aspek Kala Kata Peranti Nafi لَيْسَ Yang Umum (*Mutlaq*) Menurut Sibawayh



Rajah 3.1 menunjukkan makna kala kata peranti nafi "لَيْسَ" menurut pandangan Sibawayh yang memutuskan dengan makna kala umum (*mutlaq*).

Manakala al-Irbillī dalam bukunya *Jawāhir al-Adab* (1991: 489) menjelaskan bahawa majoriti ahli nahu bahasa Arab menetapkan unsur kala nafi bagi penggunaan kata peranti nafi "لَيْسَ" adalah khusus untuk kala semasa (*al-hāl*), pandangan ini selaras dengan apa yang dikatakan oleh al-Zamakhsharī (lihat Kamāl ‘Abd Rahīm Rashīd, 2008: 178). Manakala al-Mubarrid dalam bukunya *al-Muqtadab* (1994: Jil. 4: 87) mengatakan bahawa "لَيْسَ" menunjukkan unsur kala nafi khusus pada kala semasa (kala kini), tetapi adakala boleh menunjukkan makna masa pada kala hadapan (*al-istiqbāl*).

Rajah 3.2
Aspek Kala Kata Peranti Nafi "لَيْسَ" Pada Kala Kini Menurut al-Irbillī, al-Mubarrid dan al-Zamakhsharī




Rajah 3.2 menunjukkan makna kala kata peranti nafi "لَيْسَ" menurut pandangan Sībawayh yang memutuskan dengan makna kala umum (*mutlaq*), al-Irbillī yang mengatakan ia khusus untuk kala semasa (*al-hāl*), serta al-Mubarrid yang menetapkannya untuk makna kala semasa, dan ada kalanya menunjukkan makna pada kala-kala yang lain.

Ibn Mālik dalam kitabnya *Sharh al-Tashīl* (1990: Jil. 1: 380) mengutarakan pendapat yang berbeza, iaitu kata peranti nafi "لَيْسَ" menafikan pada ketiga-tiga makna kala; kala lampau, kala kini dan kala hadapan. Ibn Mālik ada menyebut bahawa terdapat satu puak dari golongan ahli nahu yang mengkhususkan penggunaan partikel nafi لـ dan kata kerja "لَيْسَ" untuk makna masa kala kini sahaja. Pandangan tersebut disangkal oleh beliau

dengan kenyataan bahawa sebetulnya kedua-kedua kata peranti nafi tadi menafikan ketiga-tiga makna kala; kala kini, kala lampau dan kala hadapan.

Rajah 3.3
Aspek Kala Kata Peranti Nafi "لَيْسَ" Pada Ketiga-tiga Kala Menurut Ibn Mālik




Rajah 3.3 menggambarkan penunjuk makna kala kata peranti "لَيْسَ" mengikut pendapat Ibn Mālik yang mengatakan "لَيْسَ" menafikan pada ketiga-tiga makna kala; kala lampau, kala kini dan kala hadapan. Beliau telah membawa contoh bagi penafian kala lampau seperti "لَيْسَ خَلَقَ اللَّهُ مِثْلَهُ" (Allah s.w.t. tidak menciptakan sesiapa sepertinya), pada masa hadapan seperti ﴿أَلَا يَوْمًا يُأْتِيهِمْ لَيْسَ مَصْرُوفًا عَنْهُمْ﴾ (Hūd: Ayat 8) maksud ayat "Ketahuilah pada hari datangnya azab itu kepada mereka, tidak akan dapat ditolak dari menimpa mereka", dan kala kini seperti "لَيْسَ زَيْدٌ قَائِمًا" yang bermaksud "لَيْسَ زَيْدٌ قَائِمًا" (Zaid tidak berdiri sekarang).

Muhsin ‘Alī ‘Atiyyatt (2007: 197) yang merupakan salah seorang ilmuwan nahu semasa juga bersepakat bahawa kata peranti nafi "لَيْسَ" adalah untuk menyampaikan makna masa kala kini, melainkan jika terdapat petunjuk yang menjuruskan makna kala pada saat tertentu, maka ketika itu unsur makna kala ditentukan berlandaskan petunjuk tersebut. Pendapat beliau ini tidak jauh berbeza dengan pendapat Ibn ‘Uṣfūr dan al-Zajājī (lihat Kamāl ‘Abd Rahīm Rashīd, 2008: 197) melainkan mereka menambah sekiranya berlaku kesamaran dari segi makna kala yang merujuk kepada dua situasi

sama ada pada kala kini dan kala hadapan, maka aspek kala kata peranti nafi "لَيْسَ" diputuskan ketika itu bagi kala kini.

Rajah 3.4
Aspek Kala Kata Peranti Nafi "لَيْسَ" Dengan Petunjuk (*qarīnatt*)



Rajah 3.4 menggambarkan penunjuk makna kala kata peranti "لَيْسَ" mengikut pendapat Muhsin 'Alī, Ibn 'Uṣfūr dan al-Zajājī yang mengatakan kata peranti nafi "لَيْسَ" adalah untuk makna masa kala kini, melainkan jika terdapat petunjuk yang menjuruskan makna kala pada saat tertentu, serta diputuskan untuk makna kala kini sekiranya berlaku kesamaran makna kala sama ada kala kini atau kala hadapan. Sebagai contoh bagi makna masa pada kala kini dan masa hadapan ialah masing-masing seperti "لَيْسَ زِيدٌ قَائِمًا" (Zaid tidak berdiri sekarang) dan "لَيْسَ زِيدٌ قَائِمًا غَدًّا" (Zaid tidak berdiri esok). Manakala ungkapan yang samar dari sudut makna masa antara kala kini dan kala hadapan serta diputuskan untuk makna masa kala kini ialah seperti "لَيْسَ زِيدٌ قَائِمًا" (Zaid tidak berdiri).

Kamāl 'Abd Rahīm Rāshīd (2008: 178) menyimpulkan bahawa terdapat empat pendapat mengenai unsur masa melalui kata peranti nafi "لَيْسَ", iaitu:

- i. Sībawayh berpendapat bahawa "لَيْسَ" digunakan untuk nafi yang *mutlaq* tanpa mengaitkan maknanya pada kala yang tertentu.

- ii. Ibn Mālik pula berpandangan bahawa "لَيْسَ" digunakan dengan maksud nafi pada ketiga-tiga masa iaitu kala lampau, kala kini dan masa hadapan.
- iii. Pendapat yang mengatakan bahawa ia hanya digunakan dengan khusus untuk makna nafi pada kala kini atau semasa sahaja, tanpa makna kala lampau dan masa hadapan. Antara yang mengutarakan pendirian tersebut ialah al-Zamakhsharī. Menurut pandangan mazhab ini ungkapan "لَيْسَ زَيْدٌ قَائِمًا غَدَاءً" (Zaid tidak berdiri esok) adalah bertentangan dengan makna masa yang selayaknya bagi partikel لَيْسَ serta hanya boleh diungkapkan melalui "لَيْسَ زَيْدٌ قَائِمًا الآن" (Zaid tidak berdiri sekarang).
- iv. Majoriti ahli nahu seperti Ibn ‘Usfūr, al-Sayūtī, al-Andalūsī, al-Murādī, Ibn Hishām al-Anṣārī dan lain-lain yang berpandangan bahawa "لَيْسَ" digunakan khusus sebagai nafi dengan makna masa pada kala kini atau *al-hāl*. Sekiranya terdapat petunjuk (*qayd*) atau (*qarīnatt*) yang mengkehendaki atau menentukan makna masa ayat selain dari makna khusus tadi, maka makna masa ditentukan berdasarkan petunjuk (*qarīnatt*) tersebut.

Pengkaji bersetuju dengan pendapat majoriti ahli nahu ini kerana makna masa dalam penggunaan "لَيْسَ" adalah ditentukan melalui petunjuk (*qarīnatt*) yang ada, serta diputuskan untuk makna masa kala kini sekiranya berlaku kesamaran antara makna kala kini (*al-hāl*) dan kala hadapan (*al-istiqbāl*). Ini kerana penggunaan asal bagi partikel لَيْسَ adalah untuk tujuan makna masa pada kala kini. Sekiranya ada *qarīnatt* yang menjuruskan makna masa kepada selain dari makna kala kini (*al-hāl*), barulah makna kala ditentukan baginya mengikut *qarīnatt* tersebut.

3.2 Unsur Kala Kata Peranti Nafi ۘ


Unsur kala nafi bagi kata peranti nafi ini dapat dijelaskan mengikut dua pembahagian, iaitu kata peranti ۘ yang memasuki ayat kerjaan dan ayat namaan.

3.2.1 Partikel ۘ Yang Memasuki Kata Kerja:

Menurut al-Murādī (1992: 329) kebanyakan ahli nahu menyebut sekiranya partikel ۘ digunakan bersama kata kerja kala lampau (*fi'l mādī*) makna kala nafi adalah kekal pada kala lampau, tanpa ditentukan oleh mereka tentang jarak masa sama ada jauh atau dekat.

Manakala apabila ia memasuki kata kerja kala kini (*fi'l mudāri'*) maka unsur makna kala adalah ditentukan untuk kala kini. Menurut al-Murādī lagi (1992: 329) dan beberapa ahli nahu yang lain sekiranya tidak terdapat apa-apa petunjuk (*qarīnatt*) yang menentukan makna kala pada zaman tertentu maka makna kala bagi partikel nafi ini diputuskan dengan makna kala kini.

Rajah 3.5
Aspek Kala Kata Peranti Nafi ۘ Menurut al-Mubarrid




Rajah 3.5 menggambarkan penunjuk makna kala kata peranti nafi ۘ mengikut pendapat al-Murādī. Contoh bagi kata peranti nafi ۘ yang menunjukkan makna masa kala lampau apabila digunakan bersama kata kerja kala lampau ialah "ما كتبَ مُحَمَّدُ الدَّرْسَ" (Muhammad tidak menulis pelajaran). Manakala contoh bagi kata peranti nafi ۘ

menunjukkan makna masa kala kini apabila digunakan bersama kata kerja kala kini ialah "ما يَكْتُبُ مُحَمَّدُ الدَّرْسَ" (Muhammad tidak menulis pelajaran). Aspek kala dalam contoh kedua menurut al-Murādī diputuskan dengan makna masa kala kini, pertama disebabkan penggunaan peranti nafi **ما** dengan kata kerja kala kini, kedua disebabkan tidak adalah petunjuk (*qarīnatt*) yang mengkehendaki makna masa pada kala selain dari kala kini.

Ibn Mālik (1990: Jil. 1: 22) mengemukakan pandangan yang sama dengan al-Murādī melainkan Ibn Mālik menambah, adakala kata kerja kala kini yang dinafikan melalui kata peranti nafi **ما** menunjukkan makna kala pada masa hadapan.


Rajah 3.6
Aspek Kala Kata Peranti **ما Menurut Ibn Mālik**



Rajah 3.6 menggambarkan penunjuk makna kala kata peranti nafi **ما** mengikut pendapat Ibn Mālik yang menunjukkan kata kerja kala kini yang dinafikan melalui kata peranti nafi **ما** boleh makna kala pada masa hadapan. Sebagai penyokong kepada hujah tersebut, beliau membawa contoh firman Allah s.w.t. ﴿فَلَمَّا يَكُونُ لِي أَنْ أُبَدِّلَهُ مِنْ تِلْقَاءِ نَفْسِي﴾ (Yūnus: Ayat 15), maksud ayat "Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak berhak menuarkannya dengan kemahuanku sendiri".

Menurut Hibatullāh Bin ‘Alī al-‘Alawī (1992: Jil.2: 239) hukum penafian kata kerja "يُفْعَل" melalui partikel nafi **مَا** adalah menyamai hukum "ليس" dari aspek masa nafi untuk kala kini tanpa ada makna masa kala hadapan (*al-istiqbāl*).

Rajah 3.7
Aspek Kala Kata Peranti Nafi **مَا Menurut al-‘Alawī**



Rajah 3.7 menggambarkan penunjuk makna kala kata peranti **مَا** mengikut pendapat al-‘Alawī yang menyatakan hukum penafian kata kerja "يُفْعَل" melalui partikel nafi **مَا** adalah menyamai hukum "ليس" dari aspek masa nafi untuk kala kini tanpa ada makna masa kala hadapan (*al-istiqbāl*). Sebagai contoh apabila diungkapkan "زَيْدٌ يُصَلِّي الآن" (Zaid sedang menunaikan solat sekarang) maka penafian ke atas ayat tersebut ialah "مَا" "يُصَلِّي" (dia tidak menunaikan solat), intipati makna ayat ini menyamai makna "ليس" "يُصَلِّي". Demikian juga dengan ungkapan "ما زَيْدٌ مُصَلِّيًا" (Zaid seorang yang tidak menunaikan solat) serta "ليس زَيْدٌ مُصَلِّيًا" (Zaid seorang yang tidak menunaikan solat), kedua-dua kata nama pelaku dalam ayat-ayat tadi tidak menunjukkan kepada makna kala selain dari makna masa kala kini. Apa yang dapat disimpulkan dari pandangan al-‘Alawī ini ialah partikel **مَا** yang memasuki kata kerja kala kini hanya membawa makna masa kala kini tanpa kala hadapan.


Menurut Tammām Ḥassān (lihat Kamāl ‘Abd Rahīm Rashīd, 2008: 123) sekiranya partikel **مَا** digunakan untuk menafikan kata kerja kala lampau yang mengikut pola kata

kerja "فَعَلَ" ia menunjukkan kepada makna masa kala lampau yang umum atau disebut sebagai *mutlaq*, iaitu tidak dibataskan pada mana-mana kala tertentu pada kala lampau sama ada jaraknya hampir atau jauh dengan zaman pertuturan. Manakala jika digunakan untuk menafikan kata kerja kala lampau yang mengikut pola "لَقِدْ فَعَلَ" maka ia menunjukkan kepada makna masa kala lampau yang hampir dari kala kini (*al-hāl*).

Menurut beliau, antara kesan makna kala melalui penggunaan lafaz "قَدْ" dan "لَقِدْ" pada kata kerja kala lampau (*fi'l mādī*) ialah mendekatkan makna masa dari kala lampau kepada kala kini (*al-taqrīb*). Menurutnya lagi uslub "لَقِدْ فَعَلَ / قَدْ فَعَلَ" digunakan pada perkara yang telah berlaku setelah dinantikan sebelum dari waktu berlakunya kejadian tersebut, lantaran jarak makna kalanya pada kala lampau yang tidak jauh dengan zaman pertuturan (*al-hāl*). Ibn Ya'īsh dalam bukunya *al-Kitāb* (T.t: Jil. 3: 117 dan Jil. 4: 221) menamakan lafaz "قَدْ" dan "لَقِدْ" sebagai huruf penghampir (*harf al-taqrīb*). Beliau menjelaskan contoh "قَامَ زَيْدٌ" bermaksud suatu pemberitahuan bahawa "Zaid telah bangun" pada suatu ketika yang telah berlalu dari saat pertuturan, tetapi jarak kala tersebut boleh jadi sama ada jauh atau dekat dengan masa kala kini (zaman pertuturan). Manakala dengan penambahan "قَدْ" dalam ungkapan "قَدْ قَامَ زَيْدٌ" mendekatkan makna kala lampau tersebut dengan kala kini seperti yang telah diuraikan di atas. Ini secara tidak langsung menyumbang kepada pengertian bahawa ungkapan "مَا فَعَلَ" yang digunakan bagi menafikan kata kerja "قَدْ فَعَلَ" merujuk kepada makna masa nafi pada kala lampau yang hampir dengan kala kini, manakala menerusi ungkapan yang sama (مَا فَعَلَ) yang digunakan bagi menafikan kata kerja "فَعَلَ" merujuk kepada makna masa pada kala lampau yang umum, boleh jadi jauh atau dekat dengan zaman semasa.

Rajah 3.8

Aspek Kala Kata Peranti Nafi ۢ Dari Sudut Jarak Menurut Tammām Ḥassān dan Ibn Ya‘īsh




Rajah 3.8 menggambarkan penunjuk makna kala kata peranti ۢ mengikut pendapat Tammām Ḥassān dan Ibn Ya‘īsh dari sudut jarak makna kala pada kala lampau. Sebagai contoh, sekiranya ungkapan "مَا حَضَرَ الطَّالِبُ" (Pelajar itu tidak hadir) menafikan kata kerja "حضرَ", maka makna masa dalam ayat tadi mangandungi makna kala lampau yang jauh atau dekat dengan saat percakapan. Dan sebaliknya jika ungkapan yang sama digunakan bagi menafikan kata kerja "لَقَدْ حَضَرَ", maka ia mengandungi makna kala lampau yang dekat dengan saat percakapan.

Al-Zamakhsharī dalam bukunya *al-Kashshāf* (1407: Jil. 2: 311) mempunyai pandangan yang agak umum mengenai makna kala partikal nafi ۢ yang memasuki kata kerja kala lampau. Menurutnya pemakaian partikel nafi ۢ bersama kata kerja kala lampau membuktikan bahawa jarak makna kala lampau tersebut adalah tidak jauh dengan kala kini (zaman percakapan) tanpa menyatakan sama ada untuk penafian kata kerja قَدْ / قَدْنَى.

Rajah 3.9

Aspek Kala Kata Peranti Nafi ۢ Dari Sudut Jarak Masa Menurut al-Zamakhsharī



Rajah 3.9 menggambarkan penunjuk makna kala kata peranti **ما** menurut al-Zamakhsharī dari sudut jarak makna masa pada kala lampau, iaitu penggunaan partikel nafi **ما** bersama kata kerja kala lampau menunjukkan jarak makna kala lampau yang hampir dengan kala kini (zaman percakapan), tanpa mengambil kira sama ada ungkapan "لَقَدْ / قَدْ فَعَلَ" **ما فَعَلَ** atau "لَقَدْ / قَدْ فَعَلَ" **ما فَعَلَ**.

Pengkaji bersetuju dengan pendapat majoriti ahli nahu yang mengatakan bahawa **ما** bersama kata kerja kala kini adalah dikhususkan baginya makna masa kala kini (*al-hāl*) selagi tidak terdapat petunjuk (*qarīnatt*) yang menjuruskan makna kala selain darinya. Sekiranya ada petunjuk tersebut maka makna masa ditentukan melaluinya. Sebagai contoh, perkataan "غَدًّا" dalam "مَا يَقُولُ زَيْدٌ غَدًّا" merupakan petunjuk (*qarīnatt*) yang ditentukan melaluinya makna kala pada masa hadapan. Sekiranya tidak dimasuki oleh perkataan "غَدًّا" atau selainnya yang menjuruskan kepada makna masa pada kala tertentu, maka ditentukan baginya makna masa dengan maksud kala kini (*al-hāl*).

3.2.2 Partikel Nafi **ما Yang Memasuki Kata Nama:**

Perbezaan pendapat ahli nahu mengenai aspek makna masa bagi partikel **ما** yang memasuki kata nama adalah sama sebagaimana لِيُسَنْ . Pengkaji merasakan bahawa ia tidak perlu untuk diulang semula di bahagian ini dan boleh dirujuk di bahagian لِيُسَنْ (ms. 73-77). Namun begitu, pengkaji bersetuju dengan pendapat majoriti ahli nahu yang menyatakan bahawa makna partikel nafi **ما** menunjukkan pada ketiga-tiga kala masa, iaitu kala lampau, kala kini dan masa hadapan (lihat Ibn Mālik, 1990: Jii. 1: 380).


Sebagai contoh bagi makna masa **ما** pada masa hadapan firman Allah s.w.t ﴿وَمَا هُنْ مِنْهَا﴾ (Al-Hijr: Ayat 48) maksud ayat “dan mereka pula tidak sekali-kali akan dikeluarkan daripadanya”, ini kerana kandungan makna ayat ini merujuk kepada keadaan atau perkara yang akan terjadi pada hari pembalasan kelak. Firman Allah s.w.t.

melalui ayat ﴿قَالُوا يَا هُودٌ مَا جِئْنَا بِيَقِينٍ وَمَا نَحْنُ بِتَارِكِيٍّ أَهْمَنَا عَنْ قَوْلِكَ وَمَا نَحْنُ لَكَ بِمُؤْمِنِينَ﴾ (Hūd: Ayat 53), yang bermaksud “Wahai Hud Engkau tidak membawa kepada kami sebarang keterangan yang membuktikan kebenaranmu, dan kami tidak akan meninggalkan penyembahan tuhan-tuhan kami dengan sebab kata-katamu itu! Dan kami tidak sekali-kali percaya padamu”. Ayat ini menggabungkan ketiga-tiga unsur makna masa, yang pertama partikel nafi ﻻ disusuli dengan ayat kerjaan dan menunjukkan makna masa pada kala lampau, manakala partikel nafi ﻡَا yang kedua dan yang ketiga pula disusuli dengan ayat namaan, masing-masing menunjukkan makna masa pada kala hadapan dan yang ketiga pada kala kini.

3.3 Unsur Kala Kata Peranti Nafi ﻻ

Menurut al-Mubarrid (1994: Jil.1: 47) partikel nafi ﻻ dalam percakapan (*al-kalām*) digunakan sebagai nafi. Mengikut beliau lagi bahawa apabila partikel ini memasuki kata kerja kala kini maka makna kalanya adalah ditentukan untuk kala hadapan (*li al-mustaqbal*). Sebagai contoh "لَا يَقُومُ زَيْدٌ" (Zaid tidak berdiri), makna kala bagi nafi ayat ini ditentukan pada kala hadapan, menjadi “Zaid tidak akan berdiri”. Menurut beliau lagi (1994: Jil.2: 335) penggunaan partikel nafi ﻻ adalah bagi perkara yang belum berlaku ('ammā lam yaqa'). Ini secara tidak langsung ayat "لَا يَقُومُ زَيْدٌ" mengandungi satu penidakan terhadap perkara yang belum berlaku dan akan berlaku.


Rajah 3.10
Aspek Kala Kata Peranti ﻻ Menurut al-Mubarrid



Rajah 3.10 menggambarkan penunjuk makna kala kata peranti nafi ۖ menurut al-Mubarrid ketika memasuki kata kerja kala kini yang ditentukannya untuk makna masa kala hadapan.

Menurut Muhsin ‘Alī ‘Atiyyatt (2008: 190) makna kala melalui penafian partikel nafi ۖ dengan kata kerja kala kini mencakupi makna kala kini dan kala hadapan. Sebagai contoh "لَا أُحِبُّ التَّمَاهُل" (saya tidak suka berlengah-lengah) mengandungi makna "sekarang saya tidak suka" dan "pada masa akan datang pun saya tidak menyukainya". Dengan kata lain, makna kala partikel ۖ dengan kata kerja kala kini mencakupi makna kala kini yang berterusan ke kala hadapan dalam waktu yang sama. Menurut beliau lagi apabila makna kata kerja kala kini yang hendak dikhususkan pada kala kini sahaja hendaklah dinyatakan bersama petunjuk kala (*qayd/ qarīnatt*) seperti lafadz "الآن", serta menggunakan kata peranti nafi ما bukannya لَا, sebagai contoh "مَا أُحِبُّ التَّمَاهُلُ الْآن" (saya tidak suka berlengah-lengah sekarang).

Rajah 3.11
Aspek Kala Kata Peranti Nafi ۖ Menurut Muhsin ‘Alī ‘Atiyyatt




Rajah 3.11 menggambarkan penunjuk makna kala kata peranti ۖ menurut Muhsin ‘Alī ‘Atiyyatt ketika memasuki kata kerja kala kini yang ditentukannya untuk makna masa kala kini yang berterusan (*al-istimrār*) ke kala hadapan dalam satu masa.

Menurut al-Akhfash dan Ibn Mālik (al-Murādī, 1992: 296) serta Hibatullāh Bin ‘Ali al-‘Alawī (1992: Jil. 2: 226) partikel ّ bersama kata kerja kala kini adalah tidak semestinya menunjukkan hanya makna masa pada kala hadapan, bahkan ada kala ia membawa makna masa pada kala kini. Sebagai contoh ungkapan "جَاءَ زَيْدٌ لَا يَتَكَلَّمُ" (Zaid telah datang dalam keadaan tidak bercakap), Ibn Hishām al-Anṣārī (1992: Jil.1: 272) turut menjelaskan bahawa ayat yang mengandungi makna keadaan (*al-jumlatt al-hāliyyatt*) tidak menunjukkan kepada makna kala hadapan, tetapi sebaliknya menunjukkan kepada makna masa kala kini. Antara bukti (*shāhid*) yang dibawa oleh Ibn Mālik bagi menyokong pendapat bahawa makna kala bagi partikel nafi ّ dengan kata kerja kala kini bukan sahaja dikhususkan untuk makna kala hadapan, tetapi juga kala kini seperti firman Allah s.w.t. ﴿وَمَا لَنَا لَا تُؤْمِنُ بِاللَّهِ﴾ (Al-Mā’idah: ayat 84), maksud ayat “Dan tidak ada sebab bagi kami tidak beriman kepada Allah”, dan juga firman Allah s.w.t. ﴿مَا لِي لَا أَرَى الْمُهْدَهْدَهْ﴾ (Al-Naml: ayat 20), maksud ayat “mengapa aku tidak melihat burung belatuk?” .

Rajah 3.12


Aspek Kala Kata Peranti Nafi ّ Menurut al-Akhfash, Ibn Mālik dan al-‘Alawī



Rajah 3.12 menjelaskan penunjuk makna kala kata peranti nafi ّ pada kala hadapan dan kala kini jika sesuatu ayat mengandungi makna keadaan (*al-hāl*) menurut al-Akhfash, Ibn Mālik dan al-‘Alawī. Sebagai contoh "جَاءَ زَيْدٌ لَا يَتَكَلَّمُ" (Zaid telah datang dalam keadaan tidak bercakap).

Ibn Hishām al-Anṣārī (1991: Jil.1: 198) menyatakan kebanyakan penggunaan partikel nafi ـلـ adalah bersama kata kerja kala kini dan sedikit sahaja yang datang bersama kata kerja kala lampau. Sekiranya ia digunakan pada kata kerja kala lampau, maka makna kala nafi ditetapkan untuk kala tersebut. Dalam penggunaan partikel ـلـ bersama kata kerja kala lampau akan berlaku pengulangan pada partikel yang sama dengan syarat ia tidak mengandungi makna doa dan gaya bahasa sumpah (*al-qasam*) , contohnya ﴿لَا صَدَقَ وَلَا صَلَّى﴾ (Al-Qiyāmatt: Ayat 31), maksud ayat “(Oleh sebab orang yang kufur ingkar tidak percayakan hari akhirat) maka ia tidak mengakui kebenaran (yang diwajibkan meyakininya) dan ia tidak mengerjakan sembahyang (yang difardhukan mengerjakannya)! Menurut al-Tha‘ālibī (1989: 393) dan al-Zarkashī (T.t: Jil. 4: 355) hukum penggunaan partikel nafi ـلـ bersama kata kerja kala lampau menyamai hukum penggunaan partikel ـمـ bersama kata kerja kala kini. Justeru maksud ﴿لَا صَدَقَ وَلَا صَلَّى﴾ ialah "مِمْ يُصَدِّقُ وَمِمْ يُصَلِّ", ataupun dengan makna partikel nafi ـمـ pada kata kerja kala lampau, iaitu "مَا صَدَقَ وَمَا صَلَّى".

Rajah 3.13
Aspek Kala Kata Peranti Nafi ـلـ Ketika Berulang




Rajah 3.13 menggambarkan penunjuk makna masa kala lampau melalui penggunaan kata peranti ـلـ bersama kata kerja kala lampau yang tidak mengandungi makna doa atau gaya bahasa sumpah (*al-qasam*).

Menurut al-Thālibī (1989: 393), Kamāl ‘Abd Rahīm Rāshīd (2008: 126) dan Muhsin ‘Alī ‘Atiyyat (2007: 515) terdapat beberapa situasi yang mana partikel \forall tidak diulang bersama kata kerja kala lampau, iaitu:

- i. Ayat yang mengandungi makna doa, seperti "سَمَحَ اللَّهُ لَا" (Semoga Allah tidak mengizinkan perkara itu terjadi).
- ii. Ayat yang mengandungi makna gaya bahasa sumpah (*al-qasam*), seperti "لَا إِلَهَ إِلَّا" "فَعَلْتَ" (demi Allah kamu tidak akan melakukan).

Menurut Kamāl ‘Abd Rahīm Rāshīd (2008: 126), kedua-dua partikel nafi \forall dalam contoh di atas digunakan bersama kata kerja kala lampau dalam ungkapan yang mengandungi makna doa serta *al-qasam* menunjukkan makna masa pada kala hadapan.

Rajah 3.14
Aspek Kala Kata Peranti \forall Ketika Mengandungi Makna Doa dan Gaya Bahasa Sumpah (*al-qasam*)



Rajah 3.14 di atas menerangkan penunjuk makna masa kala hadapan melalui penggunaan kata peranti \forall bersama kata kerja kala lampau yang mengandungi makna doa dan gaya bahasa sumpah (*al-qasam*).

Pengkaji bersetuju dengan pandangan majoriti ahli nahu yang berpendapat bahawa partikel nafi \forall digunakan bersama kata kerja kala kini dan mengkhususkan makna masa pada kala hadapan. Hal ini adalah kerana sebagaimana majoriti ahli nahu yang

mengatakan partikel **لِ** digunakan bagi menafikan kata kerja kala kini (*mudāri'*) dan menunjukkan makna masa kala kini, begitulah juga dengan partikel nafi **لَا** yang dikhususkan oleh kebanyakan ahli nahu bagi kata kerja kala kini (*mudāri'*) tetapi dengan makna masa pada kala hadapan. Namun begitu, pengkaji tidak menolak pandangan yang mengatakan bahawa partikel nafi **لَا** juga boleh ditentukan untuk makna masa kala kini.

Oleh yang demikian, pengkaji menyimpulkan bahawa partikel nafi **لَا** apabila digunakan dengan kata kerja kala kini, ia menunjukkan makna masa pada kala hadapan dengan khusus, tetapi dalam sesetengah penggunaan yang lain ia menunjukkan makna masa kala kini yang berterusan ke kala hadapan. Manakala partikel nafi **لَا** ialah yang memasuki kata kerja kala lampau (*fī'l mādī*) yang mengandungi maksud doa dan *al-qasam* ia diputuskan untuk makna masa kala hadapan. Dan apabila partikel nafi **لَا** digunakan bersama kata kerja kala lampau yang berlaku pengulangan pada partikel yang sama diputuskan untuk makna masa pada kala lampau.

3.4 **Unsur Kala Kata Peranti Nafi لَا**

Dalam penyelidikan pengkaji tentang partikel nafi **لَا** melalui rujukan-rujukan dalam bidang nahu dan tafsir, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan ahli nahu hanya menyebut mengenainya dari sudut asal pembentukan partikel, agen fleksi (*'āmil*) dan hukum-hukum penerima fleksi (*ma'mūl*) sahaja sebagaimana yang dijelaskan dalam bab dua (2.3.4). Manakala dari sudut makna kala, ia tidak dibincangkan dengan jelas oleh mana-mana ahli nahu. Hal ini mungkin merujuk kepada sebab penggunaan kata peranti nafi **لَا** hanya terbatas pada perkataan-perkataan kata nama masa sahaja (*asmā' al-zamān*) seperti "سَاعَةً", "وَقْتًا", "وَأَنْ" dan "جِنَّا" dengan tujuan makna nafi semata-mata.

Sebagai contoh firman Allah s.w.t ﷺ (Sād: Ayat 3) maksud ayat: “padahal saat itu bukanlah saat meminta pertolongan melepaskan diri dari azab”. Bagi melihat aspek kala gaya bahasa nafi melalui kata peranti ini perlu kepada penelitian yang jelas terhadap konteks dan pengertian sesuatu ayat bagi menentukan sama ada kala lampau, kala kini atau kala hadapan.

3.5 Unsur Kala Kata Peranti Nafi ﴿إِنْ﴾

Dalam mengkaji aspek kala nafi bagi partikel nafi ﴿إِنْ﴾, pengkaji hanya menemui beberapa rujukan sahaja yang ada menyentuh tentang perkara tersebut. Kebanyakan perbincangan yang disentuh mengenainya ialah berkaitan maknanya, peranan nahunya dalam ayat serta implikasi maknanya ketika disusuli dengan ﴿إِلَّا istithnā’iyatt﴾. Antara pendapat yang menyentuh mengenai aspek kala ialah Hibatullāh Bin ‘Ali Al-‘Alawī (1992: Jil.3: 143), Ibn Hishām al-Ansārī (1991: Jil. 1: 31) dan al-Murādī (1992: 209). Mereka bersepakat bahawa partikel nafi ﴿إِنْ﴾ berperanan dengan peranan "ليسَ" serta menyamai partikel nafi ﴿ما﴾ dari segi makna, memasuki kata nama am (*nakiratt*) dan khas (*ma’rifatt*) serta kedua-duanya menunjukkan makna masa kala kini (*al-hāl*). Sebagai contoh dari kata-kata seorang penyair:


"إِنْ الْمَرْءُ مَيْتًا بِانْقِضَاءِ حَيَاتِهِ وَلَكِنْ بِأَنْ يُبَيَّنَى عَلَيْهِ فَيُخَدَّلَا"

Maksud syair: Tamat riwayat hidup seseorang tidak dianggap sebagai mati yang sebenar, tetapi mati ialah apabila seseorang itu dizalimi dan tiada siapa yang menolongnya. (tanpa nasab dalam kitab *Sharh al-Tashīl*, karangan Ibn Mālik, 1990: Jil. 1: 376). Dalam rangkap syair tadi perkataan "المرء" difleksikan sebagai kata nama ﴿إِنْ﴾ yang akusatif, dan "مَيْتًا" sebagai predikat ﴿إِنْ﴾ nominatif. Antara contoh lain ialah yang

disebut oleh Ibn Hishām al-Anṣārī (1991: Jil. 1: 31) iaitu "إِنْ أَحَدٌ خَيْرًا مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِالْعَافِيَةِ" (Tidak ada seseorang yang lebih baik selain dari dirinya melainkan dengan kesihatan tubuh badan) serta "وَإِنْ ذَلِكَ نَافِعٌ وَلَا ضَارٌّ" (dan perkara itu tidak membawa sebarang kebaikan maupun keburukan kepada kamu).

Menurut Kamāl ‘Abd Rahīm Rashīd (2008: 131) partikel nafi ﴿إِن﴾ merupakan partikel nafi yang memasuki kedua-dua jenis ayat; ayat namaan dan ayat kerjaan. Partikel nafi digunakan bersama kata kerja kala kini tanpa berperanan padanya, dan mengkhususkan makna masa pada kala kini (*al-hāl*). Sebagai contoh ﴿إِنْ يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا﴾ (Al-Kahf: Ayat 5), maksud ayat: “mereka hanya mengatakan perkara yang dusta”.

Rajah 3.15 Aspek Kala Kata Peranti Nafi ﴿إِن﴾ Dalam Ayat Namaan Dan Ayat Kerjaan Kata Kerja Kala Kini




Rajah 3.15 di atas menerangkan penunjuk makna masa kala kini melalui penggunaan kata peranti ﴿إِن﴾ dalam ayat namaan dan ayat kerjaan yang menggunakan kata kerja kala kini.

Manakala Muhsin ‘Alī ‘Atīyyatt (2007: 187) menyebutkan bahawa penggunaan partikel nafi ﴿إِن﴾ dalam ayat kerjaan yang menggunakan kata kerja kala lampau menunjukkan maka masa pada kala lampau dan penafian melalui partikel nafi ini lebih kuat dari sudut erti nafi berbanding dengan partikel nafi ﴿مَا﴾. Sebagai contoh firman Allah s.w.t ﴿إِنْ أَرْدَنَا﴾

﴿ إِلَّا لِحُسْنِي ﴾ (al-Tawbatt: 107) maksud ayat: Tidaklah yang kami kehendaki (dengan mendirikan masjid ini) melainkan untuk kebaikan semata-mata.

Rajah 3.16
Aspek Kala Kata Peranti Nafi ْنِ Dalam Ayat Namaan Dan Ayat Kerjaan Kata Kerja Kala Lampau



Rajah 3.16 di atas menerangkan penunjuk makna masa kala lampau melalui penggunaan kata peranti nafi ْنِ dalam ayat kerjaan (*jumlatt fi 'liyyatt*) yang menggunakan kata kerja kala lampau.

3.6 Unsur Kala Kata Peranti Nafi ْنِ

Menurut Ibn Hishām al-Anṣārī (T.t: 79) majoriti ahli nahu bahasa Arab bersepakat bahawa partikel nafi ْنِ untuk makna penafian pada kala hadapan (*al-istiqbāl*). Manakala Kamāluddīn ‘Alī al-Farkhān dalam bukunya *al-Mustawfā Fī al-Nahw* (1997: Jil. 2: 54) serta Kamāl ‘Abd Rahīm Rāshīd (2008: 129) juga bersepakat mengatakan bahawa partikel nafi ْنِ hanya digunakan dengan maksud kala hadapan (*al-mustaqbal*).

Menurut Ibn ‘Uṣfūr (lihat al-Murādī, 1992: 270) nafi melalui partikel nafi ْنِ yang menunjukkan makna masa pada kala hadapan adalah lebih kukuh berbanding dengan partikel ْلِ, ini kerana partikel nafi ْنِ ada kalanya digunakan sebagai *jawāb al-qasam* dalam al-Quran. Manakala sebaliknya bagi partikel nafi ْنِ yang tidak didatangkan

sebagai *jawāb al-qasam*. Menurutnya penafian ke atas suatu kata kerja apabila diqasamkan lebih kukuh dari sudut makna.

Menurut al-Suhaylī (1992: 100) pula mengatakan bahawa لَنْ digunakan untuk nafi bagi makna masa pada kala hadapan yang hampir (*al-mustaqbāl al-qarīb*), dan perkara yang dinafikan melaluinya tidak akan berlanjutan ke makna kala hadapan yang jauh (*al-mustaqbāl al-ba’īd*) sebagaimana perihal partikel لَ.

Menurut al-Zamakhsharī (Ibn Mālik, 1990: Jil. 4: 14) partikel لَ lebih mempunyai unsur pengukuhan (*al-ta’kīd*) dari sudut makna serta membawa makna penafian yang abadi (*al-ta’bīd*). Sebagai contoh beliau menyatakan dalam kitab tafsirnya *al-kashshāf* bahawa لَ dalam ayat ﴿إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ لَنْ يَكُنُوا وَذَبَابًا﴾ (Al-Hajj: Ayat 72) maksud ayat “Sebenarnya mereka yang kamu seru dan sembah, yang lain dari Allah itu, tidak sekali-kali akan dapat mencipta seekor lalat walaupun mereka berhimpun beraramai-ramai untuk membuatnya” telah membawa maksud pengabadian (*al-ta’bīd*) dan perkara yang dinafikan melaluinya adalah mustahil berlaku secara akal.

Walau bagaimanapun, ahli nahu yang terkemudian berbeza pendapat dengan pandangan al-Zamakhsharī mengenai makna لَ dari sudut makna pengukuhan (*al-ta’kīd*) dan pengabadian (*al-ta’bīd*). Kebanyakan ahli nahu menolak kedua-dua makna tersebut, namun ada juga dari mereka yang menerima kedua-duanya serta sebahagian yang lain pula hanya bersetuju dengan makna pengukuhan (*al-ta’kīd*) sahaja, seperti al-Sayūtī (1996: Jil.2: 507) yang mengatakan bahawa nafi melalui partikel لَ lebih kukuh dari nafi melalui partikel لَ. Antara lain yang menerima konsep pengukuhan (*al-ta’kīd*)

sahaja tanpa fahaman pengabadian (*al-ta'bīd*) ialah Ibn al-Khabbāz (dipetik daripada al-Sayūṭī, 1996: Jil. 2: 507).


Menurut al-Zajjāj (1997: Jil. 1: 177) Ibn Ya‘īsh merupakan antara mereka yang sependapat dengan al-Zamakhsharī mengenai makna ﴿لَنْ﴾ dari sudut pengukuhan (*al-ta'kīd*) dan pengabadian (*al-ta'bīd*), tetapi beliau mempunyai pandangan yang berbeza dari segi persepsi mengenai makna pengabadian berbanding al-Zamakhsharī . Konsep pengabadian menurut Ibn Ya‘īsh adalah terbatas selama masa hidup di dunia sahaja, bukan sebagaimana yang dikatakan oleh al-Zamakhsharī iaitu merangkumi kedua-dua masa hayat di dunia dan akhirat. Sebagai contoh Ibn Ya‘īsh menyatakan bahawa makna firman Allah s.w.t ﴿لَنْ تَرَانِ﴾ (Al-A‘rāf: Ayat 143) maksud ayat “Engkau tidak sekali-kali akan sanggup melihatKu” . Menurut Ibn Ya‘īsh ayat ini bukan bermaksud “kamu tidak akan dapat melihatku juga pada hari akhirat”, sebaliknya maksud yang sebenarnya ialah ”لَنْ تَرَانِ فِي الدُّنْيَا” (kamu tidak akan melihat ku semasa di dunia).

Majoriti ahli nahu menolak makna *al-ta'kīd* dan *al-ta'bīd* bagi partikel ﴿لَنْ﴾. Antara ahli nahu tersebut ialah seperti Abū Ḥayyān al-Andalūsī (1997: 79-80), Jamāluddīn al-Anṣārī (1991: Jil 1: 313), serta Ibn Hishām Al-Anṣārī (1991: Jil 4: 108) dan (Al-Anṣārī, 1998: Jil 1: 313). Ibn Hishām menjelaskan bahawa ungkapan ”لَنْ أَفُوْمُ” boleh membawa dua maksud, iaitu sama ada “selama-lamanya saya tidak akan berdiri”, atau boleh juga dertiakan dengan “saya tidak akan berdiri pada bila-bila masa pada kala hadapan”. Secara tidak langsung ungkapan ”لَنْ أَفُوْمُ” adalah sama dengan ungkapan ”لَمْ أَفُوْمُ” yang tidak mengandungi unsur pengukuhan (*al-ta'kīd*).

Pengkaji memilih untuk bersetuju dengan pandangan majoriti ahli nahu bahawa ﴿لَنْ﴾ digunakan untuk makna masa pada masa hadapan, serta pandangan Ibn Hishām al-

Anṣārī dan al-Azharī (dipetik daripada Kamāl ‘Abd Rahīm Rashīd, 2008) mengenai makna pengukuhan (*al-ta’kīd*) dan pengabadian (*al-ta’bīd*) melalui penggunaan partikel لَنْ, iaitu لَنْ tidak semestinya membawa dua maksud tersebut walaupun terdapat dalam beberapa laras penggunaannya yang menjurus kepada dua makna tersebut. Ini kerana, bagi menentukan makna pengukuhan (*al-ta’kīd*) dan pengabadian (*al-ta’bīd*) sepatutnya dilihat dari sudut penceritaan setiap ayat dan juga penelitian terhadap makna setiap perkataan yang terkandung dalamnya terlebih dahulu.

Rajah 3.17
Aspek Kala Kata Peranti Nafi لَنْ Menurut Majoriti Ahli Nahu



Rajah 3.17 di atas menerangkan penunjuk makna masa kala hadapan melalui penggunaan kata peranti nafi لَنْ bersama kata kerja kala kini secara ijma‘ ulamak nahu.


3.7 Unsur Kala Kata Peranti Nafi لَنْ :

Menurut Ibn Ya‘īsh (T.t: Jil. 8: 110), al-Murādī (1992: 267), al-Irbillī (1991: 255) dan Muhsin ‘Alī ‘Atiyyatt (2007: 190) partikel nafi لَنْ adalah partikel yang khusus bagi menafikan kata kerja kala kini, menjazamkan dan mengubah makna kata kerja tersebut dari kala kini kepada kala lampau.

Manakala dari sudut unsur kala nafi, majoriti ahli nahu berpandangan bahawa perkara yang dinafikan melalui partikel ini adalah tidak berlaku pada kala lampau dan penafian tersebut berterusan sehingga zaman semasa percakapan (Muhsin ‘Alī ‘Atiyyatt, 2007: 190) dan Ibn Mālik (1990: Jil. 1: 27).

Menurut Abū Hayyān al-Andalūsī (1997: Jil. 2: 455), al-Sayūtī (1996: Jil. 2: 466) dan al-Muradī (1992: 286) majoriti ahli nahu berpendapat bahawa partikel ﴿ ﴾ menafikan perkara yang tidak berlaku pada kala lampau melalui kata kerja kala kini, dan perkara yang dinafikan pada kala lampau tersebut berterusan hingga ke kala kini (zaman percakapan).


Rajah 3.18
Aspek Kala Kata Peranti Nafi ﴿ ﴾ Menurut Majoriti Ahli Nahu



Rajah 3.18 menerangkan penunjuk makna masa kala lampau melalui penggunaan kata peranti nafi ﴿ ﴾ bersama kata kerja kala yang berterusan sehingga ke saat percakapan (kala kini) menurut majoriti ahli nahu. Sebagai contoh, ungkapan "مَرِئُتْ زَيْدٌ" (Zaid tidak pernah gagal) membawa maksud bahawa Zaid tidak pernah gagal pada kala lampau, dan ketidakgagalan Zaid tersebut berterusan sehingga ke kali kini (zaman percakapan).

Manakala Ibn Mālik (1990: Jil. 4: 460) dan Kamāl ‘Abd al-Rahīm Rāshīd (2008; 128) mengatakan bahawa perkara yang dinafikan melalui partikel **فِي** boleh berterusan hingga ke kala kini dan boleh terputus dari kala kini (zaman percakapan).

Rajah 3.19
Aspek Kala Kata Peranti Nafi **فِي Menurut Ibn Mālik dan Kamāl ‘Abd al-Rahīm Rāshīd**



Rajah 3.19 di atas menerangkan penunjuk makna masa kala lampau melalui penggunaan kata peranti nafi **فِي** bersama kata kerja kala kini. Penafian melalui kata peranti nafi **فِي** menunjukkan makna kala nafi pada kala lampau dan penafian tersebut boleh bersambung dan boleh terputus dari kala kini. Sebagai contoh, ungkapan "مُيَأْتِ مُحَمَّد" (Muhammad tidak hadir) membawa maksud bahawa Muhammad tidak hadir pada kala lampau, dan ketidakhadiran "Muhammad" boleh berterusan dan boleh terputus dari kala kini (zaman percakapan).


3.8 Unsur Kala Kata Peranti Nafi **فِي**:

Ahli nahu sering kali menggabungkan perbincangan mereka mengenai partikel nafi **فِي** dengan partikel nafi **لَا** oleh kerana persamaan yang wujud antara keduanya. Menurut Ibn Ya‘īsh (T.t: Jil. 8: 110) dan al-Murādī (1992: 267) partikel nafi **لَا** adalah partikel khusus yang memasuki kata kerja kala kini, menjazamkan dan seterusnya mengubah makna kata kerja tersebut dari kala kini kepada kala lampau.

Manakala dari sudut unsur kala nafi, majoriti ahli nahu berpandangan bahawa perkara yang dinafikan melalui partikel ini adalah tidak berlaku pada kala lampau dan penafian tersebut wajib berterusan sehingga zaman semasa percakapan (Khālid ‘Abdullah al-Azharī, T.t: Jil.2: 247) dan (Kamal ‘Abd al-Rahīm Rashīd, 2008: 129).

Menurut Ibn Hishām (1991: Jil.1: 308) dan al-Sayūtī (1998: Jil. 2: 448) partikel nafi لَمْ menafikan perkara pada kala lampau yang hampir dengan zaman semasa sahaja, manakala hal ini tidak disyaratkan bagi partikel nafi لَمْ. Oleh sebab itu, ungkapan "لَمْ يَكُنْ" (Zaid tidak bermukim pada tahun lepas) adalah tidak wajar dan salah dari sudut penggunaan partikel nafi kerana tidak bersesuaian dengan kehendak makna ayat yang hendak disampaikan.

Rajah 3.20
Aspek Kala Kata Peranti Nafi لَمْ Pada Kala Lampau



Rajah 3.20 di atas menerangkan penunjuk makna masa kala lampau melalui penggunaan kata peranti nafi لَمْ bersama kata kerja kala kini. Penafian menggunakan partikel لَمْ menunjukkan makna kala nafi pada kala lampau dan penafian tersebut wajib berterusan hingga ke kala kini. Sebagai contoh, ungkapan "لَمْ يَأْتِ مُحَمَّدٌ" (Muhammad belum hadir) membawa maksud bahawa Muhammad tidak hadir pada kala lampau, dan ketidakhadiran "Muhammad" wajib berterusan dan tidak boleh terputus dari kala kini

(zaman percakapan). Rajah 3.20 juga memberi gambaran bahawa gaya bahasa nafi melalui kata peranti nafi ﴿ لَمْ ﴾ menunjukkan makna masa kala lampau yang hampir dengan kala kini (saat percakapan).

Menurut Khālid ‘Abdullah al-Azharī (T.t: Jil.2: 242) yang membezakan antara partikel ﴿ لَمْ ﴾ dengan partikel ﴿ لَوْ ﴾ ialah, partikel ﴿ لَمْ ﴾ kebiasaannya digunakan secara lebih khusus untuk perkara-perkara yang boleh dijangkakan akan berlaku pada bila-bila masa pada kala hadapan (*mutawaqqa’ al-hudūth*), hal ini sebaliknya dengan partikel nafi ﴿ لَمْ ﴾. Tetapi ini tidak bermakna bahawa ﴿ لَمْ ﴾ wajib menunjukkan makna jangkaan berlaku (*mutawaqqa’ al-hudūt*) pada kala hadapan dalam setiap penggunaannya.

Ibn Hishām pula menambah pendapat beliau bahawa partikel nafi ﴿ لَمْ ﴾ boleh juga menunjukkan makna *mutawaqqa’ al-hudūth* sebagaimana ﴿ لَمْ ﴾ tetapi hanya pada kala lampau, manakala pada masa hadapan hanya terbatas melalui partikel nafi ﴿ لَمْ ﴾ sahaja. Beliau membawa contoh bagi nafi pada kala lampau yang *mutawaqqa’ al-hudūth* seperti " مَالِيْ قُمْتُ وَمَأْوَ لَمَّا تَقْعُمْ؟" (mengapa saya telah berdiri sedang kamu tidak berdiri?). Manakala contoh bagi nafi pada kala lampau yang tidak mengandungi makna *mutawaqqa’ al-hudūth* ialah ungkapan yang dimulakan dengan " لَمْ أَوْ لَمَّا تَقْعُمْ" (kamu tidak berdiri). Al-Zamakhsharī (lihat Kamāl ‘Abd Rahīm Rashīd, 2008:129) menyatakan perbezaan antara partikel ﴿ لَمْ ﴾ dan ﴿ لَمَّا يَفْعَلُ ﴾ iaitu, ﴿ لَمْ يَفْعَلُ ﴾ merupakan penafian ke atas kata kerja kala kini yang mengikut pola " فَعَلَ " , manakala ﴿ لَمَّا يَفْعَلُ ﴾ merupakan penafian ke atas kata kerja kala kini yang mengikut pola " قَدْ فَعَلَ ". Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab sebelum ini (2.3.8.3(b), ms. 66) bahawa penggunaan lafaz " قَدْ " atau " لَمَّا " pada kata kerja kala lampau (*fi'l mādī*) mendekatkan makna masa dari

kala lampau kepada kala kini (*al-taqrīb*), maka "لَمْ يَفْعَلْ" juga secara tidak langsung mendekatkan makna masa dari kala lampau kepada kala kini.

Ibn Hishām (1991: Jil.1 :308) dan Kamāl Rashīd (2008: 128) menggariskan tiga aspek yang membezakan partikel ﻻ dengan partikel لٰ dari sudut makna masa, iaitu:

- i. Makna kala bagi partikel لٰ adalah wajib berterusan dari kala lampau sehingga ke kala kini atau zaman semasa percakapan. Manakala unsur masa pada perkara yang dinafikan oleh لٰ adalah sama ada berterusan dari kala lampau sehingga ke kala kini (*al-hāl*), seperti firman Allah s.w.t "وَلَمْ أَكُنْ بِدُعَائِكَّ رَبَّ شَقِّيًّا" (Maryam: Ayat 4), atau pun terputus dari kala kini, seperti firman Allah s.w.t "لٰ يَكُنْ شَيْئًا مَذْكُورًا" (Al-Insān: Ayat 1) maksud ayat "sedang ia (masih belum wujud lagi, dan) tidak menjadi sesuatu benda yang disebut-sebut, (maka mengapa kaum musyrik itu mengingkari hari akhirat)?" yang mana makna yang dimaksudkan ialah "إِنْ كَانَ بَعْدَ ذَلِكَ مَذْكُورًا" (kemudian dari itu sedang ia menjadi sesuatu benda yang disebut-sebut).
- ii. Perkara yang dinafikan melalui partikel nafi ﻻ adalah merupakan perkara yang boleh dijangkakan kejadiannya pada masa hadapan (*mutawaqqa' al-hudūth*), hal ini sebaliknya bagi partikel nafi لٰ. Ini kerana ﻻ digunakan bagi menafikan kata kerja فَعَلَ yang boleh mengandungi maksud jangkaan, manakala partikel لٰ pula digunakan bagi menafikan kata kerja فَعَلَّ yang tidak membawa erti jangkaan. Perbezaan antara لٰ dan ﻻ adalah merujuk kepada perkara yang dijangka (*mutawaqqa'*) pada masa hadapan. Manakala dari sudut makna masa pada kala lampau, kedua-duanya adalah sama dalam menafikan perkara yang dijangka (*mutawaqqa'*) dan sebaliknya. Contoh bagi partikel ﻻ yang mengandungi makna jangkaan (*mutawaqqa' al-hudūth*) pada kala hadapan ialah seperti firman Allah s.w.t "بَلْ لَمَّا يَدْوِقُوا عَذَابًا" (Sād: Ayat 8) yang

bermaksud "أَنْهُمْ لَمْ يَدْعُوْهُ إِلَى الْآنِ، وَإِنَّ ذَوْقَهُ لَهُمْ مُتَوَقَّعٌ". Manakala bagi nafi pada kala lampau yang mengandungi makna *mutawaqqa'* seperti "مَا لِي قُمْتُ وَمَ أُولَئِكَ تَقْرُبُ؟", tidak mengandungi makna jangkaan akan berlaku pula seperti ungkapan yang dimulakan dengan "لَمْ أُولَئِكَ تَقْرُبُ".

- iii. Partikel nafi لَـ menafikan perkara pada kala lampau yang hampir dengan kala kini sahaja, manakala hal ini tidak disyaratkan bagi partikel لَـ. Oleh sebab itu, ungkapan "لَمْ يَكُنْ زَيْدٌ فِي الْعَامِ الْمَاضِي مُقِيمًا" (dipetik daripada Jamāluddīn Ibn Hishām al-Anṣārī, 1991) adalah tidak wajar dan salah dari sudut penggunaan partikel nafi kerana tidak bersesuaian dengan kehendak makna ayat yang hendak disampaikan.

3.9 Unsur Kala Kata Peranti Nafi : كَلَّا :

Unsur kala bagi partikel كَلَّا tidak dapat dijelaskan dengan tepat, ini kerana tidak terdapat dalam mana-mana rujukan pengkaji yang menyentuh tentang aspek tersebut dengan jelas. Pengkaji mendapati kebanyakan ahli nahu hanya menyebut mengenainya dari sudut makna dan asal pembentukan. Manakala dari sudut makna kala tidak dibincangkan dengan jelas oleh mana-mana ahli nahu. Kebanyakan penggunaannya dalam al-Quran diertikan dengan makna sangkalan (*rad'*) dan sanggahan (*zajr*). Manakala makna nafi dikatakan tidak sebanyak *rad'* dan *zajr*. Walau bagaimanapun, untuk menjelaskan makna kala bagi partikel ini bagi mana-mana takrifan كَلَّا seperti yang telah dinyatakan dalam bab sebelum ni (ms. 67) pengkaji akan cuba huraikannya dengan merujuk kepada konteks dan pengertian ayat al-Quran.

3.10 PENUTUP

Dalam bab ini pengkaji hanya menjelaskan aspek kala bagi tujuh dari sembilan kata peranti nafi melalui huraian dan rajah menurut pandangan beberapa ahli nahu bahasa Arab. Terdapat dua dari kata peranti nafi yang tidak dapat ditentukan unsur kala dalam penggunaannya, iaitu kata peranti nafi ﴿لَمْ﴾ dan ﴿لَا﴾. Ini kerana pengkaji tidak menemui mana-mana ahli nahu mahupun ahli tafsir yang menyatakan aspek tersebut dengan nyata. Sebahagian dari kata peranti ini ada antaranya yang khusus bagi jenis ayat namaan (*jumlatt ismiyyatt*) dan khusus bagi ayat kerjaan (*jumlatt fi 'liyyatt*), dan ada antaranya juga yang memasuki kedua-dua jenis ayat tadi. Kebanyakan kata peranti nafi digunakan bersama kata kerja kala kini (*fi'l mudāri'*) dan sedikit penggunaannya bersama kata kerja kala lampau. Partikel nafi yang paling banyak digunakan bersama kata kerja kala lampau ialah لَمْ, iaitu untuk penafian dengan makna masa kala lampau yang dekat (*al-mādī al-qarīb*) dengan makna masa kala kini. Manakala penggunaan yang jarang didapati bersama kata kerja kala lampau pula ialah partikel nafi لَا. Dengan berpandukan pandangan-pandangan para ahli nahu dan ahli tafsir, pengkaji akan menganalisis aspek masa gaya bahasa nafi dalam Juz ‘Amma untuk melihat dengan lebih jelas tentang penggunaan gaya bahasa nafi dan aspek kala dalam bahasa al-Quran.

BAB 4

ANALISIS ASPEK KALA GAYA BAHASA NAFI DALAM JUZ ‘AMMA

4.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan hasil analisis yang telah dilakukan ke atas surah-surah dalam juz ‘Amma. Analisis itu bertujuan bagi mengenal pasti kata peranti-kata peranti nafi yang terdapat dalam juz ini untuk dikaitkan dengan tiga aspek kala, iaitu kala kini, kala lampau dan masa hadapan. Hasil analisis dibentangkan dalam bentuk jadual berserta huraihan.

4.1 PENGENALAN JUZ ‘AMMA

Juz ‘Amma merupakan juz terakhir dari kitab suci al-Quran al-Karim. Dalamnya terdapat 564 ayat bersamaan dengan 37 surah dan merupakan juz yang paling banyak jumlah surahnya. Juz ini dimulai dengan surah al-Naba’ dan diakhiri dengan surah al-Nās. Sebahagian besar surah-surah dalam juz ini iaitu sebanyak 32 surah diturunkan di Mekah sebelum penghijrahan Rasulullah s.a.w. ke Madinah, manakala hanya 5 surah sahaja yang diturunkan di Madinah iaitu selepas Rasulullah s.a.w. berhijrah ke Madinah. Antara keistimewaan surah-surah yang terdapat dalam juz ini ialah ayat-ayatnya pendek, susunan katanya sangat indah dan menyentuh sanubari. Sebahagian besar isi kandungan dalam juz ini mengingatkan manusia akan kekuasaan Allah s.w.t. terhadap alam semesta, kehidupan di akhirat dan juga hari pembalasan kelak. Di samping itu juga, dalam Juz ‘Amma terdapat banyak surah-surah yang memiliki keutamaan, antaranya ialah surah al-Ikhlas, al-Falaq, al- Nās dan lain-lain lagi.

4.2 KATA PERANTI NAFI BERSERTA KALA DALAM JUZ ‘AMMA:

Pembentangan analisis ini akan dipersembahkan mengikut susunan jenis kata peranti nafi yang terdapat dalam ayat bagi memudahkan pengkaji menumpukan perhatian ke atas aspek kala gaya bahasa nafi melalui setiap kata peranti yang terdapat dalam juz.

1. Al-Għāshiyatt: Ayat 6

﴿لَيْسَ لَهُمْ طَعَامٌ إِلَّا مِنْ ضَرَبِ﴾ (6)

Pengertian Ayat:

Tiada makanan bagi mereka (di situ) selain dari pokok-pokok yang berduri.

Unsur kala nafi:

Dalam ayat ini Allah s.w.t. menjelaskan tentang salah satu gambaran siksaan dan hukuman bagi orang-orang yang mengingkariNya. al-Zamakhsharī (T.t: Jil. 4: 246) mentafsirkan ضَرَبٍ sebagai sejenis tumbuhan yang berduri yang dimakan oleh unta semasa ia lembut, dan apabila ia kering dan keras ia akan bertukar menjadi racun yang berbisa dan dijauhi oleh haiwan-haiwan. Menurut beliau lagi ayat ini menggambarkan bahawa sebenarnya tiada makanan bagi golongan tersebut semasa dalam neraka kelak kerana ضَرَبٍ itu sendiri tidak menjadi makanan haiwan apatah lagi manusia, ini kerana hakikat makan ialah benda yang mengenyangkan. Menurut al-Husayn (lihat Abū Ḥayyān al-Andalūsī, 1992: 562) ضَرَبٍ ialah batu daripada api.

Berdasarkan kepada konteks ayat, "لَيْسَ" dalam ayat ini menunjukkan makna masa bagi kala hadapan, kerana Allah s.w.t. menerangkan dalam ayat ini tentang kejadian yang akan dialami oleh orang yang ingkar kepada perintah-Nya pada hari kiamat.

2. Al-Ghāshiyatt: Ayat 22

﴿لَسْتَ عَلَيْهِمْ بِحُصْنِطِرٍ﴾ (22)

Pengertian Ayat:

Bukanlah engkau seorang yang berkuasa memaksa mereka (menerima ajaran Islam yang engkau sampaikan itu).

Unsur kala nafi:

Sebelum ayat ini Allah s.w.t. memerintahkan manusia agar memerhatikan kejadian alam semesta. Allah s.w.t. turut menjelaskan tentang siksaan bagi orang-orang yang mengingkari kekuasaan-Nya. Kemudian Allah s.w.t. menjelaskan kenikmatan serta kemuliaan bagi orang-orang yang mentaati-Nya. Setelah itu Allah s.w.t. memerintahkan nabi "فَذَكِّرْ" , agar memberikan peringatan tanpa mempeduli jika mereka enggan melihat semua tanda kekuasaan-Nya itu. Dalam ayat ini Allah s.w.t. memberitahu bahawa kamu (wahai Muhammad) لَسْتَ عَلَيْهِمْ بِحُصْنِطِرٍ , yang mermaksud "bukan seorang yang berkuasa memaksa mereka (orang-orang ingkar akan kekuasaan Allah) agar menerima Islam yang disampaikan". Dalam ayat lain yang hampir sama terdapat dalam surah al-Shūrā, Allah s.w.t. berfirman "لَسْتَ عَلَيْهِمْ بِجَبَارٍ". Abū Hayyān al-Andalūsī (1992: 465) menjelaskan perkataan بِحُصْنِطِرٍ membawa makna مُسَلْطٌ (berkuasa) untuk memaksa orang memeluk agama yang kamu bawa, tetapi kekuasaan itu hanya ada pada Allah s.w.t.

Berdasarkan konteks ayat serta petunjuk (*qarīnatt*) yang ada pada ayat sebelumnya, iaitu "فَذَكِّرْ", di mana Allah s.w.t. telah memerintahkan nabi Muhammad s.a.w. (pada ketika itu) agar memberi peringatan kepada umat manusia dan tidak bersedih kiranya ada golongan yang menolak dan berpaling dari Baginda. Ungkapan "لَسْتَ" yang terdiri dari لَيْسَ dan ismnya dalam ayat ini

menunjukkan makna masa pada kala kini bagi nabi, kerana ia ditujukan kepada Nabi s.a.w. pada ketika itu.

3. ‘Abasa: Ayat 7

﴿وَمَا عَلِيَّ أَلَا يَرَكِي﴾ (7)

Pengertian ayat:

Padahal engkau tidak bersalah kalau ia tidak mahu membersihkan dirinya (dari keingkarannya).

Unsur kala nafi:

Menurut al-Tabarī (2001: Jil. 24: 102-104) ayat ini menerangkan tentang teguran Allah s.w.t kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang telah bermuka masam kepada seorang lelaki buta yang datang menemui Baginda meminta pengajaran tentang Islam. Pada ketika itu Nabi sedang menerima kunjungan pemimpin-pemimpin musyrikin. Oleh kerana Nabi tidak suka untuk menghentikan bicara Baginda pada ketika itu yang sedang menemui pemimpin Quraisy, keadaan tersebut telah kelihatan pada wajah Baginda yang berubah masam dan memalingkan wajah dari lelaki buta tadi dan mengabaikannya, lalu Allah s.w.t menegur Baginda s.a.w.

Partikel nafi ﴿ و ﴾ dalam ayat ini memasuki ayat jenis namaan dan menunjukkan makna masa pada kala kini. Hal ini adalah berdasarkan konteks ayat, yang mana teguran tersebut dari Allah s.w.t. kepada Baginda pada ketika berlaku peristiwa tersebut. Al-Zamkhsharī (T.t) mentafsirkan ayat ini dengan makna “dan tidak akan diambil kira ke atasmu wahai Muhammad sekiranya ia tidak mahu membersihkan dirinya, sesungguhnya kamu hanya pembawa amanah” . Tafsiran ini menjelaskan bahawa Allah s.w.t telah memberi teguran kepada Baginda sesuai pada masa terjadinya peristiwa tersebut agar tidak diulangi pada masa

akan datang.

4. Al-Takwīr: Ayat 22

﴿وَمَا صَاحِبُكُمْ بِمَجْنُونٍ﴾ (22)

Pengertian ayat:

Dan sebenarnya sahabat kamu (Nabi Muhammad) itu (wahai golongan yang menentang Islam), bukanlah ia seorang gila (seperti yang kamu tuduh);

Unsur kala nafi:

Menurut al-Tabarī (2001: Jil. 24: 128-135) sebelum ayat ini Allah s.w.t. menjelaskan tentang peristiwa-peristiwa besar yang akan terjadi ketika datangnya hari kiamat. Kemudian Allah s.w.t. menjelaskan bahawa al-Quran itu telah diturunkan oleh malaikat Jibril yang amanah serta mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah. Setelah itu Allah s.w.t menerangkan bahawa sesungguhnya al-Quran itu merupakan wahyu yang diturunkan kepada Muhammad s.a.w. bukan terhasil dari seorang yang dituduh oleh kaum musyrikin sebagai gila. Ibn Kathīr (2008: 1299) menjelaskan "صَاحِبُكُمْ" dalam ayat ini ialah Rasulullah s.a.w. Manakala dalam ayat yang berikutnya ﴿وَلَقَدْ رَأَهُ بِالْأُفْيَى الْمُبِين﴾ "رَأَى" menurut Abū Hayyān al-Andalūsī (1992: 418) merujuk kepada Rasulullah s.a.w yang telah melihat malaikat Jibril a.s. dalam keadaan rupanya yang sebenar ketika membawa wahyu kepada Baginda.

Melalui ayat ini Allah s.w.t. menafikan tuduhan orang-orang kafir atas dakwaan mereka bahawa Muhammad s.a.w. adalah gila (lihat Abū Hayyān al-Andalūsī, 1992: 418). Firman Allah ini diturunkan merujuk kepada masa setelah fitnah itu terjadi pada ketika itu. Justeru, penafian melalui partikel **مَا** dalam ayat ini yang telah memasuki ayat jenis namaan menunjukkan makna masa pada kala kini

berdasarkan kepada konteks ayat.

5. Al-Takwīr: Ayat 24

﴿وَمَا هُوَ عَلَى الْعَيْبِ بِضَيْنٍ﴾ (24)

Pengertian ayat:

Dan bukanlah Nabi Muhammad seorang yang boleh dituduh dan disangka buruk, terhadap penyampaianya mengenai perkara-perkara yang ghaib.

Unsur kala nafi:

Menurut Ibn Kathīr (2008: 1300) bersandarkan kepada satu riwayat yang sahih, "الضَّيْنِ" memberi maksud "bakhil", manakala "ظَنَنِ" bermaksud "dituduh" (*muttaham*) dengan tuduhan sebagai orang gila. Kedua-kedua makna ini betul. Al-Zamkhsharī (T.t: Jil . 4: 225) mentafsirkan ayat dengan makna "dan bukanlah Muhammad itu dan apa yang diberitahu olehnya tentang perkara ghaib seperti melihat malaikat Jibril a.s. ketika menerima wahyu sebagai gila".

Ibn Kathīr (2008: 1300) mentafsirkan bahawa ketika awal Islam, al-Quran itu dihafal dan tidak dicatat dan bersifat ghaib. Nabi s.a.w lebih-lebih lagi, kerana Baginda sendiri yang memikul amanat untuk menyebarkan wahyu itu. Maka Baginda ketika itu tidak bakhil dan berusaha sehabis daya dalam menyebarkan agama Allah s.w.t.

Abū Hayyān al-Andalūsī (1992: Jil.10:418) mentafsirkan ayat ini dengan maksud "janganlah dianggap bahawa Baginda bakhil dengan apa yang telah dikhabarkan kepadanya lalu tidak disampaikan".

Berdasarkan kepada konteks ayat serta tafsiran Ibn Kathīr dan Abū Hayyān, pengkaji berpendapat bahawa partikel nafi ﴿﴾ dalam ayat ini yang memasuki ayat

jenis namaan menunjukkan makna masa pada kala kini.

6. Al-Takwīr: Ayat 25

﴿وَمَا هُوَ بِقُولٍ شَيْطَانٍ رَّجِيمٍ﴾ (25)

Pengertian ayat:

Dan sebenarnya Al-Quran itu bukanlah kata-kata Syaitan yang kena rejam.

Unsur kala nafi:

Setelah Allah s.w.t. menafikan sifat bakhil Nabi s.a.w. dalam menyebarkan wahyu dalam ayat sebelumnya, Allah s.w.t menegaskan bahawa al-Quran itu bukanlah dari kata-kata syaitan. Menurut al-Darwīsh (2003: Jil.8: 240) "هُوَ" dalam ayat ini merujuk kepada wahyu (al-Quran) yang telah diturunkan kepada Nabi s.a.w. Al-Zamkhsharī (T.t: Jil. 4: 226) menjelaskan bahawa pada masa dahulu syaitan mampu naik ke langit untuk mendengar rahsia Allah s.w.t. dan menyampaikannya kepada para ahli sihir di atas muka bumi untuk membuat syirik. Justeru, dalam ayat ini Allah s.w.t. menyangkal dakwaan itu dan menegaskan bahawa sesungguhnya al-Quran bukan dari kata-kata syaitan.

Berasaskan konteks ayat, gaya bahasa nafi dalam ayat ini yang melalui partikel nafi ـما dalam ayat namaan (*jumlatt ismiyyatt*) menunjukkan makna masa pada kala lampau, kerana yang dimaksudkan dengan "هُوَ" ialah wahyu (al-Quran) yang telah diturunkan kepada Nabi s.a.w.

7. Al-Takwīr: Ayat 29

﴿وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَنْ يَشاءَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ﴾ (29)

Pengertian ayat:

Dan kamu tidak dapat menentukan kemahuan kamu (mengenai sesuatu pun), kecuali dengan cara yang diatur oleh Allah s.w.t, tuhan yang memelihara dan mentadbirkan seluruh alam.

Unsur kala nafi:

Menurut al-Zamakhsharī (T.t: Jil. 4: 226) dalam ayat yang sebelum ini, Allah s.w.t. berkata kepada orang-orang yang menuduh Nabi s.a.w. dengan pelbagai tuduhan "فَلَيْسَ تَدْهِبُونَ" menyatakan kesesatan mereka kerana menuduh Nabi s.a.w. sebagai gila, sihir dan lain-lain. Dalam ayat ini pula Allah s.w.t. mengangkat darjat orang yang memilih untuk istiqamah beriman dan beramal dengan ajaran al-Quran. Kemudian Allah s.w.t. menyatakan kekuasaan-Nya yang mengatasi segala. Menurut Abū Hayyān al-Andalūsī (1992: 415) "kemahuan" dalam konteks ayat ini ialah "*al-istiqāmat*", maka maknanya ialah "kamu tidak akan dapat mencapai kemahuan kamu itu untuk masuk ke dalam Islam melainkan dengan kemahuanKu". Perkataan "تَشَاؤُونَ" memberi petanda makna kepada perkara yang akan dicapai. Manakala al-Darwīsh (2003: 241) mentafsirkan ayat ini dengan "وَمَا تَشَاؤُونَ يَا مَنْ تَشَاؤُونَهَا إِلَّا وَقْتٌ أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ مَشِيتَكُمْ". (kamu tidak akan dapat capai apa yang diinginkan melainkan jika sampai masa Allah mengizinkannya/ mengkehendaki kemahuan kamu itu).

Berdasarkan konteks ayat, partikel nafi **ما** dalam ayat ini telah memasuki ayat jenis kerjaan kata kerja kala kini "تَشَاؤُونَ" menunjukkan makna masa pada kala hadapan, ini kerana tiada petunjuk (*qarīnatt*) selain dari **إِلَّا وَقْتٌ أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ** (jika sampai masa Allah mengizinkannya) yang mengkehendaki selain dari makna kala hadapan.

8. Al-*Infitār*: Ayat 16

﴿وَمَا هُمْ عِنْهَا بِغَائِبٍ﴾ (16)

Pengertian ayat:

Dan mereka (sentiasa berada dalam azab seksanya), tidak ghaib daripadanya.

Unsur kala nafi:

Menurut al-Tabarī (2001: Jil. 24: 178) surah ini menceritakan peringatan Allah s.w.t. kepada golongan yang lalai dalam beribadah dengan menegur “wahai manusia! Apakah yang telah memperdaya kamu (berbuat derhaka) kepada tuhanmu?” setelah Allah s.w.t. memberikan gambaran tentang apa yang akan berlaku pada hari kiamat. Dalam ayat ini pula Allah s.w.t. menceritakan balasan kepada golongan yang mendustakan agama dan malaikat yang mencatat segala amalan kebaikan dan keburukan. Menurut Ibn Kathīr (2008: 1301) lafaz "بِغَائِبٍ" bermaksud “mereka tidak akan dapat mengelakkan diri dari azab api neraka walaupun untuk sesaat”. Manakala Abū Hayyān al-Andalūsī (1992: 423) menyatakan ayat ini menyamai firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqaratt ﴿وَمَا

﴿بِخَارِجِينَ بِغَائِبٍ هُمْ بِخَارِجِينَ مِنَ النَّارِ﴾ bermaksud (tidak akan dikeluarkan)

Menurut baliau lagi, azab api neraka jahanam ini telah diperlihatkan kepada mereka semasa di alam barzakh, dan pada hari pembalasan mereka ditempatkan di tempat tersebut dan tidak akan dikurangkan azab ke atas mereka walau sedikit.

Penggunaan gaya bahasa nafi dalam ayat ini jelas menunjukkan makna masa pada kala hadapan berdasarkan konteks ayat yang mengaitkan peristiwa yang akan berlaku pada hari kiamat.

9. Al-Muṭaffifīn: Ayat 12

﴿وَمَا يُكَذِّبُ بِهِ إِلَّا كُلُّ مُعْنَتِدٌ أَثِيمٌ﴾ (12)

Pengertian ayat:

Dan tiada yang mendustakannya melainkan tiap-tiap orang yang melampaui batas (kebenaran), lagi amat derhaka!

Unsur kala nafi:

Surah al-Muṭaffifīn menceritakan tentang balasan yang dirasai oleh orang-orang yang berdusta semasa menimbang jual-beli. Menurut Ibn Kathīr (2008: 1303) lafaz "الْوَيْلُ" bermaksud *al-halāk* (kebinasaan) dan *al-damār* (kehancuran/kebinasaan). Ayat ini menceritakan tentang siapa yang dimaksudkan dengan golongan pendusta. Abū Ḥayyān (1992: 428) menjelaskan golongan pendusta di sini ialah golongan yang mendustakan hari akhirat. Menurut beliau lagi lafaz مُعْنَتِدٌ merujuk kepada golongan yang melampaui batas. Manakala أَثِيمٌ bermaksud golongan yang melampau dalam melakukan kemungkaran.

Penggunaan gaya bahasa nafi dalam ayat ini menunjukkan makna kala pada kala kini. Petunjuk makna kala ini dapat diteliti dari segi penggunaan kata kerja kala kini bersama partikel nafi, serta maksud golongan yang melampaui batas dalam melakukan kemungkaran dan mendustakan hari pembalasan ini adalah semasa mereka hidup di dunia sebelum dibangkitkan pada hari akhirat.

10. Al-Muṭaffifīn: Ayat 33

﴿وَمَا أُرْسِلُوا عَلَيْهِمْ حَافِظِينَ﴾ (33)

Pengertian ayat:

Pada hal mereka tidak diutus untuk menjaga sesat atau tidaknya orang-orang yang beriman itu!

Unsur kala nafi:

Menurut al-Tabarī (2001: Jil. 24: 266) ayat ini merupakan kata-kata Allah s.w.t yang menafikan tujuan mengutuskan satu golongan manusia untuk menjaga satu golongan yang lain di dunia. Setelah Allah s.w.t. menceritakan tentang keadaan orang-orang kafir yang hidup berbuat kejahatan semasa di dunia dengan mengejek dan memburuk-burukkan orang-orang Islam ketika melalui mereka, dan apabila mereka kembali ke pangkuan keluarga, mereka membuat cerita yang tidak baik tentang orang-orang Islam, langsung tidak mensyukuri nikmat yang dikurniakan oleh-Nya, Allah s.w.t. menegaskan bahawa sesungguhnya mereka tidak diutuskan ke dunia untuk menjaga, melindungi dan tidak dipertanggungjawabkan dengan bebanan tersebut, tapi mengapa masih suka menjaga tepi kain orang lain. Menurut Ibn Kathīr (2008: 1305) al-Zamakhsharī (T.t: 223) lafaz "وَمَا أُرْسِلُوا" dalam ayat ini merujuk kepada orang-orang kafir. Manakala Abū Hayyān (1992: 432) mentafsirkan kata kerja tersebut dengan merujuk kepada orang-orang Islam, dan membawa maksud "sesungguhnya orang-orang Islam tidak diutuskan ke dunia untuk menjaga orang-orang kafir dari terus berada dalam syirik.

Dari sudut makna kala nafi ayat ini, penggunaan kata peranti nafi ﴿ـ﴾ dengan kata kerja kala lampau yang *mabnī li al-majhūl* menunjukkan kepada makna masa kala lampau. Pemutusan ini berdasarkan konteks ayat yang mana kata-kata ini Allah s.w.t. tujukan kepada golongan tersebut semasa diutuskan di dunia pada ketika itu, serta berdasarkan kata kerja kala lampau yang mengekalkan makna masa pada kala tersebut. Manakala setelah Allah s.w.t. memulakan ayat berikutnya ﴿فَالْيَوْمَ الَّذِينَ آمَنُوا﴾ menandakan bermula cerita apa yang akan berlaku pada hari akhirat.

11. Al-Burūj: Ayat 8

﴿وَمَا نَقْمُدُوا مِنْهُمْ إِلَّا أَن يُؤْمِنُوا بِاللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ﴾ (8)

Pengertian ayat: Dan mereka tidak marah dan menyeksakan orang-orang yang beriman itu melainkan kerana orang-orang itu beriman kepada Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Terpuji!

Unsur kala nafi:

Ayat ini menceritakan tentang *Ashāb al-Ukhḍūd*. Menurut al-Qurtubī (T.t: 292) dan al-Tabarī (2001: Jil. 24: 260) *Ashāb al-Ukhḍūd* ialah satu golongan manusia yang telah membunuh orang-orang yang beriman dalam parit yang dinyalakan api. Menurut al-Zamakhsharī (T.t: 238) perbuatan mereka yang membina sakanan dan membakar orang-orang yang beriman tidak lain hanya semata-mata kerana mereka beriman kepada Allah s.w.t. Dan dalam ayat yang sebelum ini Allah s.w.t. menyebut bahawa mereka akan dilaknat dan dibinasakan kerana perbuatan mereka tersebut.

Makna masa dalam gaya bahasa nafi ayat ini menunjukkan kepada kala lampau, kerana konteks ayat ia menceritakan tentang peristiwa yang terjadi pada zaman yang terdahulu semasa kaum musyrikin menggali parit (yang memanjang) dan membakar orang-orang yang beriman hanya kerana iman mereka kepada Allah s.w.t, serta berdasarkan kala kerja kala lampau yang menyusuli partikel nafi dalam ayat telah mengekalkan makna masa pada kala tersebut.

12. Al-Tāriq: Ayat 10

﴿فَمَا لَهُ مِنْ قُوَّةٍ وَلَا نَاصِرٌ﴾ (10)

Pengertian ayat:

Maka (pada saat itu) tidak ada bagi manusia sebarang kekuatan (untuk membela diri), dan tidak ada penolong (yang dapat memberikan pertolongan).

Unsur kala nafi:

Ayat dari surah al-Tāriq ini menerangkan kepada kita tentang kekuasaan Allah s.w.t. yang berkuasa menciptakan manusia dan membangkitkan kembali setelah mati pada hari kiamat. Menurut Ibn Kathīr (2008: 1310) lafaz "فَمَا لَهُ" merujuk kepada manusia pada hari kiamat. Manakala "مِنْ قُوَّةٍ" membawa erti "tiada kekuatan bagi dirinya" وَلَا نَاصِرٍ bermaksud "dia tidak mampu menyelamatkan diri dan tiada penolongan yang boleh menolongnya. Menurut Abū Ḥayyān al-Andalūsī (1992: 450) ayat-ayat yang terdapat dalam surah ini berupa peringatan kepada manusia akan kelemahan asal-usulnya dan menunjukkan adanya hari kebangkitan setelah mati.

Makna masa gaya bahasa nafi menunjukkan makna masa kala hadapan melalui penggunaan ما pada ayat namaan. Ketentuan makna masa ini adalah berdasarkan konteks ayat yang berkenaan kejadian yang akan berlaku pada hari kiamat.

13. Al-Tāriq: Ayat 14

﴿ وَمَا هُوَ بِالْمُنْزَلِ ﴾ (14)

Pengertian Ayat:

Dan bukanlah ia kata-kata yang olok-olok.

Unsur kala nafi:

Ayat ini merupakan salah satu kenyataan Allah s.w.t. tentang kebenaran al-Quran serta kandungannya, yang mana pada dua ayat yang sebelumnya Allah s.w.t. telah bersumpah dengan lafaz ﴿ والسماء ذات الرجع﴾ dan ﴿ والأرض ذات الصدع﴾, dan disusuli dengan ﴿ إِنَّهُ لَقُولٌ فَصُلٌّ﴾. Menurut al-Zamakhsharī (T.t: 242) perkataan "فَصُلٌّ" dan membawa maksud "benar dan sungguh-sungguh".

Nafi dalam ayat ini menunjukkan kepada makna masa kala lampau berdasarkan

konteks ayat, yang mana "هُوَ" dalam ayat ini merujuk kepada al-Quran, dan firman Allah s.w.t. ini bermaksud "al-Quran yang kami telah turunkan bukan sebagai senda gurau".

14. Al-Layl: Ayat 19

﴿وَمَا لِأَحَدٍ عِنْدُهُ مِنْ نِعْمَةٍ بَخْرَى﴾ (19)

Pengertian ayat:

Sedang ia tidak menanggung budi sesiapapun, yang patut di balas,

Unsur kala nafi:

Ayat ini menceritakan tentang perihal orang yang bertakwa yang mendermakan harta benda kerana Allah s.w.t. semasa hidup di dunia akan menerima balasan syurga di hari akhirat. Ibn Kathīr (2008: 1324) mentafsirkan ayat yang sebelumnya, iaitu firman Allah s.w.t. ﴿الَّذِي يُؤْتَى مَالَهُ بِتَزْكِيَّةٍ﴾، ﴿وَسَيُحْكَمُ لَهَا الْأَئْقَافُ﴾ bahawa hanya orang mukmin yang bertakwa akan dielakkan dari api neraka yang panas, iaitu orang mukmin yang mendermakan harta bendanya di jalan Allah s.w.t. untuk membersihkan diri dan hartanya serta segala yang telah dikurniakan Allah s.w.t. kepadanya. Ibn Kathīr menjelaskan lagi ada riwayat yang mengatakan bahawa ayat ini menceritakan tentang Abu Bakr al-Siddīq r.a. Al-Qurtubī (1950: Jil. 20: 88) mentafsirkan bahawa ayat ini adalah mengenai orang yang mengeluarkan harta bukan kerana membalaik kebaikan, tetapi kerana menuntut keredaan Allah s.w.t yang disebut dalam ayat berikutnya ﴿إِلَّا ابْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِ الْأَعْلَى﴾.

Berdasarkan konteks ayat, makna kala nafi yang dapat dirumuskan dari ayat ini ialah menunjukkan kepada makna masa kala lampau, berasaskan petunjuk makna

ayat yang terdapat dalam ayat yang sebelum dan ayat yang berikutnya. Maksud umum ayat ialah “orang yang dielakkan dari merasai azab api neraka ialah yang semasa hidupnya suka membelanjakan hartanya di jalan Allah”. Ini menjelaskan makna kala lampau yang ditunjukkan oleh ayat.

15. **Al-Duhā: Ayat 3**

﴿مَا وَدَعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَى﴾ (3)

Pengertian ayat:

(Bahawa) Tuhanmu (wahai Muhammad) tidak meninggalkanmu, dan Ia tidak benci (kepadamu, sebagaimana yang dituduh oleh kaum musyrik).

Unsur kala nafi:

Menurut al-Zamakhsharī (T.t: 236) Ayat ini diturunkan berkaitan satu peristiwa iaitu semasa wahyu Allah s.w.t. diturunkan kepada Baginda s.a.w, penurunan tersebut telah perlahan dan terhenti buat seketika, sehingga kaum musyrikin berkata kepada Baginda “wahai Muhammad sesungguhnya tuhanmu telah meninggalkan kamu”. Situasi tersebut telah membuat Baginda merasa sedih lalu Allah s.w.t menurunkan ayat ini. Ayat ini menerangkan penafian Allah s.w.t terhadap dakwaan kaum musyrikin bahawa Allah tidak meninggalkan Nabi dan tidak membenci Baginda s.a.w.

Abū Ḥayyān al-Andalūsī (1992: 495) mentafsirkan "مَا وَدَعَكَ" dengan maksud "مَا تَرَكَ" (tidak meninggalkan kamu), melainkan terdapat sedikit perbezaan antara kedua-dua perkataan tadi, "خَدَعَ" membawa maksud yang berlebihan dan bersungguh-sungguh dalam meninggalkan seseorang.

Dalam ayat ini, kata peranti nafi ـاـ telah digunakan bersama kata kerja kala lampau dan makna kalanya juga kekal menunjukkan pada kala tersebut dengan

merujuk kepada konteks ayat.

16. Al-Bayyinatt: Ayat 4

﴿وَمَا تَفَرَّقَ النَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَنَّهُمُ الْبَيِّنَاتُ﴾ (4)

Pengertian ayat:

Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberi Kitab (Taurat dan Injil) itu, tidak berpecah-belah melainkan setelah datang kepada mereka bukti yang jelas nyata.

Unsur kala nafi:

Dalam ayat Allah s.w.t. menerangkan tentang keadaan orang-orang kafir sebelum dan selepas kedatangan Nabi Muhammad s.a.w. Abū Ḥayyān al-Andalūsī (1992: 518) menerangkan bahawa orang-orang kafir Arab yang dimaksudkan ialah terdiri daripada para penyembah berhala dan ahlul kitab, iaitu yahudi dan nasrani. Al-Zamakhsharī (T.t: 274) mengatakan kaum kafir sebelum kedatangan nabi berkata “kami tidak akan meninggalkan apa yang kami amalkan dalam kepercayaan kami sehingga datang kepada kami seorang utusan sebagaimana yang disebut dalam kitab Taurat dan Injil kami” (الْبَيِّنَاتُ). Manakala Ibn Kathīr (2008: 1331) menerangkan lafaz “الْبَيِّنَاتُ” bermaksud “الْفُرْقَانُ” yang telah diperincikan dengan ayat yang berikutnya, iaitu “رَسُولٌ يَتْلُو عَلَيْهِمْ” iaitu Muhammad Rasulullah s.a.w.

Aspek makna masa gaya bahasa nafi dalam ayat ini menunjukkan makna kala lampau berdasarkan kepada dua sebab, pertama penggunaan kata peranti nafi pada kata kerja kala lampau membawa makna kala pada masa itu, kedua konteks yang menceritakan realiti apa yang telah berlaku pada suatu ketika dahulu.

17. Al-Bayyinatt: Ayat 5

﴿وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لِهِ الدِّينَ حُنَفَاءٌ وَيَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ﴾ (5)

Pengertian ayat:

Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlasan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar.

Unsur kala nafi:

Ayat ini menerangkan tentang apa yang terkandung di dalam kitab-kitab orang-orang yahudi dan nasrani. Dalam *al-Kashshāf* (lihat *al-Zamakhsharī*, T.t: 275) "وَمَا أُمِرُوا" bermaksud "mereka tidak diperintahkan di dalam Taurat dan Injil melainkan untuk mematuhi agama yang suci tetapi mereka telah mengubah dan menukar ajarannya".

Gaya bahasa nafi dalam ayat ini berupa penggunaan kata peranti nafi **ما** bersama kata kerja kala lampau yang *mabni li al-majhūl* telah menunjukkan makna kala kekal pada kala lampau.

18. Al-Masad: Ayat 2

﴿مَا أَعْنَى عَنْهُ مَالُهُ وَمَا كَسَبَ﴾ (2)

Pengertian Ayat:

Hartanya dan segala yang diusahakannya, tidak dapat menolongnya.

Unsur kala nafi:

Ayat ini menjelaskan tentang balasan ke atas Abu Lahab. *al-Zamakhsharī* (T.t: 291) dan *Abū Ḥayyān* (1992: 566) mentafsirkan "مَا أَعْنَى..." dengan maksud "مَ"

"مِنْ نَعْمَلٍ" dan "مُيُّغَنِّهٌ", iaitu "tidak berguna" segala harta benda yang diwarisi dan keuntungan yang diperolehi hasil dari perniagaan semasa di dunia. Maksud "tidak berguna" di sini ialah "tidak memberi manfaat baginya".

Ayat ini disusuli dengan ﴿سَيَّصْلَى نَارًا ذَاتَ لَبَبٍ﴾ yang menggambarkan tentang api neraka yang akan dibalas ke atasnya (Abu Lahab) pada hari pembalasan.

Dari sudut makna kala gaya bahasa nafi dalam ayat ini menunjukkan kepada kala lampau. Ini berdasarkan makna yang ditafsirkan oleh al-Zamakhsharī dan Abū Hayyān tentang "... مَا أَعْنَى ... " menunjukkan kepada apa yang dimilikinya semasa hidupnya tidak boleh memberi manfaat kepadanya, serta berdasarkan ayat yang menyusul selepas itu yang membawa keterangan tentang apa yang akan dirasai oleh Abu Lahab pada hari kiamat dengan lazaf "سَيَّصْلَى نَارًا".

19. Al-Naba': Ayat 24

﴿لَا يَذُوقُونَ فِيهَا بَرًّا وَلَا شَرَابًا﴾ (24)

Pengertian ayat:

Mereka tidak dapat merasai udara yang sejuk di dalamnya, dan tidak pula sebarang minuman.

Unsur kala nafi:

Kebanyakan ayat dalam surah ini menceritkan tentang apa yang akan berlaku di hari akhirat. Menurut al-Tabarī (2001: Jil. 24: 5-6) dalam ayat surah al-Naba' Allah s.w.t. menjelaskan mengenai adanya hari kebangkitan dan sebagai sanggahan kepada orang kafir Quraisy yang mengingkari adanya hari tersebut.

Ibn Kathīr (2008: 1290) mentafsirkan lafaz ﴿لَا يَذُوقُونَ﴾ dengan maksud "لَا يَجِدُونَ" bahawa dalam api jahanam mereka tidak akan menjumpai apa-apa yang sejuk

yang boleh memberi rasa sejuk kepada mereka, sebarang minuman yang dapat melegakan lapar dan dahaga mereka. Dalam ayat yang seterusnya Allah s.w.t. menyatakan melainkan makanan dan minuman dari "حَمِيمٌ" iaitu menunjukkan makna sangat panas dan menggelegak. Menurut Abū Ḥayyān al-Andalūsī (1992: 382) majoriti ahli tafsir menjelaskan maksud "بَرْدًا" serta "شَرَابًا" ialah angin yang sejuk yang menghilangkan rasa panas api neraka. Sebahagian yang lain pula mengatakan ia dimaksudkan dengan tidur dan juga minuman.

Penggunaan kata kerja kala kini dalam ayat ini bersama partikel nafi ـلـ telah menunjukkan makna masa pada kala hadapan, iaitu dengan mengambil kira konteks ayat yang selari dengan penceritaan ayat yang memerihalkan hari kiamat yang akan berlaku.

20. Al-Naba': Ayat 27

﴿إِنَّهُمْ كَانُوا لَا يَرْجُونَ حِسَابًا﴾ (27)

Pengertian ayat:

Kerana sesungguhnya mereka dahulu tidak menaruh ingatan terhadap hari hitungan amal.

Unsur kala nafi:

Ayat ini menunjukkan keadaan orang-orang yang ingkar serta kufur semasa hidup di dunia yang tidak memikirkan tentang hari perhitungan yang akan berlaku pada hari kiamat. Abū Ḥayyān al-Andalūsī (1992: 388) mentafsirkan ـلـ "لَا يُؤْمِنُونَ وَلَا يَخَافُونَ" sebagai ـلـ "يَرْجُونَ" yang membawa maksud "mereka tidak percaya lalu tidak beriman dan tidak merasa takut".

Dari segi makna kala, partikel nafi ـلـ telah digunakan bersama kata kerja kala kini yang didahului sebelumnya dengan kata kerja "كَانُوا" yang menunjukkan

makna kala yang merujuk kepada “masa mereka hidup di dunia”. Berdasarkan konteks ini, makna kala dalam ayat ini mengkhususkan kepada makna masa pada kala lampau yang disebabkan oleh lafaz "كَانُوا" sebelumnya yang telah menunjukkan kepada perkara yang lepas.

21. Al-Naba': Ayat 35

﴿لَا يَسْمَعُونَ فِيهَا لَعْوًا وَلَا كِذَابًا﴾ (35)

Pengertian ayat:

Mereka tidak mendengar di dalam Syurga itu perkataan yang sia-sia, dan tiada pula perkataan yang dusta;

Unsur kala nafi:

Dalam ayat ini Allah menjelaskan tentang nikmat syurga kepada orang-orang yang beriman. Menurut Ibn Kathīr (2008: 1290) ayat bermaksud tidak ada dalam syurga nanti "لَعْوًا", iaitu kata-kata yang tidak berfaedah serta kata-kata yang sia-sia. Syurga merupakan kediaman yang selamat dan sunyi dari sebarang kekurangan. al-Zamakhsharī (T.t: 210) mengatakan perkataan bermaksud "كِذَابًا" "لَا يُكَذِّبُهُ وَلَا يُكَاذِبُهُ", iaitu “mereka tidak akan saling mendustai”.

Partikel nafi لَا dalam ayat ini memasuki kata kerja kala kini dan menunjukkan kepada makna masa pada kala hadapan, dengan mengambil kira konteks ayat yang memerihalkan tentang kehidupan di alam akhirat yang bakal berlaku.

22. Al-Naba': Ayat 37

﴿رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا الرَّحْمَنُ لَا يَمْلِكُونَ مِنْهُ خِطَابًا﴾ (37)

Pengertian ayat:

Tuhan yang mentadbirkan tujuh petala langit dan bumi serta apa yang ada di

antara keduanya, Tuhan Yang Maha Pemurah, tidak ada sesiapapun diberi kuasa berkata-kata denganNya (untuk memohon pertimbangan tentang balasan atau pengurniaan itu).

Unsur kala nafi:

Dalam ayat ini Allah s.w.t. menjelaskan tentang keagungan dan kebesaran-Nya, tiada siapa dari isi langit dan bumi yang berani memperkatakan apa-apa di hadapan Allah s.w.t. tentang apa yang diputuskan oleh-Nya (lihat Ibn Kathīr, 2008: 1291). Manakala Abū Hayyān al-Andalūsī (1992: 390) pula mentafsirkan kata ganti nama pada kata kerja "لَا يَعْلَمُونَ" boleh merujuk kepada tiga golongan; pertama kepada kaum musyrikin dengan maksud bahawa mereka tidak diberikan hak dan kuasa untuk memohon pertimbangan tentang balasan, kedua kepada orang-orang yang beriman dengan maksud mereka tidak mempersoalkan apa yang diputuskan oleh Allah s.w.t kerana mereka tahu ia adalah benar dari-Nya. Ketiga ia juga boleh merujuk kepada seluruh penghuni langit dan bumi termasuk para malaikat.

Dari sudut makna masa, ayat ini yang melalui penggunaan partikel لَا bersama kata kerja kala kini menunjukkan kepada makna masa kala hadapan berdasarkan konteks ayat yang menggambarkan tentang apa yang akan berlaku di hari akhirat ketika berhadapan dengan hari pembalasan.

23. Al-Naba': Ayat 38

﴿يَوْمَ يَقُولُ الرُّوحُ وَالْمَلَائِكَةُ صَفَّا لَا يَتَكَلَّمُونَ إِلَّا مَنْ أَذِنَ لَهُ الرَّحْمَنُ وَقَالَ صَوَابًا﴾ (38)

Pengertian ayat:

(Tambahannya pula) pada masa Jibril dan malaikat-malaikat yang lain berdiri bersaf-saf (menunggu perintah Tuhan), tidak ada yang berani berkata-kata

(memohon pertimbangan) melainkan yang telah diizinkan baginya oleh Tuhan Yang Maha Pemurah, serta ia berkata benar.

Unsur kala nafi:

Kandungan makna ayat ini merupakan kesinambungan atau berkaitan (*muta 'alliq*) dengan ayat sebelumnya. al-Zamakhsharī (T.t: 211) mentafsirkan ayat ini bahawa sesungguhnya malaikat yang merupakan sebaik-baik makhluk dan mulia serta paling taat kepada perintah Allah s.w.t tidak mempunyai hak untuk berkata-kata di hadapan Allah s.w.t., apatah lagi mereka yang telah mengundang murka Allah s.w.t. dari kalangan penghuni langit dan bumi.

Dari segi makna kala, ayat ini menunjukkan makna masa kala hadapan, berdasarkan konteks ayat yang menceritakan tentang kejadian di hari akhirat.

24. Al-*Infitār*: Ayat 19

﴿يَوْمَ لَا تَمْلِكُ نَفْسٌ لِّنَفْسٍ شَيْئًا وَالْأَمْرُ يَوْمَئِذٍ لِّلَّهِ﴾ (19)

Pengertian ayat:

(Hari itu ialah) hari seseorang tidak dapat memberikan pertolongan sedikit pun kepada orang lain, dan segala urusan pada hari itu ditentu bagi Allah.

Unsur kala nafi:

Ayat ini Allah s.w.t. menggambarkan tentang perihal manusia setelah dibangkitkan pada hari akhirat. al-Zamakhsharī (T.t: 229) mentafsirkan bahawa manusia pada hari perhitungan kelak tidak mempunyai hak untuk menolong dan mempertahankan orang lain, sesungguhnya segala urusan hanya milik Allah s.w.t.

Makna kala nafi dalam ayat ini menunjukkan makna kala hadapan, yang pertama berdasarkan konteks ayat yang menggambarkan tentang situasi yang akan

berlaku pada hari kiamat, kedua berdasarkan petunjuk yang mengkhususkan makna kala tersebut, iaitu "يَوْمَئِذٍ" (pada hari itu).

25. Al-Muṭaffifīn: Ayat 4

﴿أَلَا يَظْنُ أُولَئِكَ أَنَّهُمْ مَبْعُوثُونَ﴾ (4)

Pengertian ayat:

Tidakkah mereka menyangka bahawa mereka akan dibangkitkan (hidup semula sesudah mati)?

Unsur kala nafi:

Dalam ayat ini Allah s.w.t. menyangkal orang-orang yang curang dalam urusan timbangan jual-beli. al-Zamakhsharī (T.t: 231) menyebut lafadz لَأْيَّ dalam ayat ini yang terdiri dari partikel nafi yang menerima sandaran *hamzatt* tanya mengandungi makna *balaghāt* yang bermaksud dengan sangkalan tentang sesuatu (*inkār*) dan kehairanan dengan perkara yang ditanya (*ta’ajjub*) akan kesanggupan para penimbang yang berbuat mungkar, seolah-olah tidak terlintas langsung dalam fikiran mereka bahawa mereka akan dibangkitkan dan diperhitungkan.

Penggunaan partikel nafi لَأْ pada ayat ini dengan dimasuki *hamzatt al-istifhām* dan telah mengeluarkannya dari makna nafi kepada makna lain, iaitu sangkalan beserta celaan (*al-inkār wa al-tawbīkh*) ke atas orang yang menyangka bahawa mereka tidak akan dibangkitkan pada hari perhitungan (lihat Abū Ḥayyān al-Andalūsī, 1992: 427). Manakala dari sudut kala nafi, penggunaan partikel لَ dengan kata kerja kala kini masih membawa makna kala kini, berdasarkan perkara selepas partikel لَ dan hamzah tanya merupakan hal yang sebenar berlaku (*wāqi‘*) dari para hamba Allah s.w.t yang curang dalam menimbang jual-

beli pada zaman itu.

26. Al-Inshiqāq: Ayat 20

﴿فَمَا هُنْ لَا يُؤْمِنُونَ﴾ (20)

Pengertian ayat:

Maka apakah alasan bagi mereka bersikap tidak mahu beriman?

Unsur kala nafi:

Menurut Abū Ḥayyān al-Andalūsī (1992: 440) dalam ayat ini Allah s.w.t. menggunakan gaya bahasa pertanyaan dengan maksud menimbulkan rasa kehairanan (*ta‘ajjub*) kepada pendengar tentang penafian golongan yang melakukan kemungkaran walaupun setelah ditunjukkan segala bukti kebesaran Allah s.w.t. Ibn Kathīr (2008: 1306) mentafsirkan makna *ta‘ajjub* dalam ayat ini dengan “apakah lagi yang menghalang mereka dari beriman dengan Allah, rasul, para malaikat serta hari kiamat!”

Makna kala nafi dalam ayat ini menunjukkan kepada makna kala kini, iaitu menerusi penggunaan partikel ۚ bersama kata kerja kala kini yang hanya mengkhususkan makna keengganannya mereka untuk beriman pada ketika itu.

27. Al-Inshiqāq: Ayat 21

﴿وَإِذَا قُرِئَ عَلَيْهِمُ الْقُرْآنُ لَا يَسْتَحْدُونَ﴾ (21)

Pengertian ayat:

Dan (apakah pula alasannya) apabila dibacakan Al-Quran kepada mereka, mereka tidak mahu taat dan sujud?

Unsur kala nafi:

Allah s.w.t. menerangkan tentang orang-orang yang tidak mahu menerima

kebenaran walaupun setelah ditunjukkan segala bukti kebesaran Allah s.w.t. Abū Hayyān al-Andalūsī (1992: 440) mentafsirkan "لَا يَسْجُدُون" sebagai "لَا يَتَوَاضَعُون" (tidak tunduk dan patuh) kepada perintah Allah s.w.t. Ibn Kathīr (2008: 1307) membawa ayat lain yang menjelaskan sikap orang-orang kafir yang tidak mahu tunduk dan patuh ini dengan firman Allah s.w.t "بَنِ الَّذِينَ كَفَرُوا يُكَذِّبُون" (sesungguhnya orang-orang kafir itu selalunya bersifat mendusta dan degil).

Makna kala nafi dalam ayat ini menunjukkan kepada makna kala kini, berdasarkan kepada penggunaan partikel ل bersama kata kerja kala kini yang tidak mengkehendaki selain dari makna masa keengganannya mereka untuk taat dan patuh pada ketika itu.

28. Al-A'lā: Ayat 6

﴿سَنُنْهِرُوكَ فَلَا تَنْسَى﴾ (6)

Pengertian ayat:

Kami sentiasa menjadikan engkau (wahai Muhammad) dapat membaca (Al-Quran yang diturunkan kepadamu – dengan perantaraan jibril), sehingga engkau (menghafaznya dan) tidak lupa,

Unsur kala nafi:

Menurut al-Sayūtī dalam kitab *Lubāb al-Nuzūl* (2002: 291) ayat ini menceritakan tentang penurunan wahyu, yang mana apabila malaikat Jibril a.s. datang memberikan wahyu, sebelum sempat Jibril menghabiskan ayat Rasulullah s.a.w akan mula membacanya, Baginda bimbang akan lupa wahyu yang diturunkan. Lalu Allah s.w.t. menyebut ayat ini. al-Zamakhsharī (T.t: 243) menjelaskan Allah s.w.t. dengan kekuasaannya memberikan wahyu kepada Nabi s.a.w yang

buta huruf, tidak menulis dan membaca, tetapi Allah s.w.t. menjamin bahawa Baginda tidak akan lupa melalui firmannya "فَلَا تَنْسِي".

Makna kala gaya bahasa nafi ayat menunjukkan makna kala pada masa hadapan melalui penggunaan ۖ bersama kata kerja kala kini, berdasarkan pengertian ayat, sejajar dengan pengkhususan partikel tersebut yang pada asalnya untuk makna kala hadapan.

29. Al-A'lā: Ayat 13

﴿لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَحْيَى﴾ (13)

Pengertian ayat:

Selain dari itu, ia tidak mati di dalamnya dan tidak pula hidup senang.

Unsur kala nafi:

Dalam ayat ini Allah s.w.t. menerangkan keadaan orang yang tidak menerima kebenaran dan mensucikan dirinya ketika menerima azab dalam api neraka. Ibn Kathīr (2008: 1312) mentafsirkan ayat tadi dengan makna “tidak akan mati dan berehat dari azab neraka, dan tidak akan hidup dengan kehidupan yang membawa manfaat kepadanya, bahkan akan membinasakannya”.

Partikel nafi ۖ dalam ayat ini memasuki kata kerja kala kini dan menunjukkan makna masa kala hadapan berdasarkan penceritaan ayat kerana pengertian ayat ini berkaitan tentang kejadian yang akan berlaku pada hari perhitungan.

30. Al-Ghāshiyāt: Ayat 7

﴿لَا يُسْمِئُ وَلَا يُعْنِي مِنْ جُوعٍ﴾ (7)

Pengertian ayat:

Yang tidak menggemokkan, dan tidak pula dapat menghilangkan sedikit

kelaparan pun.

Unsur kala nafi:

Dalam ayat ini Allah s.w.t. menjelaskan tentang salah satu gambaran siksaan dan hukuman bagi orang-orang yang mengingkari-Nya. Sebelum ayat ini Allah s.w.t. menerangkan bahawa mereka tidak akan mempunyai makanan dalam neraka kecuali dari "صَرْبِعٌ". al-Zamakhsharī (T.t: Jil. 4: 246) mentafsirkan "صَرْبِعٌ" sebagai sejenis tumbuhan yang berduri yang dimakan oleh unta semasa ia lembut, dan apabila ia kering dan keras ia akan bertukar menjadi racun yang berbisa dan dijauhi oleh haiwan-haiwan.

Partikel nafi ی dalam ayat ini memasuki ayat jenis kerjaan dan menunjukkan makna masa pada masa hadapan, kerana konteks ayat ini berkaitan tentang kejadian yang akan berlaku pada hari akhirat.

31. Al-Għashiyatt: Ayat 11

﴿ لَا تَسْمَعُ فِيهَا لَاغْيَةً ﴾ (11)

Pengertian ayat:

Mereka tidak mendengar di situ sebarang perkataan yang sia-sia,

Unsur kala nafi:

Dalam ayat ini Allah s.w.t. menjelaskan tentang nikmat syurga kepada orang-orang yang beriman. Menurut Ibn Kathīr (2008: 1290) ayat ini bermaksud “tidak ada dalam syurga nanti kata-kata yang tidak berfaedah serta kata-kata yang sia-sia”. al-Qurtubī (1950: jil. 20: 33) menambah kepada tafsiran makna “لَاغْيَةً”, menurut beliau perkataan ini boleh dertiakan kepada enam maksud; pertama kata-kata yang dusta, kedua kata-kata yang batil dan mengundang dosa, ketiga kata-

kata yang mengandungi celaan, keempat kata-kata maksiat, kelima kata-kata orang yang bersumpah tetapi berbohong dan yang keenam kata-kata yang sia-sia. Ini adalah kerana ahli syurga pada waktu itu hanya akan berkata-kata dengan perkataan yang baik dan berhikmah.

Partikel nafi ۖ dalam ayat ini memasuki kata kerja kala kini dan menunjukkan makna masa pada kala hadapan berdasarkan kepada konteks ayat yang menceritakan tentang nikmat syurga di alam akhirat yang akan berlaku.

32. Al-Għashiyatt: Ayat 17

﴿أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبْلِ كَيْفَ خُلِقَتْ﴾ (17)

Pengertian ayat:

(Mengapa mereka yang kafir masih mengingkari akhirat), tidakkah mereka memperlihatkan keadaan unta, bagaimana ia diciptakan?

Unsur kala nafi:

Menurut al-Tabarī (2001: Jil. 24: 338) ayat ini Allah s.w.t. menerangkan tentang kenikmatan yang dicipta bagi manusia lalu mereka mengingkarinya dengan berfirman “hai orang-orang yang mengingkari kekuasaan Allah s.w.t. apakah kamu tidak melihat kepada unta bagaimana ia diciptakan?”. Menurut Ibn Kathīr (2008: 1314) Allah s.w.t. memilih untuk menyebut haiwan unta dalam ayat kerana ia merupakan satu ciptaan yang sangat hebat, rupanya yang unit serta memiliki tenaga yang luar biasa semasa memikul beban di atasnya. Dan masyarakat pada ketika itu kebanyakan mereka menjadikan unta sebagai tunggangan yang dibanggakan.

Penggunaan partikel nafi ۚ pada ayat ini dimasuki dengan *hamzatt al-istifhām* yang mengandungi maksud *balāghatt*, iaitu dengan makna sangkalan dan celaan akan hal orang-orang yang ingkar dengan kekuasaan Allah s.w.t. (*al-inkār wa al-tawbikh*) selain mengeluarkannya dari makna nafi. Menurut Ibn Hishām al-Anṣārī (1991: Jil.1: 16-17) antara makna yang terhasil dari penggabungan hamzah tanya dengan partikel nafi ۚ ialah *al-inkār wa al-tawbikh* (sangkalan dan celaan), manakala perkara yang menyusulinya merupakan *wāqi‘* (terjadi) dan pelakunya dihukum bersalah (*malūm*). Dari segi aspek makna masa, gaya bahasa nafi dalam ayat ini menunjukkan kepada makna masa kala kini melalui penggunaan partikel nafi ۚ bersama kata kerja kala kini, berdasarkan maksud ayat ialah “tidak melihat dan menginsafi ciptaan Allah yang esa” pada ketika itu.

33. Al-Fajr: Ayat 17

﴿كَلَّا بَلْ لَا تُكْرِمُونَ الْيَتَمَ﴾ (17)

Pengertian ayat: Jangan demikian, (sebenarnya kata-kata kamu itu salah). Bahkan (perbuatan kamu wahai orang-orang yang hidup mewah, lebih salah lagi kerana) kamu tidak memuliakan anak yatim, (malah kamu menahan apa yang Ia berhak menerimanya);

Unsur kala nafi:

Ayat ini merupakan sangkalan Allah s.w.t. ke atas manusia yang beranggapan apabila Allah s.w.t mencurahkan nikmat pemberian untuk mengujinya mereka berkata “sesungguhnya tuhan telah memuliakan aku”, manakala apabila tuhan memberikan kesempitan mereka berkata “sesungguhnya Allah telah menghina aku”. Lalu dalam ayat ini Allah s.w.t menyanggah anggapan salah tersebut dan berkata “كَلَّا”. Menurut al-Zamakhsharī (T.t: Jil. 4: 252) sangkalan Allah s.w.t.

dalam ayat ini bermaksud "kamu jangan sekali-kali beranggapan begitu". Sesungguhnya Allah memberikan rezeki dan kesenangan kepada siapa sahaja yang Dia suka dan tak suka, dan memberikan kesusahan kepada siapa sahaja yang Dia suka dan tak suka. Tujuan utama dalam kedua-dua keadaan tadi ialah supaya hambanya taat dan patuh. Sekiranya manusia itu kaya maka hendaklah dia bersyukur, jika keadaan sebaliknya maka hendak manusia itu bersabar. Lafaz "لَا" menurut Abū Ḥayyān al-Andalūsī (1992: Jil.10: 310) dan al-Zamakhsharī (T.t: Jil : 4: 352) membawa makna sangkalan ke atas dakwaan manusia tentang urusan pemberian rezeki oleh Allah s.w.t yang bermaksud "kamu jangan sekali-kali!". Partikel ini tidak ditafsirkan sebagai jawab balas (*radd*) yang membawa erti penafian, tetapi sebagai sangkalan (*rad'*) ke atas kandungan ayat yang sebelumnya. Manakala lafaz "بِ" ialah huruf pemindah (*idrāb*) yang membawa maksud buruk kepada lebih buruk; buruk ialah sangkaan mereka tentang pemberian rezeki oleh Allah s.w.t, manakala yang lebih buruk ialah apa yang ditunjukkan melalui ayat yang selepas daripada partikel nafi "لَا" bahawa mereka tidak memuliakan orang yatim piatu (lihat Abū Ḥayyān al-Andalūsī, 1992: Jil.10: 307).

Penggunaan partikel nafi لَا dalam ayat ini bersama kata kerja kala kini menunjukkan makna masa pada kala kini. Ini kerana makna nafi yang ditujukan adalah pada masa mereka hidup di dunia. Allah s.w.t. mencela sikap manusia yang tidak bersyukur dan tidak menguruskan rezeki yang diberikan kepada mereka di dunia sebaik mungkin, iaitu dengan memuliakan anak-anak yatim dan memberi mereka makan.

34. Al-Fajr: Ayat 18

﴿وَلَا تَحْاَضُونَ عَلَى طَعَامِ الْمِسْكِينِ﴾ (18)

Pengertian ayat: Dan kamu tidak menggalakkan untuk memberi makanan (yang berhak diterima oleh) orang miskin.

Unsur kala nafi:

Kandungan ayat ini merupakan kesimbungan kepada ayat yang sebelumnya, iaitu yang menyentuh mengenai sangkalan Allah s.w.t. kepada manusia yang mendakwa telah dihina apabila ditimpakan musibah. Menurut Ibn Kathīr (2008: 1317) maksud "وَلَا تَحْاَضُونَ" ialah mereka tidak berbuat baik (*ihsān*) kepada orang-orang fakir dan miskin.

Dari sudut penggunaan gaya bahasa nafi dalam ayat ini melalui partikel *لَا* yang memasuki kata kerja kala kini dan menunjukkan kepada makna masa kala kini, kerana makna nafi yang ditujukan adalah pada masa mereka hidup di dunia.

35. Al-Fajr: Ayat 25

﴿فَيَوْمَئِذٍ لَا يُعَذِّبُ عَذَابَهُ أَحَدٌ﴾ (25)

Pengertian ayat:

Maka pada hari itu tiada sesiapapun yang dapat menyeksa seperti azab (yang ditimpakan oleh) Allah.

Unsur kala nafi:

Ayat ini merupakan kenyataan Allah s.w.t. tentang azabnya ke atas orang-orang yang mendustakan nikmat-Nya yang diberikan kepada mereka semasa hidup.

Mereka akan ditimpakan dengan azab yang tiada siapa boleh adakan azab sepertinya (lihat Ibn Kathīr, 2008: 1318). Hal yang demikian adalah disebabkan mereka tidak membela anak-anak yatim dan tidak berlaku baik kepada orang

fakir dan miskin (zalim).

Partikel nafi ــ dalam ayat ini memasuki ayat jenis kerjaan dan menunjukkan makna masa pada kala hadapan. Hal ini adalah berdasarkan kepada cerita yang terkandung dalam ayat yang berkaitan tentang kejadian yang akan berlaku di akhirat, dan juga petunjuk (*qarīnatt*) yang dinyatakan oleh Allah s.w.t. dengan lafaz "يَوْمَنِـ" (pada hari itu)

36. Al-Fajr: Ayat 26

﴿26﴾ وَلَا يُؤْتُهُ وَثَاقَةً أَحَدٌ

Pengertian ayat:

Dan tiada sesiapapun yang dapat mengikat serta membelenggu seperti ikatan dan belengguNya.

Unsur kala nafi:

Dalam ayat ini Allah s.w.t. menyambung tentang gambaran situasi dalam neraka yang dialami oleh orang yang sedang menerima siksaan. Menurut al-Zamakhsharī (T.t: 254) maksud ayat, bahawa tiada siapa yang dapat memberi siksaan seperti-Nya dan tiada siapa yang dapat membelenggu mereka dengan rantai sebagaimana yang dapat dilakukan oleh-Nya sebagai satu pembalasan di atas kekufuran dan kedegilan mereka. Abū Ḥayyān al-Andalūsī (1992: 476) mentafsirkan ayat ini bahawa “tiada siapa yang ditimpakan azab ke atasnya sebagaimana azab Allah s.w.t., serta dibelenggu dengan ikatan rantai sebagaimana belenggu-Nya”.

Partikel nafi ــ dalam ayat ini memasuki kata kerja kala kini dan menunjukkan makna masa pada kala hadapan, berpandukan kepada konteks ayat yang

menceritakan tentang hal-hal yang berkaitan dengan kejadian yang akan berlaku di akhirat, serta petunjuk (*qarīnatt*) pada ayat yang sebelumnya, iaitu "يَوْمَئِذٍ" (pada hari itu).

37. Al-Balad: Ayat 11

﴿فَلَا افْتَحْمُ الْعَقَبَةَ﴾ (11)

Pengertian ayat: Dalam pada itu manusia tidak (memilih jalan kebaikan) merempuh masuk mengerjakan amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi Tuhan.

Unsur kala nafi:

Menurut Ibn Kathīr (2008: 1319) Allah s.w.t menjelaskan bahawa manusia telah ditunjukkan dua jalan, sama ada memilih untuk menuju Allah atau sebaliknya. al-Zamakhsharī (T.t: Jil. 4: 256) mentafsir "فتَحْمُ" dengan maksud sesuatu yang perlu diharungi dan ditempuhi dengan tabah dan kuat. Dalam ayat ini Allah s.w.t. menjelaskan bahawa manusia telah diberikan pilihan untuk memilih sama ada jalan yang benar atau jalan yang batil dan perlu sabar menempuhinya.

Partikel ل pada ayat ini memasuki kata kerja kala lampau dan menunjukkan makna masa pada kala lampau. Manakala dari aspek pengulangan partikel ل ketika memasuki kata kerja kala lampau yang tidak membawa makna masa pada kala hadapan, Ibn Hishām al-Anṣārī (1991) dan al-Murādī (1992) menjelaskan bahawa partikel ل bagi ayat ini berulang pada makna (*mukarraratt fī al-ma'nā*) dan bukan pada lafaz, dengan mengaitkan ayat yang selepasnya, iaitu ل فَكَ رَقَبَةً، وَلَا أَطْعَمَ مِسْكِينًا". Abū Ḥayyān al-Andalūsī (1992: Jil. 8: 317) menerangkan bahawa "العقبة" sebagai satu *isti 'aratt* dengan maksud sebuah gunung yang tinggi yang susah untuk didaki, kepada makna mengerjakan amalan-amalan yang tinggi nilainya di sisi Allah s.w.t, iaitu dengan memerdekaan hamba dan memberi

makan kepada anak-anak yatim.

38. Al-Layl: Ayat 15

﴿لَا يَصْلَمَا إِلَّا أَلْشَفَى﴾ (15)

Pengertian ayat:

Yang tidak akan menderita bakarannya melainkan orang yang sungguh celaka.

Unsur kala nafi:

Ibn Kathīr (2008: 1323) menerangkan dalam ayat ini Allah s.w.t menjelaskan tentang api neraka yang disediakan kepada orang kafir, iaitu mereka yang telah mendustakan kitab Allah s.w.t., rasul serta hari kiamat bahawa mereka akan dimasukkan ke dalam api neraka. Abū Ḥayyān al-Andalūsī (1992:495) menjelaskan bahawa bukan hanya orang kafir sahaja yang akan dimasukkan ke dalam api neraka, tetapi juga orang Islam yang telah berbuat zalim, yang memakan harta orang tanpa hak dan sebagainya. Melainkan yang membezakan dua golongan tersebut ialah orang kafir itu kekal dalam neraka, manakala orang Islam akan dikeluarkan darinya setelah melalui satu tempoh.

Partikel ﴿لَا﴾ dalam ayat ini memasuki kata kerja kala kini dan menunjukkan makna masa pada kala hadapan kerana berdasarkan konteks ayat yang berkaitan tentang kejadian pada hari kiamat.

39. Al-‘Adiyāt: Ayat 9

﴿أَفَلَا يَعْلَمُ إِذَا بُعْثِرَ مَا فِي الْقُبُورِ﴾ (9)

Pengertian ayat:

(Patutkah ia bersikap sedemikian?) Tidakkah ia mengetahui (bagaimana keadaan)

ketika dibongkarkan segala yang ada dalam kubur?

Unsur kala nafi:

Dalam ayat ini Allah s.w.t. mencela orang kafir yang ingkar dengan nikmat yang Allah s.w.t berikan kepadanya. Al-Zamakhsharī (T.t: 278) menjelaskan maksud ayat “tidakkah orang-orang yang kufur akan nikmat yang Allah berikan, ketahuilah bahawa Allah maha mengetahui segala apabila dikeluar isi kubur dan dibongkarkan segala yang dalam dada”.

Penggunaan partikel nafi ـ لـ pada ayat ini dimasuki dengan *hamzatt al-istifhām* dan telah mengeluarkannya dari makna nafi kepada makna lain, iaitu *al-tawbīkh* dan *al-inkār* (celaan dan sangkalan). Manakala dari sudut makna nafi ayat ini menunjukkan makna masa pada kala kini menerusi kata kerja kala kini yang memerihalkan tentang orang kafir yang tidak dapat menjangkau pengetahuan Allah s.w.t yang maha mengetahui segala rahsia langit dan bumi.

40. Al-Mā‘ūn: Ayat 3

﴿وَلَا يَحْضُرُ عَلَىٰ طَعَامِ الْمِسْكِينِ﴾ (3)

Pengertian ayat:

Dan ia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin.

Unsur kala nafi:

Ayat dalam surah ini mengenai manusia yang mendustakan agama, hari pembalasan, pahala dan dosa. Iaitu mereka yang menzalimi anak-anak yatim dan tidak menolong orang-orang yang fakir dan miskin. Al-Zamakhsharī (T.t: 288) menjelaskan orang kafir sanggup untuk menzalimi orang yatim kerana mereka

tidak menunggu untuk menerima apa-apa pahala dan mereka tidak beriman bahawa adanya dosa dan pembalasan, oleh kerana itu mereka sanggup untuk melakukan kezaliman ke atas anak yatim.

Partikel *ي* pada ayat ini memasuki dalam kata kerja kala kini dan menunjukkan makna masa pada kala kini sesuai dengan konteks ayat yang menunjukkan keadaan orang yang menzalimi anak yatim pada ketika itu.

41. Al-Kāfirūn: Ayat 2

﴿لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ﴾ (2)

Pengertian ayat:

Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah.

Unsur kala nafi:

Menurut Ibn Kathīr (2008: 1344) ayat-ayat dalam surah ini diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w setelah Baginda diajak oleh orang-orang kafir Quraish untuk menyembah patung berhala sembahannya mereka, lalu Allah s.w.t perintahkan agar Nabi menolak agama mereka dengan penolakan sepenuhnya.

Gaya bahasa nafi dalam ayat ini menggunakan partikel *ي* bersama kata kerja kala ini. Manakala dari segi makna kala, menurut Ibn ‘Atīyyat (dipetik daripada Abū Hayyān al-Andalūsī, 1992: 559) ia boleh mengandungi makna masa kala kini. Manakala al-Zamakhsharī (T.t: 292) menyatakan bahawa makna kala bagi ayat ini diputuskan pada kala hadapan, ini berdasarkan partikel *ي* tidak memasuki kata kerja kala kini melainkan untuk makna masa kala hadapan. Pengkaji lebih bersetuju dengan Ibn ‘Atīyyat dan sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Tabarī

(2001: Jil. 24: 659) unsur kala dalam ayat ini adalah untuk kala kini, ini kerana lafaz "لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ" merupakan penyataan Nabi s.a.w kepada orang kafir bahawa "aku tidak akan sembah apa yang kamu sembah sekarang" (لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ الْآن).

42. Al-Kāfirūn: Ayat 3

﴿3﴾ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ

Pengertian ayat:

Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah.

Unsur kala nafi:

Ayat ini merupakan ayat susulan kepada ﴿لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ﴾, menurut Abū Hayyān al-Andalūsī (1992: 559) "مَا" dalam ayat ini bermaksud "مِنْ", dan beliau mentafsir "dan kalian tidak menyembah apa yang aku sembah" (Allah s.w.t.). Manakala al-Tabarī (2001: Jil. 24: 659) mentafsirkan dengan "kalian tidak menyembah apa yang aku sedang sembah sekarang".

Partikel لَا dalam ayat ini memasuki ayat namaan dan menunjukkan makna masa pada masa kala kini, ini berdasarkan konteks penafian bahawa mereka tidak sembah kepada Allah s.w.t. yang esa semasa Nabi s.a.w sedang menyembah pada waktu ayat ini dibacakan.

43. Al-Kāfirūn: Ayat 4

﴿4﴾ وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَا عَبَدْتُمْ

Pengertian ayat:

Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat.

Unsur kala nafi:

Menurut Abū Ḥayyān al-Andalūsī (1992: 560) dalam ini Nabi s.a.w menyangkal penyembahan berhala dengan berkata kepada orang-orang kafir Quraisy bahawa “aku tidak menyembah tuhan kamu (patung dan berhala) semasa jahiliyyatt, apatah lagi kamu mengajak aku untuk sembah tuhan kamu di waktu aku Islam?”. Manakala al-Tabarī (2001: Jil. 24: 659) menjelaskan ﴿وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ﴾ ialah “aku tidak akan sembah” manakala ﴿مَا عَبَدْتُمْ﴾ pula ditafsirkan sebagai “dengan apa yang sedang sekarang”.

Partikel ۢ pada ayat ini memasuki ayat namaan dan menunjukkan makna masa pada masa kala hadapan berdasarkan konteks ayat, bahawa Nabi s.a.w. sekali-kali tidak akan menyembah (pada masa hadapan) apa yang menjadi sembahannya kaum musyrikin pada ketika itu.

44. Al-Kāfirūn: Ayat 5

﴿وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ﴾ (5)

Pengertian ayat:

Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah.

Unsur kala nafi:

Ayat ini masih lagi menjelaskan penyataan Nabi s.a.w tentang penolakan penambahan berhala. Ibn Kathīr (2008: 1345) mentafsirkan “bahawa kamu tidak berpaksi kepada ajaran serta suruhan syariat Allah s.w.t. alam beribadah, malahan mencipta sesuatu dari rekaan kamu sendiri untuk disembah. al-Tabarī (2001: Jil. 24: 659) menjelaskan tafsiran ayat ﴿وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ﴾ ini dengan “kamu tidak akan menyembah sampai bila-bila”, ini kerana ayat ini diturunkan kepada Nabi s.a.w.

untuk disampaikan kepada kaum musyrikin yang tegar pada ketika itu dan tidak akan menyembah Allah. Manakala ﴿مَا أَعْبُد﴾ ialah merujuk kapada apa yang Nabi s.a.w sembah sekarang dan akan datang.

Dari segi unsur kala nafi, partikel لِّ pada ayat ini memasuki ayat namaan dan menunjukkan makna masa pada kala hadapan, ini berdasarkan tafsiran konteks ayat seperti mana yang dijelaskan.

45. Al-Takwîr: Ayat 27

﴿إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَالَمِينَ﴾ (27)

Pengertian ayat:

Al-Quran itu tidak lain hanyalah peringatan bagi seluruh penduduk alam.

Unsur kala nafi:

Menurut Ibn Kathîr (2008: 1297) ayat-ayat dalam surah ini Allah s.w.t. menerangkan tentang mukjizat al-Quran. Setelah Allah s.w.t menyatakan bahawa al-Quran adalah wahyu yang agung yang telah diturunkan oleh malaikat yang patuh serta taat, dan bukan sebagaimana yang didakwa oleh kaum musyrikin bahawa ia adalah kata-kata dari seorang gila. Manakala dalam ayat ini pula Allah s.w.t. menerangkan bahawa al-Quran itu merupakan peringatan bagi seluruh umat manusia seluruh alam. al-Darwîsh (2003: 238) menjelaskan bahawa lafaz "لِّإِلَّا" merupakan *adatt hasr* yang wajib terdapat dalam penggunaan kata peranti nafi ﴿إِنْ﴾ pada sesetengah pandangan ahli nahu seperti yang dijelaskan sebelum ini dalam bab 2 (ms. 51).

Manakala dari segi unsur kala, partikel لِّ dalam ayat ini memasuki ayat namaan

dan menunjukkan kepada makna masa kala kini, serta memberi pengertian yang sama dengan **مَا** dari segi makna. Penentuan makna kala ini adalah berdasarkan konteks ayat, yang mana Allah s.w.t. menjelaskan bahawa al-Quran yang diturunkan pada ketika itu (pada zaman ayat ini diturunkan) merupakan peringatan kepada seluruh alam.

46. Al-Tariq: Ayat 4

﴿إِنْ كُلُّ نَفْسٍ لَّمَّا عَلَيْهَا حَافِظٌ﴾ (4)

Pengertian ayat:

Tiada sesuatu diri juapun melainkan ada malaikat yang menjaga (keadaannya serta menyimpan catitan mengenai segala bawaannya).

Unsur kala nafi:

Dalam ayat–ayat surah ini Allah s.w.t. menerangkan kepada kita bahawa Allah s.w.t. berkuasa untuk menciptakan manusia dan membangkitkannya semula setelah mati. Allah s.w.t. juga memerintahkan agar manusia memerhatikan bagaimana manusia diciptakan yang asalnya dari setitik air mani. Dalam ayat ini pula Allah s.w.t. menyatakan bahawa setiap dari manusia dijadikan baginya malaikat yang mencatat segala amalan baik dan buruk.

Partikel nafi **إِنْ** dalam ayat ini memasuki ayat namaan, manakala dari sudut makna masa ia menunjukkan pada kala kini dan memberi pengertian yang sama dengan **مَا** dari segi makna. Manakala "**الْعَنْتَقَةُ**" pula merupakan huruf pengecualian (*adātt hasr*) yang menyamai makna "**الْأَلِلَّةُ**" yang hukumnya wajib menyusuli penggunaan partikel nafi **إِنْ** bagi sesetengah ahli nahu (ms.51).

47. Al-Naba': Ayat 30

﴿فَدُوْقُوا فَلَنْ نَزِدُكُمْ إِلَّا عَذَابًا﴾ (30)

Pengertian ayat:

(Setelah mereka masuk ke dalam neraka, dikatakan kepada mereka: “Oleh sebab kamu telah mendustakan ayat-ayat Kami) maka rasalah kamu (azab yang disediakan), kerana Kami tidak akan melakukan selain dari menambah berbagai azab kepada kamu”.

Unsur kala nafi:

Surah al-Naba' merupakan salah satu surah yang Allah s.w.t. banyak menyatakan peringatan dan ugutan tentang azab api neraka kepada golongan yang mengingkarinya. Menurut al-Zamakhsharī (T.t: 210) ayat ini Allah s.w.t. tujukan kepada ahli neraka pada hari kiamat dengan berkata “rasailah apa yang kamu rasai sekarang sesungguhnya kami tidak akan tambah bagi kau melainkan azab yang serupa dari jenisnya bahkan lebih berganda”.

Partikel nafi لَنْ dalam ayat ini memasuki kata kerja kala kini dan bermaksud dengan makna masa pada kala hadapan berdasarkan pengertian ayat yang menceritakan tentang kejadian yang berlaku pada hari akhirat, selaras dengan fungsi partikel nafi لَنْ untuk penafian kala hadapan.

48. Al-Inshiqāq: Ayat 14

﴿إِنَّهُ ظَنَّ أَنَّ لَنْ يَجُوزَ﴾ (14)

Pengertian ayat:

Sesungguhnya ia menyangka bahawa ia tidak sekali-kali akan kembali (kepada Kami untuk menerima balasan) !

Unsur kala nafi:

Dalam surah ini Allah s.w.t. menceritakan tentang penyerahan catatan amalan manusia di akhirat serta fenomena yang akan terjadi ketika berlakunya hari kiamat, iaitu langit akan terbelah dan bumi diratakan manakala bumi memuntahkan isi perutnya (al-Tabarī: 2001: Jil. 24: 235). Selang beberapa ayat sebelum ayat ini Allah s.w.t. menceritakan keadaan hamba yang ingkar kapada-Nya akan menerima catatan amalannya dengan tangan kirinya melalui belakang.

Menurut Ibn Kathīr (2008: 1306) lafaz "يَخْوِرُ" membawa erti "kembali", dan pengertian ayat bermaksud "mereka sangkakan bahawa mereka tidak akan kembali kepada Allah s.w.t. dan dikembalikan hidup semula".

Unsur kala nafi dalam ayat ini melalui partikel لُّ bersama kata kerja kala kini menunjukkan makna masa pada kala hadapan berdasarkan konteks ayat yang menyentuh tentang peristiwa pada hari akhirat.

49. Al-Balad: Ayat 5

﴿أَيَحْسَبُ أَنَّ لَنْ يَقْدِرَ عَلَيْهِ أَحَدٌ﴾ (5)

Pengertian ayat:

Patutkah manusia yang demikian keadaannya (terpedaya dengan kekuasaan yang ada padanya dan) menyangka bahawa tidak ada sesiapapun yang dapat mengatasi kekuasaannya (dan menyeksakannya)?

Unsur kala nafi:

Melalui ayat ini Allah s.w.t. menyatakan bahawa manusia tidak terlepas apa-apa pun dari pandangan Allah s.w.t. yang maha mengetahui segala yang di langit dan di bumi. Menurut Ibn Kathīr (2008: 1319) ayat ini ditafsirkan dengan dua makna,

pertama tafsiran oleh Hasan al-Baṣarī, iaitu “adakah manusia itu menyangka bahawa tiada siapa yang dapat mengatasi kuasanya”, yang bermaksud “mengambil hartanya”. Kedua tafsiran oleh Qatādatt, iaitu “adakah manusia itu menyangka bahawa tiada siapa yang dapat mengatasi kuasanya”, yang bermaksud “untuk ditanya dari manakah dia memperolehi harta tersebut”.

Manakala dari sudut makna masa kala nafi, partikel nafi لَنْ dalam ayat ini digunakan bersama kata kerja kala kini dan membawa maksud makna masa pada kala hadapan berdasarkan konteks ayat yang dapat disimpulkan dari pandangan orang yang menyangka bahawa tiada siapa “yang akan” dapat berkuasa ke atasnya, selaras dengan fungsi لَنْ sebagai partikel nafi yang khusus untuk kala hadapan.

50. Al-Naba’: ayat 6

﴿لَمْ يَحْكُمِ الْأَرْضَ مِهَادًا﴾ (6)

Pengertian ayat:

(Mengapa kamu ragu-ragukan kekuasaan Kami menghidupkan semula orang-orang yang telah mati?) Bukankah Kami telah menjadikan bumi (terbentang luas) sebagai hamparan?

Unsur kala nafi:

Dalam ayat ini dan ayat-ayat berikutnya Allah s.w.t. menyebut tentang kekuasaan-Nya untuk menghidupkan semula orang yang sudah mati dengan mengemukakan tanda-tanda kebesarannya. al-Zamakhsharī (T.t: 207) mentafsirkan ayat ini bahawa tidakkah kamu lihat bagaimana kami jadikan bumi ini hamparan terbentang untuk kamu tinggal dan hidup di atasnya. al-

Zamakhsharī turut menjelaskan makna "مِهَادًا" iaitu hamparan (*fīrāshā*), atau diumpamakan sebagai "الْقَهْدُ", iaitu buaian kepada bayi kecil untuk kamu tidur. Kedua-dua makna tadi menggambarkan bumi yang telah jadikan oleh Allah s.w.t. adalah sempurna untuk menjadi tempat tinggal manusia.

Kata peranti nafi ﴿ لَكُمْ الْأَرْضَ مِهَادًا﴾ yang dimasuki oleh *hamzatt al-istifhām* pada ayat ini telah mengeluarkannya dari makna nafi kepada makna lain, iaitu *al-taqrīr* (satu gaya bahasa yang bertujuan untuk meminta pengakuan dari orang yang ditanya tentang perkara yang telah diketahui). Manakala dari makna kala ayat ini ialah ditentukan bagi kala lepas yang mengandungi makna ayat penyataan (*ījāb/muthbat*), iaitu "وَجَعَلْنَا لَكُمْ الْأَرْضَ مِهَادًا" (bahkan akan jadikan bumi kepada bumi terbentang).

51. Al-Nāzi‘at: Ayat 46

﴿ كَانُوكُمْ يَوْمَ يَرَوُنَّهَا لَمْ يَبْلُغُوا إِلَّا عَشِيَّةً أَوْ صُحَّاهَا (46)﴾

Pengertian ayat:

(Sangatlah dahsyatnya huru-hara hari itu, sehingga orang-orang yang bersalah merasa) pada masa melihatnya: seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia melainkan sekadar satu petang atau paginya sahaja.

Unsur kala nafi:

Dalam ayat ini dan ayat –ayat berikutnya Allah s.w.t. menceritakan tentang peristiwa hari kiamat yang menjadi saat yang dahsyat bagi orang-orang yang mendustainya, dan menjadi kegembiraan bagi yang telah beriman.

Menurut al-Tabarī (2001: Jil. 24: 99) dalam ayat ini Allah s.w.t menggambarkan keadaan orang-orang yang beriman apabila dibangkitkan pada hari kiamat dan dibawa ke padang mahsyar mereka akan terasa masanya yang singkat umpama

berada antara waktu siang dan malam.

Makna kala bagi partikel nafi لَمْ bersama kata kerja kala kini dalam ayat ini bermaksud dengan makna masa kala lampau, dengan merujuk kepada apa yang akan dirasai oleh orang-orang beriman pada hari itu, iaitu apabila sebaik sahaja berlalu saat di padang mahsyar, mereka akan merasa seperti berada semasa dikumpulkan di situ hanya sekejap umpama antara siang dan malam.

52. Al-Burūj: Ayat 10

﴿إِنَّ الَّذِينَ فَتَّأُوا الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا فَلَهُمْ عَذَابٌ جَهَنَّمَ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَحْرَقِ﴾ (10)

Pengertian ayat:

Sesungguhnya orang-orang yang menimpa bencana untuk memesongkan orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman, kemudian mereka tidak bertaubat, maka mereka akan beroleh azab neraka Jahanam (kerana perbuatan buruk itu), dan mereka akan beroleh lagi azab api yang kuat membakar (kerana mereka tidak bertaubat).

Unsur kala nafi:

Ayat ini menceritakan tentang azab yang bakal dikenakan ke atas ashab al-ukhdud yang telah membunuh orang-orang yang beriman kerana beriman kepada Allah s.w.t. Ibn Kathīr (2008: 1309) mentafsirkan bahawa sekiranya orang-orang yang telah berbuat dosa itu tidak meninggalkan amalan mereka (setelah mereka melakukannya pada masa lalu) dan menyesali perbuatan mereka maka bagi mereka azab neraka yang amat dahsyat.

Makna kala gaya bahasa nafi dalam ayat ini melalui partikel nafi لَمْ bersama kata

kerja kala kini ditentukan pada kala lampau berdasarkan kepada konteks ayat yang dapat disimpulkan bahawa mereka tidak bertaubat setelah mereka melakukan dosa tersebut pada masa lalu (pada masa lampau).

53. Al-Fajr: Ayat 6

﴿أَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِهَادِ﴾(6)

Pengertian ayat: (Kami tetap akan membinasakan orang-orang yang menentangmu wahai Muhammad), tidakkah engkau perhatikan, bagaimana Tuhanmu telah melakukan terhadap kaum Aad (yang kufur derhaka)

Unsur kala nafi:

Menurut al-Tabarī (2001: Jil. 24: 345) ayat ini Allah s.w.t. menerangkan bagaimana kaum ‘Ad dibinasakan lantaran tidak mahu tunduk dan patuh kepada Allah s.w.t. dan mendustakan kitab yang diturunkan kepada mereka. Manakala dalam ayat-ayat yang berikut pula Allah s.w.t. menceritakan bagaimana mereka dihancurkan.

Dari segi makna kala, partikel nafi ﴿م﴾ yang disandarkan dengan *hamzatt al-istifhām* pada ayat ini telah mengeluarkannya dari makna nafi kepada makna *al-tanbih* (gaya bahasa tanya yang bertujuan untuk menarik perhatian). Manakala dari segi makna kala ia menunjukkan kepada makna masa kala lampau.

54. Al-Fajr: Ayat 8

﴿الَّتِي لَمْ يُخْلُقْ مِثْلُهَا فِي الْبِلَادِ﴾(8)

Pengertian ayat:

Yang belum pernah diciptakan sepertinya (tentang besar dan kukuhnya) di segala negeri (pada zamannya)?

Unsur kala nafi:

Ayat ini menceritakan tentang kaum ‘Ad yang tinggal di bangunan-bangunan tinggi yang tidak pernah dibangunkan sebelumnya mereka lakukan di mana-mana negeri zaman mereka.

Makna masa ^{فِي} yang bersama kata kerja kala kini yang *mabnī li al-majhūl* pada ayat ini bermaksud dengan makna kala lampau berdasarkan perngertian ayat bahawa “tidak pernah diciptakan sebelum dari ciptaan mereka bangunan seperti bangunan mereka pada zaman tersebut”.

55. Al-Balad: Ayat 7

﴿ أَيْخُسْبُ أَنْ مُّبِيرٌ أَحَدٌ ﴾(7)

Pengertian ayat:

Adakah ia menyangka bahawa tidak ada sesiapapun yang melihatnya (dan mengetahui tujuannya menghabiskan harta bendanya itu?

Unsur kala nafi:

Dalam ayat sebelum Allah s.w.t. mengejek dan mencela orang yang membelanjakan harta yang banyak untuk bermegah-megah dan menyangka bahawa tiada yang lebih berkuasa ke atasnya. Manakala dalam ayat ini Allah s.w.t. mencela orang yang menyangka bahawa Allah s.w.t tidak melihat akan perbuatan yang dilakukan, sedangkan Allah maha melihat dan mengetahui (lihat al-Zamakhsharī, T.t: 256).

Makna masa ^{فِي} yang bersama kata kerja kala kini pada ayat ini bermaksud dengan makna kala lampau, menjazamkan kata kerja kala kini dan menukar

makna masa dari kala kini kepada kala lampau. Ini berdasarkan konteks ayat yang merujuk kepada makna sangkaan golongan tadi bahawa tiada siapa yang melihat dan mengetahui apa yang telah mereka buat pada masa lampau mereka yang telah berlalu.

56. Al-Balad: Ayat 8

﴿أَمْ بَجْعَلَ لَهُ عَيْنَيْنِ﴾ (8)

Pengertian ayat:

(Mengapa manusia terpedaya dan bermegah-megah?) Tidakkah kami telah menjadikan baginya: dua mata (untuk ia memerhatikan kekayaan dan kekuasaan kami)?

Unsur kala nafi:

Dalam ayat ini Allah s.w.t. mencela orang yang bermegah-megah dengan kekayaan dan menjelaskan bahawa tidakkah kami telah menjadikan baginya dua belah mata untuk melihat.

Partikel **لم** yang dimasuki oleh *hamzatt al-istifhām* pada ayat ini telah mengeluarkannya dari makna nafi kepada makna lain, iaitu *al-taqrīr*. Manakala dari segi makna kala ia menunjukkan pada masa kala lampau, dan mengandungi maksud ayat penyataan "وَقَدْ حَعَلْنَا لَهُ عَيْنَيْنِ" (bahkan kami telah menjadikan baginya dua mata).

57. Al-Duhā: Ayat 6

﴿أَمْ يَحْدُكَ يَتِيمًا فَآوَى﴾ (6)

Pengertian ayat: Bukankah dia mendapati engkau yatim piatu, lalu la memberikan perlindungan?

Unsur kala nafi:

Dalam surah al-Duhā Allah s.w.t. memuliakan Nabi s.a.w. setelah Allah s.w.t menyangkal dakwaan kaum kafir bahawa Allah s.w.t. telah membenci dan meninggalkan Nabi s.a.w. dengan ayat ﴿مَا وَدَعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَى﴾.

Dalam ayat ini pula Allah menceritakan nikmat-Nya yang diberikan kepada Nabi s.a.w. Ibn Kathīr (2008: 1325) mentafsirkan ayat ini tidakkah kamu dahulu seorang yatim piatu lalu kamu dilindungi.

Dari aspek kala, partikel ^{فِي} yang dimasuki oleh *hamzatt al-istifhām* pada ayat ini telah mengeluarkannya dari makna nafi kepada makna *balāghatt* yang lain, iaitu *al-tadhkīr* (gaya bahasa yang bertujuan untuk memberikan peringatan). Manakala dari segi makna kala ia menunjukkan pada masa kala lampau dengan ayat penyataan yang mengandungi makna "وَجَدَكَ تَتَسْمَّا فَوَّاكَ" (bahkan dia telah mendapati kamu yatim piatu lalu Dia telah melindungi kamu).

58. Al-Sharh: Ayat 1

﴿(1) مَنْ شَرَحْ لَكَ صَدْرَكَ﴾

Pengertian ayat:

Bukankah Kami telah melapangkan bagimu: dadamu (wahai Muhammad serta mengisinya dengan iman dan hidayah petunjuk) ?

Unsur kala nafi:

Surah ini menerangkan bahawa Allah s.w.t. telah menerangkan tentang kelebihan dan kenikmatan yang Allah s.w.t. berikan kepada Nabi s.a.w. al-Zamakhsharī (T.t: 299) mentafsirkan ayat ini bahawa “sesungguhnya kami telah lapangkan dadamu sehingga kamu kuat menghadapi fitnah dan dugaan dari kaum musyrikin, demikian juga kami telah lapangkannya dan kami berikan segala ilmu

pengetahuan, serta kami telah hilangkan sifat susah dan payah sebagaimana keadaanya pada orang buta dan jahil.

Partikel ﴿م﴾ yang dimasuki oleh *hamzatt al-istifhām* pada ayat ini telah mengeluarkannya dari makna nafi kepada makna lain, iaitu *al-taqrīr*. Manakala dari segi makna kala ia menunjukkan pada masa kala lampau dengan maksud penyataan (*iθhbāt/ ‘ajāb*), iaitu "شَرَحْنَا لَكَ صَدْرَكَ" (kami telah lapangkan dadamu)

59. Al-‘Alaq: Ayat 5

﴿عَلِمَ الْإِنْسَانُ مَا لَمْ يَعْلَمْ﴾ (5)

Pengertian ayat:

Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.

Unsur kala nafi:

Menurut Ibn Kathīr (2008: 1328) ayat ini merupakan antara ayat-ayat yang awal ketika bermula penurunan wahyu, iaitu dari "أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ" hingga "مَا لَمْ يَعْلَمْ". al-Zamakhsharī (T.t: 270) ayat ini membuktikan kesempurnaan bagi kemuliaan Allah s.w.t yang telah mengajarkan manusia apa yang mereka tidak tahu, dan dengan demikian telah mengeluarkan mereka dari kegelapan kejahilan kepada cahaya ilmu dan kebenaran. Al-Darwīsh (2003: Jil. 8: 362) mentafsirkan ayat ini bahawa Allah s.w.t lah yang telah mengajar hambanya tentang apa yang mereka tidak ketahui serta mengeluarkan mereka dari gelap kejahilan kepada cahaya ilmu.

Gaya bahasa nafi dalam ayat ini yang melalui partikel ﴿م﴾ bersama kata kerja kala kini menunjukkan kepada makna masa kala lampau, iaitu yang membawa pengertian "apa yang mereka tidak ketahui sebelum ini".

60. Al-‘Alaq: Ayat 14

﴿ ۱۴ ۲ ﴾ يَعْلَمُ بِأَنَّ اللَّهَ يَرَى أَمْ

Pengertian ayat:

Tidakkah ia mengetahui bahawa sesungguhnya Allah melihat (segala amal perbuatannya dan membalaunya)?

Unsur kala nafi:

Menurut al-Zamakhsharī (T.t: 271) ayat ini ditujukan oleh Allah s.w.t. kepada Abu Jahl yang (pada ketika itu) menegah beberapa orang Islam dari mendirikan solat. Lalu Allah s.w.t. berfirman “tidakkah Abu Jahl mengetahui bahawa sesungguhnya Allah melihat dan mengetahui perbuatannya”.

Partikel ^م yang dimasuki oleh *hamzatt al-istifhām* pada ayat ini telah mengeluarkannya dari makna nafi kepada makna lain, iaitu pengakuan dan ejekan (*al-taqrīr wa al-tawbīkh*). Manakala dari unsur kala, partikel nafi ^أ yang telah digunakan dengan kata kerja kala kini telah mengubah makna masa dari kala kini ke kala lampau.

61. Al-‘Alaq: Ayat 15

﴿ ۱۵ ۳ ﴾ كَلَّا لَيْنَ مُّمَّ يَتَّهِ لَتَسْفَعًا بِالنَّاصِيَةِ

Pengertian ayat:

Jangan sekali-kali berlaku derhaka! Demi sesungguhnya jika ia tidak berhenti (dari perbuatannya yang buruk itu), nescaya Kami akan menyentap ubun-ubunnya (dan menyeretnya ke dalam neraka).

Unsur kala nafi:

Abū Ḥayyān al-Andalūsī (1992: 551) menjelaskan bahawa ayat ini masih lagi

merupakan sanggahan Allah s.w.t setelah ayat ﴿أَمْ يَعْلَمُ بِأَنَّ اللَّهَ يَرَى﴾ ke atas Abu Jahl yang menghalang orang yang hendak mengikut ajaran Muhammad s.a.w dari menunaikan solat. Maksud ayat ini seperdimana yang diterangkan oleh Abū Ḥayyān ialah “sekiranya orang yang menghalang itu kembali mengulangi perbuatannya nescaya kami akan humbannya ke dalam api neraka”.

Menurut Makna masa مُّ yang bersama kata kerja kala kini pada ayat ini bermaksud dengan makna kala lampau, menjazamkan kata kerja kala kini dan menukar makna masa dari kala kini kepada kala lampau. Ini berdasarkan maksud “sekiranya mereka mengulanginya setelah mereka malakukannya pada masa lalu”.

62. Al-Bayyinatt: Ayat 1

﴿لَمْ يَكُنْ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ مُنْفَعِكِينَ حَتَّىٰ تَأْتِيهِمُ الْبُيْنَةُ﴾ (1)

Pengertian ayat:

Orang-orang yang kafir dari Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) serta orang-orang musyrik, tidak akan terlepas (dari kepercayaan dan amalan masing-masing) sehingga datang kepada mereka bukti yang jelas nyata, -

Unsur kala nafi:

Menurut Abū Ḥayyān al-Andalūsī (1992: 518) ayat ini menyentuh tentang ahlul kitab dari golongan yahudi dan nasrani yang berkata sebelum perutusan Nabi s.a.w bahawa mereka tidak akan meninggalkan apa yang diamalkan dalam ajaran mereka sehingga datang kepada kami pembawa utusan sebagaimana yang disebut dalam kitab Taurat dan Injil.

Unsur kala bagi gaya bahasa nafi dalam ayat ini menunjukkan pada kala lampau, yang dizahirkan melalui penggunaan partikel nafi ﴿﴾ yang bersama kata kerja kala kini, menjazamkan dan menukar makna masa dari kala kini kepada kala lampau. Penentuan makna kala ini berdasarkan intisari ayat bahawa pegangan dan anutan ahlul kitab dan kaum musyrikin tidak ditinggalkan pada masa sebelum datangnya kepada mereka perutusan Nabi s.a.w.

63. Al-Fîl: Ayat 1

﴿أَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِاصْحَابِ الْفَيْلِ﴾ (1)

Pengertian ayat:

Tidakkah engkau mengetahui bagaimana Tuhanmu telah melakukan kepada angkatan tentera (yang dipimpin oleh pembawa) Gajah, (yang hendak meruntuhkan Kaabah)?

Unsur kala nafi:

Menurut Abū Ḥayyān al-Andalūsī (1992: 543) ayat-ayat dalam surah ini menjelaskan tentang siksaan Allah s.w.t. ke atas manusia yang ditimpakan ke atas Abrahatt al-Ashram serta bala tenteranya yang telah dihancurkan oleh burung-burung ababil yang membawa batu-batu *sijjil* dari neraka Allah s.w.t.

Menurut al-Zamakhsharī (T.t: 285) kata ganti nama yang terkandung dalam kata kerja "أَمْ" adalah merujuk kepada nabi Muhammad s.a.w.

Partikel ﴿﴾ yang dimasuki oleh *hamzatt al-istifhām* pada ayat ini telah membawa makna lain selain dari makna nafi, iaitu makna *balaghatt* yang mengandungi maksud *al-tanbīh wa al-iqrār* (gaya bahasa untuk menarik perhatian dan pengakuan) Manakala dari segi makna kala ia menunjukkan pada masa kala

lampaui dan mengandungi makna penyataan sebalik dari makna penafian, itu "فَقَدْ" lampau dan mengandungi makna penyataan sebalik dari makna penafian, itu "فَقَدْ" "عَلِمْتَ فِعْلَنَ اللَّهُ كُوَلَّاَءِ الَّذِينَ قَصَدُوا حَرَمَةً" (lihat Abū Hayyān al-Andalūsī, 1992: 544), yang bermaksud "sesungguhnya kamu telah mengetahui bagaimana Allah binasakan golongan yang hendak merobohkan rumah-Nya".

64. Al-Fil: Ayat 2

﴿أَلَمْ يَجْعَلْ كَيْدَهُمْ فِي تَضْلِيلٍ﴾ (2)

Pengertian ayat:

Bukankah Tuhanmu telah menjadikan rancangan jahat mereka dalam keadaan yang rugi dan memusnahkan mereka?

Unsur kala nafi:

al-Zamakhsharī (T.t: 286) mengatakan bahawa ayat ini menerangkan bagaimana Allah s.w.t maha mengataui perancangan (*kayd*) orang-orang kafir dan musyrikin Habshatt yang dikepalai oleh raja Abrahatt al-Ashram, mereka telah membina sebuah rumah ibadah dengan helah hendak menarik orang ramai yang berkunjung ke baitullah supaya beralih ke tempat yang mereka dirikan itu di San‘ā, lalu dibakar oleh Allah s.w.t. Manakala ketika mereka hendak merobohkan ka‘batt pula Allah s.w.t telah mengutuskan burung-burung ababil dan membinasakan mereka. Menurut al-Zamakhsharī perkataan "تَضْلِيلٍ" bermaksud "تَضْبِيعٍ", iaitu "musnah / sia-sia".

Partikel nafi ۚ yang dimasuki oleh *hamzatt al-istifhām* pada ayat ini telah mengeluarkannya dari makna nafi kepada makna lain, iaitu *al-taqrīr*. Manakala dari segi makna kala ia menunjukkan pada masa kala lampau yang mengandungi makna ayat penyataan (*‘ijāb/ mutħbat*), iaitu "فَقَدْ جَعَلَ كَيْدَهُمْ فِي تَضْلِيلٍ" (Dia telah jadikan perancangan mereka binasa)

65. Al-Ikhlas: Ayat 3

﴿لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوَلَّ﴾ (3)

Pengertian ayat: “Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan;

Unsur kala nafi:

Menurut al-Tabarī (2001: Jil. 24: 727) surah ini diturunkan sebagai menjawab pertanyaan kaum musyrikin kepada Nabi s.a.w tentang keturunan Allah s.w.t.

Dalam surah ini Allah s.w.t telah menjelaskan keesaan-Nya, bahawa Allah s.w.t. Dia adalah tuhan yang satu, tidak beranak dan juga tidak diperanakkan.

Makna masa partikel ﴿مِن﴾ yang bersama kata kerja kala kini pada ayat ini bermaksud dengan makna kala lampau, menjazamkan kata kerja kala kini dan menukar makna masa dari kala kini kepada kala lampau, iaitu bahawa Allah s.w.t. sejak dahulu azali, tidak beranak dan tidak diperanakkan.

66. Al-Ikhlas: Ayat 4

﴿وَمَن يُكُن لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ﴾ (4)

Pengertian ayat: “Dan tidak ada sesiapapun yang serupa denganNya”.

Unsur kala nafi:

Dalam ayat ini setelah Allah s.w.t. mejelaskan keesaan-Nya, iaitu tidak beranak dan juga tidak diperanakkan, Allah s.w.t. turut menyatakan tentang zat-Nya bahawa tidak ada apa pun dalam dunia ini yang standing dengan-Nya.

Makna masa ﴿مِن﴾ yang bersama kata kerja kala kini pada ayat ini bermaksud dengan makna kala lampau, menjazamkan kata kerja kala kini dan menukar makna masa dari kala kini kepada kala lampau. Ini berdasarkan kepada konteks ayat mengkehendaki maksud bahawa Allah s.w.t itu esa dan bersifat *qadīm*.

67. ‘Abasa: Ayat 23

﴿كَلَّا لَمَّا يَفْضِي مَا أَمْرُهُ﴾ (23)

Pengertian ayat: Janganlah hendaknya ia kufur ingkar lagi! Sebenarnya ia belum menunaikan apa yang diperintahkan kepadanya.

Unsur kala nafi:

Ayat ini merupakan kesinambungan dari ayat-ayat sebelumnya yang menceritakan tentang kekufuran manusia kerana tidak patuh kepada suruhan dan mentaati Allah s.w.t. Abū Ḥayyān al-Andalūsī (1992: Jil.10: 408) lafaz گلَّا membawa erti sangkalan (*rad'*) yang membawa maksud amaran atau “kamu sekali-kali jangan!” ke atas kandungan ayat seblum ini terhadap keadaan manusia yang berada dalam kekufuran dan dosa. Makna masa partikel لَمَّا menafikan perkara yang menyusulnya tentang orang-orang kafir yang sebenarnya belum menunaikan apa yang diperintahkan kepadanya sejak dari mula ditaklifkan sehinggalah dia dikuburkan. Gaya bahasa nafi dalam ayat ini menunjukkan kepada kala lampau yang berterusan sehingga ke kala di mana orang kafir itu berada. Aspek kala dalam ayat ini menunjukkan kepada makna masa nafi itu pada kala lampau yang bersambung hingga ke kala kini.

68. Al-Fajr: Ayat 17

﴿كَلَّا بَلْ لَا تُكْرِمُونَ الْيَتَامَةَ﴾ (17)

Pengertian ayat:

Janganlah demikian, (sebenarnya kata-kata kamu itu salah), bahkan perbuatan kamu wahai orang-orang yang hidup mewah, lebih salah lagi kerana) kamu tidak memuliakan anak yatim, (malah kamu menahan apa yang ia berhak menerimanya).

Unsur kala nafi:

Menurut Abū Ḥayyān al-Andalūsī (1992: Jil.10: 474) dan al-Zamakhsharī (T.t: Jil. 4: 252) penggunaan ﴿ك﴾ dalam ayat ini digunakan dengan makna nafi dan jawab balas (*radd*) ke atas sangkaan orang-orang yang tidak menghiraukan balasan akhirat bahawa kemewahan yang diberikan Allah s.w.t kepada seseorang bukan (*laysa*) bermakna Allah s.w.t memuliakannya, dan kesempitan yang Allah s.w.t berikan kepada hambanya tidak bermakna Allah s.w.t menghinanya, sebaliknya kemuliaan yang sebenar adalah taufik dan hidayah yang diberikan Tuhan kepada hamba untuk beriman dan berbuat amal soleh. Manakala partikel nafi ﴿ل﴾ yang menyusulinya pula menafikan kandungan ayat kerjaan yang berikutnya sebagaimana yang telah diperincikan dalam analisis aspek kala ayat ini dari sudut partikel nafi ﴿ل﴾. Manakala dari sudut makna masa ﴿ك﴾ dalam ayat ini tidak dapat dikenal pasti oleh pengkaji, di atas sebab sebagaimana yang telah dinyatakan dalam bab sebelum ini. Walau bagaimanapun, bagi pandangan pengkaji partikel ﴿ك﴾ ini digunakan sekadar untuk menyampaikan makna nafi tanpa melihat kepada aspek makna kala.

4.3 Penggunaan Kata Peranti Nafi Bagi Ketiga-tiga Kala Masa

Untuk menerangkan secara lebih jelas penggunaan kata peranti nafi bagi ketiga-tiga kala masa iaitu kala lampau, kala kini dan kala hadapan, pengkaji menggunakan kaedah penjadualan untuk menunjukkan ketiga-tiga kala masa seperti dalam jadual 4.1.

Jadual 4.1

Penggunaan Kata Peranti Nafi Bagi Ketiga-tiga Kala Masa

Bil.	KPN	Kala Lampau	Kali kini	Kala Hadapan	Kekerapan
1.	يُسْنَ	-	Al- <u>Ghāshiyatt</u> : 22	Al- <u>Ghāshiyatt</u> : 6	2
2.	مَ	Al-Takwīr: 25 Al-Mutaffifīn: 33 Al-Burūj: 8 Al-Layl: 19 Al-Tāriq: 14 Al-Duhā: 3 Al-Bayyinatt: 4 Al-Bayyinatt: 5 Al-Masad: 2	'Abasa: 7 Al-Takwīr: 22 Al-Takwīr: 24 Al-Mutaffifīn: 12	Al-Infītār: 16 Al-Takwīr: 29 Al-Tāriq: 10	16
3.	يَ	Al-Balad: 11 Al-Naba': 27	Al-Inshiqāq: 20 Al-Inshiqāq: 21 Al-Kāfirūn: 3 Al-Mutaffifīn: 4 Al- <u>Ghāshiyatt</u> : 17 Al-Fajr: 17 Al-Fajr: 18 Al-'Adiyāt: 9 Al-Mā'ūn: 3 Al-Kāfirūn: 2	Al-Naba': 24 Al-Naba': 35 Al-Naba': 37 Al-Naba': 38 Al-Infītār: 19 Al-Tāriq: 10 Al-A'lā: 6 Al-A'lā: 13 Al- <u>Ghāshiyatt</u> : 7 Al- <u>Ghāshiyatt</u> : 11 Al-Fajr: 25	27

				Al-Fajr: 26 Al-Layl: 15 Al-Kāfirūn: 4 Al-Kāfirūn: 5	
4.	لَا	-	-	-	0
5.	إِنْ	-	Al-Tāriq: 4 Al-Takwīr: 27	-	2
6.	لَنْ	-	-	Al-Naba': 30 Al-Inshiqāq: 14 Al-Balad: 5	3
7.	مِ	Al-Naba': 6 Al-Nāzi‘āt: 46 Al-Burūj: 10 Al-Fajr: 6 Al-Fajr: 8 Al-Balad: 7 Al-Balad: 8 Al-‘Alaq: 5 Al-‘Alaq: 14 Al-‘Alaq: 15 Al-Bayyinatt: 1 Al-Duhā: 6 Al-Fil: 1	-	-	17

		Al-Fīl: 2 Al-Shāh: 1 Al-Ikhlās: 3 Al-Ikhlās: 4			
8.	لَمْ	‘Abasa: 23	-	-	1
9.	كَلَّا	-	-	-	1

Berdasarkan jadual di atas dapat dijelaskan bahawa penggunaan kata peranti nafi yang paling kerap digunakan dalam Juz ‘Amma ialah partikel nafi لَمْ, iaitu sebanyak 27 kali. Diikuti dengan partikel nafi كَلَّا sebanyak 17 kali, seterusnya partikel nafi كَلَّا sebanyak 16 kali. Manakala partikel nafi لَمْ mencatatkan kekerapan penggunaan sebanyak 3 kali. Kata peranti nafi لَيْسَ dan partikel nafi إِنْ masing-masing sebanyak 2 kali, partikel nafi كَلَّا yang mengandungi makna nafi 1 kali. Penggunaan partikel لَمْ pula hanya 1 kali, manakala partikel nafi لَا ثَلَاثَة didapati tidak digunakan dalam ayat-ayat Juz ‘Amma.

Pengkaji mendapati taburan penggunaan partikel nafi لَمْ dengan makna masa pada ketiga-tiga kala masa, iaitu kala lampau, kala kini dan masa hadapan dalam juz ini adalah seimbang. Manakala partikel لَمْ walaupun digunakan untuk ketiga-tiga makna masa, tetapi ia lebih kerap digunakan untuk makna masa pada kala hadapan.

Pengkaji mendapati bahawa partikel nafi لَا ثَلَاثَة tidak disebut dalam surah-surah juz ini, manakala partikel كَلَّا telah disebut sebanyak 18 kali, namun hanya satu darinya sahaja yang digunakan dengan maksud nafi dan jawapan balas (*radd*) sebagaimana yang terdapat dalam jadual 4.1, manakala yang selebihnya digunakan dengan makna-makna

lain iaitu sangkalan (*rad'*), sanggahan/ amaran keras (*zajr*) dan juga dengan maksud "حَقًا" (benar) (rujuk jadual 4.3). Namun begitu, pengkaji tidak dapat memperincikan makna ﻚـ dari sudut makna kala seperti yang telah dijelaskan dalam bab sebelum ini. Partikel nafi ﴿ pula didapati telah disebut sebanyak 17 kali dalam juz ini, lapan darinya telah digunakan bersama hamzah tanya (*hamzatt al-istifhām*) yang telah mengeluarkan partikel ini dari makna asal iaitu untuk tujuan nafi kepada makna-makna lain, seperti menarik perhatian (*al-tanbīh*), peringatan (*al-tadhkīr*), meminta pengakuan (*al-taqrīr*) dan lain-lain. Ayat-ayat yang mengandungi makna-makna *balāghatt* tersebut masih kekal mengandungi makna kala tetapi mengikut makna penyataan ('*ŷāb*/ *muthbat*) yang bertentangan dengan maksud nafi sebagaimana yang telah dinyatakan dalam analisis. Seterusnya pengkaji turut sama mendapati penggunaan kata peranti-kata peranti nafi yang lain yang boleh dikaitkan dengan aspek makna kala sebagaimana yang terdapat dalam jadual di atas.

4.4 Penggunaan Kata Peranti Nafi Menerusi Ayat Namaan (*Ismiyyatt*) Dan Ayat Kerjaan (*Fi'liyyatt*).

Dari aspek penggunaan kata peranti nafi dalam ayat pula, pengkaji mendapati ada kata peranti-kata peranti nafi tertentu yang memasuki ayat namaan dan juga ayat kerjaan serta ada yang memasuki kedua-dua jenis ayat. Maklumat ini boleh dirujuk dalam jadual berikut:

Jadual 4.2
Penggunaan Kata Peranti Nafi Menerusi Ayat Namaan Dan Ayat Kerjaan

Bil.	KPN	Ayat Namaan	Ayat Kerjaan
1.	لِيْسَ	2	-
2.	مَا	8	8
3.	لَا	3	24
4.	لَاتْ	-	-
5.	إِنْ	2	-
6.	لَنْ	-	3
7.	لَمْ	-	18
8.	لَمَّا	-	1
9.	لَكَلَّا	-	1

Jadual di atas menggambarkan kekerapan penggunaan partikel nafi dalam ayat namaan dan ayat kerjaan dalam Juz ‘Amma. Partikel nafi yang paling banyak digunakan bersama ayat namaan ialah لَا, partikel لَا pula didapati yang paling banyak digunakan bersama ayat kerjaan. Pengkaji mendapati partikel لَا digunakan secara seimbang pada kedua jenis ayat, manakala partikel لَمْ hanya disebut dalam ayat kerjaan, maklumat lanjut boleh dirujuk sebagaimana yang terdapat dalam jadual di atas.

4.5 Penggunaan Kata Peranti لَكَلَّا Dalam Ayat Namaan Dan Kerjaan Yang Tidak Mengandungi Makna Nafi

Hasil dari kajian yang dijalankan, pengkaji telah mengenal pasti kata peranti ﴿كَلَّا﴾ telah disebut sebanyak 18 kali dalam juz ini. Walau bagaimanapun, hanya 1 dari 18 ayat yang terdapat penggunaan partikel ini yang menunjukkan maksud nafi, manakala selebihnya digunakan dengan maksud-maksud lain selain dari nafi seperti, seperti sangkalan (*rad'*), sanggahan/ amaran keras (*zajr*) dan dengan maksud "حَقًا" (benar) (rujuk jadual berikut).

Jadual 4.3

Kata Peranti ﴿كَلَّا﴾ Dalam Ayat Namaan Dan Kerjaan Yang Tidak Mengandungi Makna Nafi

Bil.	Ayat Namaan	Ayat Kerjaan
1.		<p>﴿كَلَّا سَيَعْلَمُونَ﴾ (Al-Naba': 4)</p> <p>Maksud: Sangkalan (<i>rad'</i>) terhadap golongan yang bertanya tentang hari kiamat dengan niat mempersenda, Menurut al-Zamakhsharī (T.t: Jil. 4: 176) dan Abū Ḥayyān al-Andalūsī (1992: Jil.10: 411) pengertian ayat ini ialah “mereka akan ketahui juga apa yang akan menimpa mereka satu masa nanti”.</p>
2.		<p>﴿كَلَّا مَنْ كَلَّا سَيَعْلَمُونَ﴾ (Al-Naba': 5)</p> <p>Maksud: Sangkalan (<i>rad'</i>) terhadap golongan yang bertanya tentang masa kiamat dengan mempersenda. al-Qurtubī (1950: Jil. 19: 170) menyatakan pengulangan partikel</p>

		dalam ayat ini setelah ayat sebelumnya dengan bertujuan untuk pengukuhan (<i>tawķid</i>) tentang kejadian hari kiamat.
3.	<p>وَأَمَّا مَنْ جَاءَكَ يَسْعَىٰ 8 وَهُوَ يَخْشَىٰ 9 فَأَنْتَ عَنْهُ تَلَهُّ 10 كَلَّا إِنَّهَا تَذَكِّرَةٌ 11</p> <p>(‘Abasa: 8-11)</p> <p>Maksud: Sangkalan (<i>rad’</i>) ke atas perbuatan Nabi s.a.w, menurut al-Zamakhsharī (T.t: Jil. 4: 185) dan Abū Hayyān al-Andalūsī (1992: Jil.10: 428) pengertian ayat ini ialah “jangan kamu lakukan lagi sepertinya; melayani golongan yang berkedudukan dan berpaling dari golongan yang fakir dan miskin”.</p>	
4.		<p>فَمُّمِئِّذًا شَاءَ أَنْشَرَهُ 22 كَلَّا لَمَّا يَقْضِي مَا أَمْرَهُ 23</p> <p>(‘Abasa : 22-23)</p> <p>Maksud: Manurut al-Zamakhsharī (T.t: Jil. 4: 168) dan Abū Hayyān al-Andalūsī (1992: Jil.10: 429) ia bermakna sangkalan (<i>rad’</i>) terhadap keadaan manusia yang berada dalam kekufuran dan dosa. Manakala al-Qurṭubī (1950: Jil. 19: 219)</p>

		mentafsirkan sangkalan ini dengan maksud “jangan kamu sangkakan apa yang diperkatakan orang kafir itu benar”.
5.		<p style="text-align: right;">﴿فِي أَيِّ صُورَةِ مَا شَاءَ رَبُّكَ ۚ كَلَّا بَلْ ۗ﴾ 8 ﴿كَذَّبُونَ بِاللَّهِ ۚ﴾ 9 (Al-Infītār: 8-9)</p> <p>Maksud: Menurut <u>al-Zamakhsharī</u> (T.t: Jil. 4: 193) dan Abū <u>Hayyān</u> al-Andalūsī (1992: Jil.10: 247) ia membawa erti sangkalan dan sanggahan (<i>rad' wa zajr</i>) terhadap perkara selepas partikel كَلَّا iaitu pendustaan mereka akan hari kiamat dan syariat Islam.</p>
6.		<p style="text-align: right;">﴿أَلَا يَظْنُ أُولَئِكَ أَنَّهُمْ مَبْعُوثُونَ ۖ ۗ لِيَوْمٍ ۗ﴾ 4 عَظِيمٌ ۗ 5 يَوْمٌ يَقُومُ النَّاسُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ۖ ۗ</p> <p style="text-align: right;">﴿كَلَّا إِنَّ كِتَابَ الْفُجَارِ لَفِي سِجْنٍ ۚ﴾ 7 (Al-Mutaffifin: 4-7)</p> <p>Maksud: Menurut <u>al-Zamakhsharī</u> (T.t: Jil. 4: 195) bermaksud sangkalan (<i>rad'</i>) Allah s.w.t terhadap sikap manusia yang mengambil ringan tentang hari pembalasan dan hari kebangkitan.</p>
7.		﴿إِذَا ثُلَّى عَلَيْهِ آيَاتُنَا قَالَ أَسْطَرِيُ الْأَوَّلَيْنَ ۚ﴾

	<p>13 ﴿كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ﴾ ﴿14 (Al-Mutaffifin: 13-14)</p> <p>Maksud: Menurut al-Zamakhsharī (T.t: Jil. 4: 196), Abū Ḥayyān al-Andalūsī (1992: Jil.10: 441) dan al-Qurtubī (1950: Jil. 19: 259) ia membawa maksud sanggahan dan sangkalan Allah s.w.t. terhadap apa yang diperkatakan oleh mereka, maksudnya “Jangan sekali-kali jangan!! Sesungguhnya hati mereka telah hitam”</p>	
8.	<p>﴿كَلَّا إِنَّهُمْ عَنِ رَّهْبَمْ يَوْمِئِذٍ لَمَحْجُوبُونَ﴾ (Al-Mutaffifin: 15)</p> <p>Maksud: Menurut al-Zamakhsharī (T.t: Jil. 4: 196) dan al-Qurtubī (1950: Jil. 19: 161) bermaksud <i>rad'</i> serta <i>zajr</i>, iaitu “sesungguhnya mereka akan terdinding dari tuhan mereka pada hari itu (kiamat)”</p>	
9.	<p>﴿ثُمَّ يُقَالُ هَذَا الَّذِي كُنْتُمْ بِهِ تُكَدِّبُونَ 17﴾ ﴿كَلَّا إِنَّ كِتَابَ الْأَبْرَارِ لَفِي عِلْيَانٍ 18﴾ (Al-Mutaffifin: 18)</p> <p>Maksud: al-Zamakhsharī (T.t: Jil. 4: 196) mengertikan ia sebagai</p>	

	sangkalan Allah s.w.t. terhadap pendustaan. Manakala al-Qurtubī (1950: Jil.19: 262) mentafsirkan ia dengan makna "حَقًا" (benar), iaitu "benar sesungguhnya kitab catatan amalan orang-orang yang berbakti adalah dalam 'illiyyīn'"	
10.		<p>﴿وَحِبُّونَ الْمَالَ حُبًّا جَمَّا 20 كَلَّا إِذَا دُكَّتِ﴾ \diamond ﴿الْأَرْضُ دَكَّا دَكَّا 21﴾ (al-Fajr: 20-21)</p> <p>Maksud: al-Zamakhsharī (T.t: Jil. 4: 211), Abū Hayyān al-Andalūsī (1992: Jil.10: 471) dan al-Qurtubī (1950: 20) menjelaskan bahawa ia bermaksud sanggahan dan sangkalan Allah s.w.t. ke atas perbuatan mereka yang sedemikian.</p>
11.	<p>﴿عَلِمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ 5 كَلَّا إِنَّ﴾ \diamond ﴿الْإِنْسَانَ لَيَطْعَمُ 6﴾ (Al-'Alaq: 6)</p> <p>Maksud: al-Qurtubī (1950: Jil. 20: 123) menjelaskan ia bermaksud "حَقًا إِنَّ الْإِنْسَانَ" (benar), iaitu "حَقًا لَيَطْعَمُ".</p>	
12.	<p>﴿لَمْ يَعْلَمْ بِأَنَّ اللَّهَ يَرَى 14 كَلَّا لَئِنْ لَمْ﴾ \diamond ﴿يَتَهِ لَتَسْفَعَ بِالنَّاصِيَةَ 15﴾ (Al-'Alaq: 14-15)</p>	

	Maksud: Menurut al-Zamakhsharī (T.t: Jil. 4: 224), Abū Hayyān al-Andalūsī (1992: Jil.10: 495) ia bermaksud sanggahan (<i>zajr</i>) ke atas Abu Jahl yang menegah orang dari menunaikan ibadah dan mengajak kepada penyembahan berhala.	
13.		<p>﴿ سَنْدُغُ الرَّبَّانِيَّةِ 18 كَلَّا لَا تُطْعِهُ وَاسْجُدْ ﴾ ﴿ وَاقْتَرِبْ 19﴾ (Al-‘Alaq: 18-19)</p> <p>Maksud: al-Zamakhsharī (T.t: Jil. 4: 225) ia bermaksud sangkalan (<i>rad'</i>) ke atas Abu jahl.</p>
14-16.		<p>﴿ أَلْهَمْكُمُ التَّكَاثُرُ 1 حَتَّىٰ زُرْمُ الْمَقَابِرَ 2 كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ 3 ثُمَّ كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ 4 5 كَلَّا لَوْ شَعْلَمُونَ عِلْمَ الْأَيْقِينِ﴾ (Al-Takāthur: 1-5)</p> <p>Maksud: Menurut al-Zamakhsharī (T.t: Jil. 4: 231), Abū Hayyān al-Andalūsī (1992: Jil.10: 808) dan al-Qurtubī (1950: 172) ia bermaksud sangkalan dan menarik perhatian (<i>rad' wa tanbih</i>) yang diertikan dengan tidak sepatutnya manusia menjadi hamba kepada dunia dan tidak mempedulikan urusan agamanya.</p>

		Manakala dari sudut pengulangan partikel dalam ayat-ayat ini adalah untuk menguatkan maksud sangkalan serta amaran tersebut (<i>li ta'kīd al-rad'</i> <i>wa al-indhār</i>).
17.		<p style="text-align: right;">يَنْسَبُ أَنَّ مَالَهُ أَخْلَدَهُ ۚ ۳ كَلَّا لَيُبَدِّلَ فِي ۴ الْخَطْمَةِ (Al-Humazatt: 3-4)</p> <p>Maksud: Menurut <u>al-Zamakhsharī</u> (T.t: Jil. 4: 233) dan <u>Abū Hayyān al-Andalūsī</u> (1992: Jil.10: 510) mentafsirkan partikel ini sebagai sangkalan (<i>rad'</i>) Allah s.w.t. ke atas sangkaan manusia bahawa harta di dunia akan mengekalkanya hidup.</p>

Jadual 4.3 di atas menunjukkan penggunaan kata peranti nafi dalam ayat namaan dan kerjaan yang tidak mengandungi makna nafi, berserta dengan kandungan maksud bagi setiap ayat yang menunjukkan tidak mengandungi makna nafi menurut pandangan ahli nahu dan tafsir.

4.6 PENUTUP

Bab ini menjelaskan tentang hasil dapatan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Pengkaji menemui sebanyak 70 kali penggunaan partikel nafi dalam 68 ayat dalam Juz ‘Amma. Salah satu dari ayat tersebut mengandungi dua jenis penggunaan partikel nafi

yang berlainan dalam satu ayat. Data kajian diperolehi melalui penelitian pengkaji ke atas ayat-ayat Juz ‘Amma yang mengandungi gaya bahasa nafi melalui kata peranti-kata peranti tertentu. Data tersebut dikumpulkan dan dianalisa berpandukan pandangan ahli nahu dan ahli tafsir al-Quran serta mengemukakan pandangan peribadi pengkaji. Berdasarkan dapatan tersebut menunjukkan implikasi penggunaan gaya bahasa nafi dari aspek masa sangat besar ke atas pengertian ayat. Diharap dapatan tersebut akan membuka lagi ruang dan peluang kepada kajian-kajian lain pada masa akan datang.

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji akan membuat kesimpulan hasil daripada kajian yang telah dijalankan. Ia merangkumi semua aspek yang telah dibincangkan dalam bab-bab yang sebelumnya. Seterusnya pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan yang bersesuaian untuk kajian lanjutan di masa akan datang.

5.1 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, gaya bahasa nafi merupakan satu aspek yang ada dalam semua bahasa, namun cara penyampaiannya berbeza dari satu bahasa dengan bahasa yang lain. Merujuk kepada kajian yang dijalankan terhadap Juz ‘Amma tentang unsur masa dalam gaya bahasa nafi, pengkaji dapat mengemukakan beberapa rumusan penting hasil daripada kajian yang telah dijalankan. Antaranya ialah :

5.1.1 Ciri-ciri Kata Peranti Nafi

1. Berdasarkan kajian yang dijalankan, nafi dalam bahasa Arab dibahagikan kepada dua iaitu nafi tersirat (*al-nafī al-dimniyy*) dan nafi tersurat (*al-nafī al-sarīh*). Nafi tersirat dikenali sebagai nafi berdasarkan konteks uslub atau gaya bahasa tertentu seperti gaya bahasa tanya (*al-istifhām*), gaya bahasa kehairanan (*al-ta‘ajjub*), gaya bahasa pengecualian (*al-istithnā’*) dan juga gaya bahasa pemindahan konteks (*al-iddirāb*).
2. Nafi tersirat juga dapat dikenali melalui penggunaan perkataan-perkataan tertentu yang dari sudut semantiknya sudah mengandungi makna nafi, seperti

lafaz-lafaz yang mengandungi makna pertentangan (*al-tadād*), keengganan (*al-imtinā‘*) dan juga penolakan (*al-rafḍ*).

3. Nafi tersurat (*al-nafi al-sarīh*) pula dikenali melalui penggunaan kata perantinya yang sudah dikenal pasti seperti مَمْ لَمْ، إِنْ لَأَنْ، لَيْسَ لَمَّا، لَنْ، لَا، لَاتْ .

5.1.2 Kepentingan Kata Peranti Nafi Dari Aspek Kala.

1. Pengkaji mendapati gaya bahasa nafi dari segi kala dalam bahasa Arab penting untuk menjelaskan maksud sebenar makna sesuatu penafian yang mengkehendaki pada kala masa tertentu.
2. Untuk menyampaikan maksud ayat yang tersurat dan tersirat mengenai aspek kala agar pembaca dapat memahami maksud sebenar yang terkandung dalam al-Quran al-Karim.
3. Untuk mengetahui kata peranti nafi yang digunakan secara khusus bersama kata kerja kala kini dan kala lampau. Ini kerana pengkaji mendapati penggunaan kata peranti nafi pada dua jenis kata kerja tersebut ada hubung kait yang rapat dengan aspek kala.

5.1.3 Implikasi Penggunaan Kata Peranti Nafi Dari Aspek Makna Kala

1. Hasil daripada kajian yang dijalankan pengkaji mendapati penggunaan kata peranti nafi dari aspek makna kala menunjukkan tiga situasi yang berbeza, iaitu menjelaskan makna nafi pada kala lampau yang jauh dan yang dekat dengan kala kini, makna masa nafi kala lampau yang berterusan sehingga ke kala kini atau sebaliknya, serta makna masa nafi pada kala hadapan, sama ada hanya menunjukkan pada masa tersebut ataupun dari makna masa kala kini yang berterusan sehingga ke kala hadapan.

2. Mengemukakan kepentingan gaya bahasa nafi dari segi makna kala dalam gaya bahasa al-Quran agar pemahaman tentang maksud ayat yang terkandung di dalam al-Quran dapat diinterpretasikan dengan betul dan tidak menyeleweng dari kehendak yang sebenar.
3. Menentukan makna masa yang sesuai dengan kehendak kata peranti nafi yang digunakan dalam sesebuah penggunaannya dalam bahasa arab dan juga al-Quran al-Karim.

5.1.4 Perbezaan Pandangan Ahli Nahu.

1. Hasil kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa kata peranti nafi "نَفْيٌ" merupakan kata peranti nafi yang paling banyak diperkatakan oleh ahli nahu mengenainya dari sudut aspek kala. Walau bagaimanapun, pengkaji memilih untuk mengikut pandangan majoriti ahli nahu berkaitan penggunaannya.
2. Daripada sembilan jenis partikel nafi, terdapat empat jenis partikel nafi yang kebanyakannya ahli nahu bersepakat mengenai aspek kalanya, iaitu partikel نِ and لَّا for tujuan penafian dengan makna masa kala lampau, serta لِ and لَّنْ pula digunakan dengan sebagai untuk makna masa pada kala hadapan.

5.1.5 Penggunaan Kata Peranti Nafi Dalam Juz ‘Amma.

1. Daripada sembilan kata peranti nafi yang telah dikenal pasti, terdapat lapan darinya digunakan dalam Juz ‘Amma kecuali partikel لَّا. Hanya tujuh kata peranti nafi yang dapat dikaitkan dengan unsur makna masa iaitu tidak termasuk partikel لَّكَ.
2. Hasil analisis yang dibuat oleh pengkaji, didapati partikel لِ digunakan secara seimbang dengan makna masa pada ketiga-tiga kala masa iaitu kala lampau, kala

- kini dan masa hadapan. Manakala partikel *ي* digunakan untuk ketiga-tiga makna masa, tetapi ia lebih kerap digunakan untuk makna masa pada kala hadapan.
3. Kata peranti nafi yang ditemui dalam Juz ‘Amma yang memasuki kata kerja kala kini adalah lebih banyak berbanding dengan kata peranti nafi yang disebut bersama kata kerja kala lampau.
 4. Pengkaji menemui sebanyak 70 kali penggunaan kata peranti nafi dalam 68 ayat dalam Juz ‘Amma sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab 4.

5.1.6 Kekangan Kajian

Pengkaji menghadapi beberapa kekangan dalam menyiapkan kajian ini. Antaranya ialah:

a. **Kekurangan Sumber Rujukan**

Sumber rujukan yang diperolehi terhad, sedangkan bahan-bahan rujukan yang bersesuaian kebanyakan terdapat di luar negara. Pengkaji menghadapi kesulitan bila berurusan melalui pembelian atas talian untuk mendapatkan bahan yang dikehendaki.

b. **Kekangan Maklumat**

Terdapat dua kata peranti nafi yang tidak dapat diuraikan secara terperinci untuk dikaitkan dengan penggunaan unsur masa dalam bahasa al-Quran. Ini disebabkan pengkaji tidak menjumpai nas-nas yang tepat untuk menyatakan tentang penggunaan partikel nafi tersebut dari aspek kala seperti yang dikaji oleh pengkaji, iaitu kata peranti nafi *لَا* و *لَكَ*.

5.2 CADANGAN

5.2.1 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian mengenai unsur masa dalam gaya bahasa nafi bahasa Arab dan perkaitannya dengan al-Quran masih kurang dibincangkan. Oleh kerana al-Quran al-Karim merupakan sumber wahyu dan menjadi rujukan utama bagi umat Islam, pengkaji mencadangkan kajian lanjutan seperti berikut:

- a. Kajian keseluruhan ke atas al-Quran mengenai unsur kala melalui gaya-gaya bahasa yang pelbagai.
- b. Kajian terhadap dua partikel nafi ﴿لَمْ﴾ dan ﴿لَا﴾ yang boleh dikaitkan dengan unsur kala.

Diharap dua cadangan kajian di atas dapat memberikan banyak faedah ilmiah berbentuk teori dan praktikal berdasarkan kaedah nahu serta penggunaannya dalam gaya bahasa al-Quran.

5.2.2 Cadangan Umum

Berdasarkan analisis yang telah dibuat, pengkaji dapat merumuskan bahawa kajian mengenai kata peranti nafi dengan aspek kala untuk keseluruhan juz dalam al-Quran al-Karim perlu dilaksanakan secara berterusan. Ini kerana dengan adanya kajian-kajian tersebut, penghasilan buku-buku bahasa Arab terutamanya untuk tujuan pendidikan di sekolah dan universiti lebih berkualiti dengan mengambil kira penggunaan gaya bahasa yang terdapat dalam al-Quran al-Karim.

Selain itu juga, dengan adanya kajian sebegini, diharap dapat memberi sumbangan kepada bidang pendidikan untuk mewujudkan satu pengkhususan atau bidang khas bagi mengkaji keindahan dan keistimewaan bahasa al-Quran yang masih kurang diselidiki.

5.3 PENUTUP

Peranan kata peranti nafi bukan sahaja penting dalam binaan struktur ayat bahasa Arab tetapi juga merupakan teras dari segi semantik ayat. Sekiranya kata peranti nafi tidak digunakan dengan tepat, ia tidak akan dapat menepati erti makna dan masa nafi yang dikehendaki. Diharap hasil daripada kajian ini, dapat kiranya pengkaji-pengkaji memperoleh banyak faedah ilmiah berbentuk teori dan parktikal serta memberi sumbangan kepada bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

SENARAI RUJUKAN

a) Rujukan Arab:

Al-Qurān al-Karīm.

‘Abbās Hasan. (T.t) *al-nahw al-Wāfi*. Al-Qāhiratt: Dār al-Ma‘ārif

Al-‘Adawī, Abī ‘Abdullāh Muṣṭafā. (1999). *Tafsīr al-Rabbāniyyīn Li ‘Umūm al-Mu’mīnīn Tafsīr Juz ‘Amma*. Al-Mansūratt: Dār al-Khulafā’.

Al-‘Alawī, Hibatullāh Bin ‘Alī bin Muḥammad Bin Hamzatt al-Husnī. (1992). *Amālī Ibn al-Shajari*. Cetakan pertama. Kaherah: Al-Khānjī.

Al-‘Askarī, Abū Hilāl. (1989). *Al-Sinā‘atayn*. Cetakan ketiga. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyatt.

Abū Bashār ‘Amru Bin ‘Uthmān Bin Qanbar (yang dikenali dengan Sibawayh). (T.t). *Al-Kitāb*. Cetakan pertama. Beirut: Dār al-Jīl.

Al-Akhfash, Sa‘īd Bin Mas‘adatt al-Balkhī al-Majāshi‘ī. (1985). *Ma ‘ānī al-Qurān*, Cetakan pertama. Beirut: ‘Alam al-Kutub.

Al-Andalūsī, Muḥammad Bin Yūsuf (yang dikenali sebagai Abū Hayyān al-Andalūsī). (1992). *Al-Bahr al-Muhīt Fī al-Tafsīr*. Jil. 10. Beirut: Dār al-Fikr Li al-Tibā‘att.

Al-Andalūsī, Muḥammad Bin Yūsuf (yang dikenali sebagai Abū Hayyān al-Andalūsī). (1997). *al-Tadhyīl Wa al-Takmīl Fī Sharh Kitāb al-Tashīl*. Cetakan pertama. Beirut: Dār al-Qalam.

Al-Andalūsī, Muḥammad Bin Yūsuf (yang dikenali sebagai Abū Hayyān al-Andalūsī). (1997). *Irtishāf al-Darb Min Lisān al-‘Arab*. Kaherah: Al-Maktabatt al-Azhariyyatt.

Al-Ashmūnī, ‘Alī Nūruddīn Bin Muḥammad Bin ‘Isā. (T.t). *Sharh al-Ashmūnī ‘Alā Alfiyyatt Ibn Mālik*. Al-Qāhiratt: al-Halabī.

Al-Darwīsh, Muhyī al-Dīn. (2003). *I'rāb al-Quran al-Karīm Wa Bayānuhu*. Jil. 8. Beirut: Dār Ibn Kathīr.

Al-Fākihī, Ahmad Bin al-Jamāl. (1971). *Sharh al-Fākihī 'Alā Qatr al-Nadā*. Cetakan kedua. Kaherah: Al-Halabī.

Fāris Muḥammad 'Isā. (1994). *Al-Nahw al-'Arabiyy: Uslūb Fī al-Ta'allum al-Dhātiyy*. Cetakan pertama. Jordan: Dār al-Bashīr.

Al-Farkhān, Kamāluddīn 'Alī Bin Mas'ūd Bin Maḥmūd Bin al-Hikam. (1997). *Al-Mustawfā Fī al-Nahw*. Kaherah: Dār al-Thaqāfatt al-'Arabiyyatt.

Al-Ghalāyīnī, Muṣṭafā. (1988). *Jāmi‘ al-Duriṣ al-'Arabiyyatt*. Beirut: Al-Maktabatt al-'Asriyyatt.

Ibn 'Aqīl Bahā' al-Dīn Bin 'Aqīl al-'Aqīlī al-Hamdānī al-Misriyy. (1995). *Sharh Ibn 'Aqīl*. Beirut: Al-Maktabatt al-'Asriyyatt.

Ibn 'Uṣfūr, Abu al-Ḥasan 'Alī Bin Mu'min Bin Muḥammad Bin 'Alī al-Hadramī al-Ishbillī. (1998). *Al-Muqarrib*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyatt.

Ibn 'Uṣfūr. (1998). *Sharh Jumal al-Zujājī*. Cetakan pertama. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyatt.

Ibn Hishām al-Anṣārī, Jamāluddīn. (1991). *Mughnī al-Labīb 'An Kutub al-A'arīb*. Beirut: Maktabatt al-'Asriyyatt.

Ibn Hishām al-Anṣārī, Jamāluddīn. (1998). *Awdah al-Masālik Ilā Alfiyyatt Ibn Mālik*. Cetakan pertama. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabiyy.

Ibn Hishām al-Anṣārī, Jamāluddīn. (T.t). *Sharh Qatr al-Nadā Wa Ball al-Sadā*. Beirut: Dār al-Fikr al-'Arabiyy.

Ibn Kathīr, Isma‘īl Bin ‘Umar. (2008). *Al-Misbāh al-Munīr Fī Tahdhīb Ibn Kathīr*. al-Qāhiratt: al-Maktabatt al-Islāmiyatt.

Ibn Mālik, Jamāluddīn Muḥammad. (1968). *Tashīl al-Fawā’id Wa Takmīl al-Maqāṣid*. al-Qāhiratt: Dār al-Kutub al-‘Arabiyyatt.

Ibn Mālik, Jamāluddīn Muḥammad. (1990). *Sharh al-Tashīl*. Cetakan pertama. Kaherah: Hajara.

Ibn Mālik, Jamāluddīn Muḥammad. (2000). *Sharh al-Kāfiyatt al-Shāfiyatt*. Editor: ‘Alī Muḥammad Ma’ūd & ‘Adil Abdul Mawjūd. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyatt.

Ibn Manzūr, Abū al-Fadl Jamāluddīn Muḥammad Bin Mukrim al-Afrīqiyī al-Miṣriyy. (T.t). *Lisān al-‘Arab*. Jil. 12. Beirut: Dār Sādir.

Ibn Ya‘īsh, Muwaffiq al-Dīn Bin ‘Alī. (T.t). *Sharh al-Mufassal*. Kaherah: Maktabatt al-Mutanabbī.

Ibrāhīm Anīs. (1985). *Min Asrār al-Lughatt*. Kaherah: Maktabatt al-Anjalū al-Miṣriyyatt.

Al-Irbillī, ‘Alā’ al-Dīn Bin ‘Alī. (1991). *Jawāhir al-Adab Fī Ma‘rifat Kalām al-‘Arab*. Editor: Dr. Imīl Ya‘qūb. Beirut: Dār al-Nafā’is.

Al-Jurjānī, ‘Abd al-Qāhir Bin ‘Abd al-Rahmān. (1992). *Dalā'il al-Ijāz*. Cetakan ketiga. Kaherah: Maṭba‘att al-Madanī.

Kamāl ‘Abd Rahīm Rāshīd. (2008). *Al-Zaman al-Nahwiyy Fī al-Lughatt al-‘Arabiyyatt*. ‘Ammān (Jordan): Dār ‘Ālam al-Thaqāfatt.

Khālid Bin ‘Abdullah Bin Abī Bakr al-Azharī. (T.t). *Sharh al-Tasrīh ‘Alā al-Tawdīh*. Cetakan Pertama. Al-Qāhiratt.

Khalīl Aḥmad ‘Amāyiratt. (T.t). *Uslubā al-Nafī Wa al-Istīḥām Fī al-‘Arabiyyatt*. Jāmi‘att al-Yarmūk.

Majma‘ al-Lughatt al-‘Arabiyyatt. (2004). *Al-Mu‘jam al-Wasīt*. Cetakan kedua. Misr: Maktabatt al-Shurūq al-Dawliyyatt.

Mona Abdul El-Wahab Mohamed Youssef. (2005). *Susunan al-Nafī Kajian Nahuan Qur’ani Perlaksanaan Dalam Surah al-Baqarah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Mubarrid, Abū Bin Muḥammad Bin Yazīd. (1994). *Al-Muqtadab*. Editor: Muḥammad Abdul Khāliq ‘Adīmatt. Cetakan pertama. Al-Qāhiratt: al-Majlis al-A‘lā Li al-Shu’ūn al-Islāmiyyatt.

Muhammad Abdul Khāliq ‘Adīmatt. (2004). *Dirāsāt Li Uslūb al-Qurān al-Karīm*. Jil.1. al-Qāhiratt: Dār al-Hadīth.

Muhammad Abdul Khāliq ‘Adīmatt. (2004). *Dirāsāt Li Uslūb al-Qurān al-Karīm*. Jil.2. al-Qāhiratt: Dār al-Hadīth.

Muhammad Abdul Khāliq ‘Adīmatt. (2004). *Dirāsāt Li Uslūb al-Qurān al-Karīm*. Jil.3. al-Qāhiratt: Dār al-Hadīth.

Muhammad Amīn Dannāwī. (1999). *Al-Mu‘jam al-Muyassar Fī al-Qawā‘id Wa al-Balāghatt Wa al-Inshā’ Wa al-‘Arūd*. Cetakan pertama. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyatt.

Muhsin ‘Alī ‘Atīyyatt. (2007). *Al-Asālīb al-Nahwiyyatt ‘Ard Wa Tatbīq*. Jordan: al-Manāhij Li al-Nashr Wa al-Tawzī‘

Al-Murādī, Hasan Bin al-Qāsim. (1992). *Al-Janā al-Dānī Fī Hurūf al-Ma‘ānī*. Cetakan pertama. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyatt.

Al-Nahhāl, Jamāl Muḥammad. (2007). *Asālīb al-Nafī Wa al-Tawķīd Fī Shi‘r Rathā Shuhadā’ Intifadatt al-Aqṣā: Dirāsatt Wasfiyyatt Tahlīliyyatt*. Al-Jāmi‘att al-Islāmiyyatt Ghazzatt.

Al-Nahhās, Mustafa. (1979). *Asālīb al-Nafī Fī al-‘Arabiyyatt: Dirāsatt Wasfiyyatt Tārīkhīyyatt*. Jāmi‘att al-Kuwayt: Kulliyāt al-Adab Wa al-Tarbiyāt.

Al-Qurtubī, Abu ‘Abdullāh bin Ahmad al-Ansāri. (1950). *al-Jāmi‘ Li Aḥkām al-Qurān*. Al-Qāhirāt: Dār al-Kutub al-Misriyyāt.

Raja Munirah bt Raja Sulaiman. (2006). *Uslūb al-Nafī Fī al-Lughatayn al-‘Arabiyyatt Wa al-Malāyūwiyatt: Dirāsatt Taqābuliyāt*. Universiti Islam Antarabangsa.

Al-Rājihī, ‘Abduh. (1988). *Al-Tatbīq al-Nahwiyy*. Beirut: Dār al-Nahdāt al-‘Arabiyyāt.

Al-Sayūtī, Jalāluddīn Abdul Rahmān Bin Abī Bakr. (1996). *Al-Itqān Fī ‘Ulūm al-Qurān*. Cetakan pertama. Beirut: Dār al-Fikr.

Al-Sayūtī, Jalāluddīn Abī ‘Abdul Rahmān. (2002). *Lubāb al-Nuzūl Fī Asbāb al-Nuzūl*. Beirut: al-Maktabat a-Thaqāfiyyāt.

Al-Sayūtī, Jalāluddīn. (1985). *Al-Ashbāh Wa al-Nazā’ir*. Beirut: Mu’assasat al-Risālah.

Al-Sayūtī, Jalāluddīn. (1998). *Ham‘ al-Hawāmi‘ Fī Sharh Jam‘ al-Jawāmi‘*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyāt.

Al-Suhaylī, Abu al-Qāsim ‘Abdul Rahman Bin ‘Abdullah. (1992). *Natā’ij al-Fikr Fī al-Nahw*. Editor: ‘Alī Muhammad Ma’ūd & ‘Adil Abdul Mawjūd. Cetakan Pertama. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyāt.

Al-Tabarī, Muḥammad Bin Jarīr Bin Yazīd Bin Kathīr Bin Ghālib al-Amālī Abū Ja‘far. (2000). *Jāmi‘ al-Bayān Fī Ta’wīl ’āyy al-Qurān*. Jil. 24. Cetakan Pertama. Beirut: Mu’assasat al-Risālah.

Tammām Ḥassān. (1985). *Al-Lughāt al-‘Arabiyyāt Ma’nāhā Wa Mabnāhā*. Kaherah: Al-Hay’att al-Misriyyāt al-‘Ammāt Li al-Kitāb.

Al-Thālibī, Abū Mansūr Abdul Malik Bin Muḥammad. (1989). *Fiqh al-Lughāt Wa Sirr al-‘Arabiyyāt*. Cetakan kedua. Damsyiq: Dār al-Hikmat.

Al-Zajjāj. (1997). *Ma ‘ānī al-Quran Wa I’rābuhu*. Cetakan kedua. Kaherah: Dār al-Hadīth.

Al-Zamakhsharī, Abī al-Qāsim Jārullāh Bin Maḥmūd Bin ‘Umar Bin Ahmad. (1998). *Asās al-Balāghatt*. Jil. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyatt.

Al-Zamakhsharī, Abī al-Qāsim Jārullāh Maḥmūd Bin ‘Umar al-Khawārizmī. (T.t). *Al-Kashshāf ‘An Haqā’iq al-Tanzīl Wa ‘Uyūn al-Aqāwīl Fī Wujūh al-Ta’wīl*. Jil. 4. Kaherah: Dār al-Fikr.

Al-Zamkhsharī, Abū al-Qāsim Maḥmūd Bin ‘Umar. (T.t). *Al-Mufassal Fī ‘Ilm al-‘Arabiyyatt*. Cetakan kedua. Beirut: Dār al-Jīl.

Al-Zarkashī, Badruddīn Muḥammad Bin ‘Abdullah. (T.t). *Al-Burhān Fī ‘Ulūm al-Qurān*. Kaherah: Dār al-Turāth.

b) Rujukan Bukan Arab:

Sheikh Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Semakan: Muhammad Noor bin Haji Ibrahim. Cetakan kedua belas. Kuala Lumpur: Darul Fikir.